

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 17

Rabu

3 Disember 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2015 (Halaman 30)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 3 Disember 2014**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya memulakan pertanyaan jawab lisan ini, izinkan saya mengambil kesempatan mengucapkan dan mengalu-alukan kehadiran seramai 30 orang guru-guru daripada Ahli Jawatankuasa PIBG Sekolah Menengah Sultan Ibrahim, Pasir Mas, Kelantan. *[Tepuk]* Hari ini ialah hari ketiga kepada persidangan kita dan mulai hari ini kita akan mulakan perbahasan bajet.

Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kalau boleh semua sekali ambil bahagian tetapi cuba kemukakan nama-nama yang ingin menyertai, senang saya hendak membuat perangkaan masa. Saya akan bagi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk berucap, untuk menyenangkan pihak kami di sini untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Di samping itu, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini memperingatkan, Yang Berhormat boleh bercakap apa sahaja yang tersebut dalam bajet tersebut dan pihak kementerian juga saya berharap tentukan mengambil catatan apabila sampai masa pihak kementerian menjawab, senang untuk dapat mengulasnya. Sekian sahajalah, sekarang saya mulai pertanyaan pertama, Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani.

1. Datuk Yahaya bin Mat Ghani minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, mempunyai satu pelan komprehensif termasuk bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain bagi memastikan golongan belia ini dapat ditingkatkan kemahiran mereka untuk menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan diri mereka lebih kompetitif di bidang kemahiran yang mereka ceburi.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Belia dan Sukan telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi antaranya adalah seperti Kementerian Sumber Manusia melalui Program Khas Latihan Kemahiran Belia, di mana program tersebut memberi peluang kepada belia yang tercicir dari segi pendidikan serta golongan yang berisiko tinggi. Ia adalah di antara program yang dilaksanakan secara *National Blue Ocean Strategy* dengan izin, yang melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN),

Pusat Latihan Industri (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi, Institut Teknologi Jepun Malaysia serta kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Di samping itu, jalinan kerjasama dengan agensi swasta turut diberi tumpuan bagi menampung permintaan daripada belia yang tercicir dari arus pendidikan mahupun belia yang telah bekerja boleh meningkatkan kemahiran melalui Program Latihan Kemahiran Tidak Formal (LKTF) pada hujung minggu dan juga program perintis. Kementerian juga telah mengorak langkah dengan menjalinkan kerjasama dengan beberapa badan sijil kemahiran antarabangsa bagi memudahkan serta membolehkan graduan lepasan IKBN memiliki kemahiran yang terkini serta berdaya saing. Antaranya ialah persijilan antarabangsa City & Guilds, C&G London dalam bidang hospitaliti, persijilan antarabangsa *American Welding Society* (AWS) dalam bidang kimpalan atau *welding*.

Pada tahun 2014 sahaja sejumlah 11 MoU telah dimeterai di antara IKBN bersama syarikat dalam dan luar negara berkaitan latihan industri serta penempatan kerja bagi membolehkan lepasan IKBN memperoleh pekerjaan sebaik sahaja tamat latihan. Terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang cukup saya berpuas hati. Soalan tambahan saya, sebagaimana yang kita tahu semua pihak mempunyai harapan yang tinggi terhadap belia agar berperanan sebagai penggerak utama dalam memastikan kesinambungan tamadun.

Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah perancangan kementerian terhadap belia-belia yang tidak bekerja dan menganggur? Adakah sudah dikenal pasti setiap dari mereka ini kerana faktor ini yang menyebabkan belia melibatkan diri dengan gejala-gejala tidak sihat yang seterusnya belia juga menampakkan kecenderungan ke arah menentang kerajaan. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan dan keprihatinan Yang Berhormat terhadap golongan belia. Seperti mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, hari ini kita lihat hampir separuh populasi Malaysia adalah terdiri daripada golongan belia dan merekalah akan menentukan hala tuju negara ini pada masa akan datang.

Maka kementerian dan kerajaan begitu prihatin terhadap golongan tercicir ini. Apabila kita mengkaji secara mendalam Tuan Yang di-Pertua, punca pengangguran dan tidak berpeluang adalah khususnya mereka yang tidak dapat melanjutkan pendidikan, yang telah tercicir daripada arus pendidikan. Sebelum ini mereka memang ada peluang-peluang pekerjaan di negara ini di mana mereka dapat bekerja di peringkat bawah. Apabila seseorang belia tiada pendidikan ataupun tidak dapat melanjutkan pendidikan, mereka masih ada peluang di negara ini untuk bekerja di kilang-kilang, di *service sector*, dengan izin.

Akan tetapi dalam masa 20 tahun yang lalu, semua peluang ini telah diambil alih oleh pekerja asing. Maka apabila seorang pelajar ataupun seorang belia tidak dapat melanjutkan pendidikan kemungkinan besar mereka tiada peluang lagi kerja di negara ini sebab semua peringkat bawah telah diambil oleh pekerja asing.

■1010

Maka Kementerian Belia dan Sukan memberi, melahirkan peluang-peluang latihan kemahiran khas melalui IKBN dan hari ini memandangkan perkara ini adalah satu perkara yang cukup serius, IKBN telah menambahkan pengambilan di mana sebelum ini hanya 7,000 lebih penuntut boleh masuk dalam satu-satu masa tetapi Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan IKBN di seluruh negara supaya mengadakan dua *shift* mulai tahun 2015 di mana kita boleh menampung 15,000 belia setiap kali dan dengan ini saya yakin akan mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia. Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dadah adalah musuh negara nombor satu dan setakat ini hanya AADK sahaja dan NGO's seperti PEMADAM yang mengadakan program kepada anak-anak muda kita yang terlibat dengan dadah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kementerian mengadakan program-program kepada belia-belia yang terlibat dengan dadah dan apakah mereka ini ditinggalkan begitu sahaja ataupun adakah kementerian mengambil mereka ini dan diberi kursus selepas mereka ini sedar semula untuk mendapat pekerjaan-pekerjaan tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, dadah merupakan satu isu yang cukup serius di negara ini. Setakat ini, Kementerian Dalam Negeri mengambil langkah-langkah positif terhadap mengatasi masalah ini melalui AADK dan sebagainya kerana penglibatan dalam aktiviti-aktiviti seperti ini terlibat dengan bukan sahaja pemulihan tetapi penguatkuasaan. Maka KDN menjalankan langkah-langkah ataupun aktiviti-aktiviti untuk mengambil tindakan terhadap golongan ini dan cuba mencari jalan-jalan yang terbaik untuk mengatasi.

Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan melalui IKBN, kita tidak hadkan untuk mana-mana pihak, melalui IKBN memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan latihan kemahiran di IKBN-IKBN seluruh negara. Pada masa yang sama, Kementerian Belia dan Sukan juga melalui agensi-agensi dan badan-badan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan mengadakan pelbagai aktiviti untuk melahirkan kesedaran di kalangan belia supaya tidak menceburkan diri dalam gejala-gejala seperti ini. Terima kasih.

2. **Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sejauh manakah ancaman IS (*Militant Islamic State*) kepada negara kita dan di tahap manakah ancaman ini berbanding dengan ancaman *Jemaah Islamic* (JI) dan Al-Qaeeda.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ancaman kumpulan pengganas, minta maaf. Berterabur, buang, banyak sangat. Kumpulan pengganas militan *Islamic State* ini kepada keselamatan negara telah berada di tahap yang membimbangkan dan boleh memberi impak yang besar kepada keselamatan negara. Perkembangan ini telah dimaklumkan oleh kerajaan melalui pembentangan

Kertas Putih bertajuk, '*Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State*' yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 26 November 2014.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ancaman yang dibawa oleh pengganas militan *Islamic State* terhadap Malaysia seperti mana yang telah dinyatakan dalam Kertas Putih tersebut adalah daripada sudut pengaruh ideologi ekstrem iaitu Salafi Jihadi dibawa oleh kumpulan pengganas militan *Islamic State*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa *Jemaah Islamic* dan Al-Qaeda mempunyai matlamat yang sama dengan kumpulan pengganas IS iaitu untuk menubuhkan sebuah negara Islam sepenuhnya mengikut acuan radikal mereka.

Maka yang dibimbangkan adalah apabila mereka menunjukkan tanda sokongan melalui baiah dan berjuang dengan cara yang sama seperti kumpulan pengganas IS iaitu melakukan kekejaman dan tindakan tidak berperikemanusiaan. Selain itu, Malaysia juga boleh berhadapan dengan risiko keselamatan yang membimbangkan berikutan kumpulan militan-militan rakyat Malaysia dari Syria, Iraq serta banduan rakyat Malaysia yang akan dibebaskan oleh Kerajaan Indonesia pada tahun 2015 di mana mereka berpotensi bertindak bersendirian untuk melakukan apa jua bentuk serangan. Manakala mereka yang tidak berpeluang ke zon konflik juga boleh memberi ancaman kerana dorongan untuk melakukan aktiviti radikalisme dan pengganasan di dalam negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Norliza binti Abdul Rahim Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya rasa ancaman IS ini bagi saya adalah sesuatu yang amat membimbangkan. Kalau kita lihat dalam akhbar *Berita Harian* pagi ini di muka depan menunjukkan bahawa mereka mempunyai perancangan untuk menghasilkan bom nuklear daripada bahan yang dicuri daripada universiti di Iraq. Jadi saya rasa bayangkan sekiranya ini berlaku, ia akan menjadi satu bencana kepada dunia dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk turut menyokong pembentangan Kertas Putih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tapi seterusnya saya ingin bertanya beberapa soalan.

Memandangkan kita tahu bahawa ancaman IS ini merupakan ancaman militan berbentuk global iaitu cuba mempengaruhi umat Islam sedunia dengan radikal ideologi, apakah bentuk kerjasama negara kita dengan negara jiran yang turut menghadapi ancaman IS ini dan di tahap manakah keberkesanan kerjasama kita ini dan juga kalau kita lihat di *United Kingdom* dan di Australia, mereka telah meletakkan ancaman ini sebagai satu tahap kewaspadaan keselamatan yang amat tinggi dan saya juga ingin bertanya sama ada kementerian ingin mengadakan satu akta khusus untuk keganasan seumpama ini atau perlu kita letakkan dan perketatkan di bawah Akta Hasutan. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, berhubung dengan kerjasama kita dengan pihak jiran kita khususnya dengan ASEANPOL menerusi kerjasama PDRM dengan ASEANPOL yang mana PDRM telah menubuhkan satu bahagian dipanggil Anti Keganasan di bawah cawangan khas yang menjalankan kerjasama bersama dengan pihak ASEANPOL di rantau ini.

Dalam masa yang sama, kita juga membuat kerjasama dengan Interpol dan juga badan-badan risik dunia yang terbesar khususnya di Amerika, di England, Australia dan sebagainya untuk menangani

masalah ini. Tapi dari sudut ini, kita telah melihat kesannya tindakan yang telah dibuat oleh pihak PDRM, penangkapan yang telah kita buat dalam negara kita baru-baru ini dan hingga pada hari ini pun kita mempunyai tangkapan-tangkapan yang ditunjuk dan telah dedahkan kepada umum menunjukkan keberkesanan tindakan kita.

Jadi apa yang tinggal Tuan Yang di-Pertua, ialah oleh kerana kehilangan satu instrumen dahulu iaitu ISA, jadi kita tidak ada lagi mempunyai satu undang-undang dikatakan *preventive marshal* untuk mengadakan tindakan sebagaimana kita boleh buat semasa ISA dahulu. Kerananya kita sekarang berlandaskan *evidence*, kalau *evidence* itu kena dituduh. Walaupun kita mempunyai SOSMA, SOSMA itu hanya untuk menuduh berlandaskan *evidence* yang ada tapi adakah kita hendak menunggu perkara ini berlaku dahulu, satu tempat nak bom dulu lepas itu baru kita menuduh ataupun kita hendak menghalang, *prevent* pengeboman ini berlaku dan kita ambil tindakan sebagaimana yang kita boleh buat dahulu.

Jadi dalam keadaan sedemikian, saya menjawab soalan yang kedua bahawa memang kerajaan telah menentukan di bawah Kertas Putih untuk mengadakan satu rang undang-undang yang berlainan, berasingan untuk menangani masalah keganasan khususnya berkaitan dengan IS, yang diterajui oleh IS. Ini kerana banyak badan tertentu umpamanya Abu Sayaf di Selatan Filipina, Al-Qaeda, JI telah menunjuk baih atau sumpah setia bersama dengan IS ini di rantau Arab dan juga kawasan kita di sini di Asia.

■1020

Jadi, dengan keadaan sedemikianlah kenapa undang-undang ini menjadi amat penting. Kita masih menyelenggarakan undang-undang ini dan membuat apa yang dikatakan *engagement* dengan beberapa pihak untuk mendapat pandangan, saranan dan sebagainya. Ini kerana kita juga perlu memainkan peranan sebagai negara yang demokratik supaya berbincang dengan beberapa pihak sebelum satu-satu undang-undang walaupun telah didedahkan dalam Kertas Putih Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani masalah yang kita hadapi sekarang, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengeluarkan kertas putih berhubung dengan masalah IS. Soalan saya ialah berapakah bilangan rakyat Malaysia yang telah terlibat dalam aktiviti IS? Berapakah nyawa yang telah terkorban kerana mengambil bahagian dalam aktiviti yang sesat ini? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut statistik terakhir pada 25 November 2014, yang ada pada saya sekarang ini ialah peringkat ini ada 45 orang. Hari ini pun kita mendengar dalam laporan akhbar bahawa polis telah menahan lagi beberapa orang. Akan tetapi oleh kerana perkara ini adalah berterusan, maka saya tidak melaporkan apa yang bakal berlaku esok dan lusa.

Jadi maknanya, jumlah ini adalah tidak dapat dikesan pada hari ini. Hanya berlandaskan pada hari bulan itu sahaja. Jadi, dalam keadaan sedemikianlah kenapa maka kita mengambil berat perkara ini. Polis tidak akan berhenti untuk mengesan, menjejak dan melihat memberi perhatian kepada mereka

ini. Yang mati itu saya minta notis daripada Yang Berhormat Senator berhubung dengan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah meninggal ataupun mati dalam memperjuangkan ideologi mereka di luar negara, terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membentangkan soalan ketiga, saya juga mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan 30 orang guru dan ahli Jawatankuasa PIBG dari Sekolah Menengah Sultan Ibrahim, Pasir Mas, Kelantan yang ada di belakang kita [*Tepuk*]

3. Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah perancangan masa panjang UDA Holdings dalam sasaran untuk menambah bilangan premis perniagaan untuk kaum bumiputera.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Matlamat utama penubuhan *Urban Development Authority* (UDA), dengan izin, adalah untuk membantu kaum bumiputera mempunyai pegangan ekuiti dalam semua kegiatan perdagangan dan perusahaan.

Sejajar dengan matlamat berkenaan, UDA sentiasa memberikan keutamaan kepada usahawan bumiputera terlebih dahulu untuk memiliki hartanah dan premis perniagaan yang dibangunkan di dalam setiap projek pembangunan UDA. Selain itu, keutamaan turut diberikan dalam penyewaan ruang niaga di kompleks-kompleks perniagaan milik UDA. Ini dibuktikan melalui peratusan penyertaan yang tinggi di dalam pemilihan hartanah dan premis perniagaan yang dibangunkan di dalam setiap projek pembangunan UDA, contohnya:

- (i) 5,687 atau 81% unit kediaman daripada 7,201 unit yang dibina dijual kepada bumiputera sepanjang tahun 2010 hingga 2014;
- (ii) 451 atau 85% unit ruang niaga daripada 533 unit yang dibina dijual kepada bumiputera tahun 2010 hingga 2014;
- (iii) 59 kontrak pembinaan bernilai RM559.48 juta diberikan kepada kontraktor bumiputera selepas melalui proses tender terbuka sepanjang tahun 2011 hingga Jun 2014;
- (iv) 107 kontrak perundingan bernilai RM78.7 juta diberikan kepada perunding bumiputera yang layak tahun 2011 hingga 2014.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan, daripada 1,265 unit ruang niaga yang dibina oleh UDA, 769 atau 60.8% diberikan kepada bumiputera sama ada dijual atau disewa. Dari segi rumah kediaman pula, 19,229 unit, daripada itu 80.5% iaitu 15,484 unit rumah dijual kepada bumiputera. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri Kewangan yang telah memberi angka-angka yang komprehensif. Tuan Yang di-Pertua, selalunya dalam mana-mana pembangunan hartanah, 30% daripada semua unit diperuntukkan kepada bumiputera. Soalan tambahan saya ialah memandangkan

pemilikan hartanah perdagangan bumiputera hanya 70.58% sahaja pada masa ini, tidakkah boleh UDA diberi dana yang mencukupi dan digunakan sebagai salah satu agensi yang boleh membeli premis perniagaan ini, diberi sewa kepada syarikat-syarikat bumiputera dan menjual kepada mereka ataupun syarikat-syarikat ini apabila mereka mampu membeli. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih atas cadangan itu. Ia adalah satu cadangan yang baik sekali dan kita juga telah membincangkan cadangan-cadangan seumpama itu. Bagaimana dana diberikan kepada UDA dan kemudian UDA membeli premis perniagaan, terutama yang dijual oleh swasta di luar sana yang begitu banyak. Ini kerana hanya 7.5% sahaja premis. Kalau di Kuala Lumpur ini, Lembah Kelang, angka yang sebelum ini dimaklumkan kepada saya ialah 15% sahaja dari segi keseluruhan premis perniagaan adalah milik bumiputera.

Jadi, antara perkara-perkara yang kita akan laksanakan, ini senarai yang saya hendak nyatakan. UDA akan melaksanakan projek-projek oleh UDA Land iaitu UDA Land North di Seberang Prai, di Perlis. Antara projek lagi ialah UDA Land Sdn. Bhd. di Bandar Tun Hussein. Kita akan buat lagi Town Park 5 namanya. Kemudian UDA Land di Selatan, UDA Land South di Skudai Kanan misalnya. Beberapa kawasan perniagaan akan dibuka Expera, UBC, Trigon. Kemudian UDA Land East di Kemaman, juga *shop office* misalnya, 110 unit. Akan tetapi suka cita saya maklumkan di sini bahawa UDA terlibat dalam perumahan ini, Bandar Tun Hussein Onn, Jalan Baru, Seberang Prai, Tanjung Tokong, Bandar Baru UDA, Pusat Bandar Tampoi, Skudai Kanan, Bandar UDA Utama, Taman Murni, Gong Badak, Terengganu, Taman Kinta Perdana, Pelindung Heights, Kuantan, Bidong, Sungai Petani.

Satu perkara yang saya ingin kongsi ialah satu projek besar, RM6 bilion sedang buat perancangan yang teliti untuk membangunkan semula kawasan Penjara Pudu di Kuala Lumpur ini. UDA akan berusaha sama dengan EPF (KWSP) untuk mewujudkan satu pembangunan bercampur dan pembangunan itu dipanggil sebagai Bukit Bintang City Centre. Kita akan memastikan supaya peratusan yang tinggi segala projek itu akan diberikan kepada bumiputera. Masalah kita ialah keupayaan bumiputera untuk membeli. Mengapakah perkara itu berlaku? Ini kerana jumlah harta bumiputera yang belum meningkat.

Di antara sebabnya kaedah untuk mengatasi kita hendak kata sebab-sebab itu banyak tetapi kaedah untuk mengatasi ialah supaya bumiputera ada pendidikan tinggi kemudian mempunyai kuasa kewangan yang lebih tinggi, kemahiran tinggi, gaji tinggi. Kita berharap bumiputera akan melibatkan diri dalam perniagaan, belajar daripada rakan kita masyarakat Cina terutamanya. Supaya apabila bumiputera mempunyai keupayaan kewangan yang tinggi, kita tidak akan lagi menghadapi segala masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi.

■1030

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan UDA yang mana peranannya seperti yang dimaklumkan tadi adalah untuk memastikan keterlibatan golongan bumiputera dalam perniagaan di bandar ataupun di ibu kota ini terpelihara. Cuma sejak akhir-akhir ini Tuan Yang

di-Pertua, banyak suara keresahan dan kebimbangan di kalangan peniaga-peniaga di peringkat bumiputera untuk berniaga di kawasan-kawasan ataupun lokasi-lokasi strategik.

Contohnya di KLCC, Pavilion bahkan di KLIA dan juga KLIA2. Apakah mungkin pihak kerajaan boleh mengesyorkan kepada UDA ataupun mungkin di sana sudah ada pendekatan yang mana memberikan ruang dan peluang kepada mereka peniaga-peniaga bumiputera ini untuk turut sama terlibat dalam berniaga di kawasan-kawasan strategik. Mungkin salah satu faktornya adalah kerana sewanya yang agak tinggi.

Saya cadangkan UDA memainkan peranan untuk menyewa dengan harga seperti mana yang ditetapkan oleh penyewa tetapi disewakan kembali kepada peniaga-peniaga bumiputera dengan harga yang lebih rendah. Pada akhirnya mungkin boleh dijual supaya hak milik hartanah bumiputera itu terpelihara. Saya mohon pandangan daripada pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki. Antara kawasan lokasi strategik di Kuala Lumpur yang dimiliki oleh UDA, BB Plaza sekarang ini disewakan 120 unit itu di tengah bandar. Pudu Sentral, UTC Kuala Lumpur, 195 lot telah disewakan 95% kepada bumiputera dan Cahaya Suria – 89 lot. Saya juga ingin maklumkan di BB Plaza, siapa-siapa Ahli Yang Berhormat yang hendak berniaga atau kawan-kawan, ada 48 lot kosong di BB Plaza, ini suatu yang menghairankan. Pudu Sentral ada 27 lot kosong, Cahaya Suria ada 12 lot kosong dan satu lagi Kompleks Niaga Utama di Kuala Lumpur, Kompleks Pertama di Kuala Lumpur ada 208 unit di Kompleks Pertama, 15 kosong 62.5% bumiputera di situ. Kemudian kita juga mengadakan lot perniagaan di Angsana Ipoh, di Angsana Seremban, Angsana Johor Bahru. Di Hentian Duta Kuala Lumpur – 55 lot, dua kosong 96% bumiputera.

Jadi ini antara lokasi-lokasi strategik. Memanglah di KLCC di Pavilion, di KLIA2 yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi banyak lagi perkara yang perlu dilakukan di situ. Akan tetapi akhirnya Yang Berhormat penguasaan premis perniagaan ini dia berbalik kepada di takat manakah ekonomi bumiputera itu. Oleh kerana itu, pemerkasaan ekonomi bumiputera kita akan teruskan. Apabila maju tahun 2020, kita ingin semua kaum maju di Malaysia, bumiputera pada ketika itu 70% lebih pada tahun 2020. Bagaimana negara ini boleh jadi maju kalau 70% rakyatnya tidak maju. Agenda bumiputera ini sudah menjadi agenda nasional yang dipersetujui dalam Barisan Nasional. Terima kasih.

4. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah kementerian yang berkenaan akan memberikan fokus dan tumpuan kepada beberapa jenis sukan yang telah terbukti mencapai tahap penarafan dunia seperti badminton, skuasy dan sebagainya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah memberi tumpuan kepada sukan-sukan berprestasi tinggi yang merangkumi sukan-sukan yang dipertandingkan di empat temasya utama iaitu Sukan Olimpik, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan SEA. Secara amnya sebanyak 43 jenis sukan dikategorikan sebagai sukan berprestasi tinggi dan daripada jumlah tersebut sebanyak 19 jenis sukan diletakkan sebagai sukan

teras yang mendapat bantuan sepenuhnya. Manakala sukan-sukan lain disediakan bantuan secara geran bergantung kepada program-program yang telah dipersetujui.

Sukan-sukan yang diberi tumpuan adalah pada sukan yang telah terbukti pencapaiannya dan mempunyai atlet di peringkat dunia serta mampu merealisasikan impian negara mencapai pingat emas pertama di Sukan Olimpik. Sukan-sukan yang disasarkan di peringkat Sukan Olimpik adalah akuatik terjun, badminton, berbasikal trek, memanah dan menembak.

Manakala sukan-sukan di peringkat dunia adalah boling padang, karate, skuasy, *ten-pin bowling*, wusyu dan lain-lain. Sasaran utama pencapaian sukan negara adalah memperolehi pingat emas yang pertama di Olimpik Rio 2016. Sukan-sukan yang berpotensi untuk merealisasikan impian negara untuk mendapat pingat emas adalah melalui sukan akuatik terjun, badminton, berbasikal trek dan memanah. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Umum mengetahui bahawa negeri-negeri yang kecil seperti contohnya New Zealand atau Aotearoa yang mempunyai penduduk tidak sampai lima juta. Namun dalam sukan ragbi, New Zealand merupakan salah satu daripada pasukan yang sangat hebat dan cukup konsisten. Pertanyaan saya ialah apakah kita sudah mempunyai persediaan supaya menjadi konsisten dan ada kesinambungan sepanjang mengenai pemain-pemain sukan ini. Misalnya kita sudah ada pemain sukan yang hebat dalam badminton, dalam skuasy dan sebagainya tetapi kalau dia tidak ada siapa nanti.

Jadi pertanyaan saya kepada kementerian ialah adakah perancangan yang konsisten dan ada kesinambungan ertinya bermula daripada sekolah, remaja sampailah dia menjadi pemain sukan yang hebat itu. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, kementerian dan kerajaan begitu peka dan sensitif terhadap pembangunan atlet-atlet negara. Dengan mulakan program di peringkat pendidikan di mana Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan telah mengamalkan Program 1Murid 1Sukan daripada peringkat sekolah. Walau bagaimanapun, langkah-langkah positif sedang dan akan diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian memandang serius terhadap mutu persembahan dan prestasi atlet-atlet negara ketika bertanding dalam sukan temasya seperti Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Berikutan dengan persembahan kontinjen negara di Glasgow, langkah-langkah awal sedang diambil untuk melihat semula sejauh mana keberkesanan program latihan persediaan atlet yang dilaksanakan sekarang.

Usaha-usaha pemulihan dan penambahbaikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program persediaan atlet sukan prestasi tinggi menjadi perkara asas untuk mencipta kejayaan yang lebih besar di masa akan datang. Beberapa pendekatan awal akan diambil seperti berikut:

- (i) hanya sukan-sukan yang mempunyai daya saing yang tinggi dan berpeluang memenangi emas dicadangkan untuk menyertai temasya-temasya sukan antarabangsa;

- (ii) penstrukturan semula program penyediaan atlet jangka panjang lapan hingga sepuluh tahun yang bersepadu dan seragam di peringkat negeri, pelapis dan elit; dan
- (iii) memperkukuhkan struktur organisasi Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dengan meletakkan sasaran KPI, PSK sebagai sebahagian daripada perancangan utama persatuan.

Terima kasih.

Dato' Dr. Johari Bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan kepada persoalan yang telah ditimbulkan iaitu sukan. Saya ingin bertanya pihak kementerian, daripada jawapan tadi dan juga dalam apa yang saya baca, pihak kementerian nampaknya memberi tumpuan kepada sukan-sukan yang besar untuk mendapat pingat peringkat kebangsaan, antarabangsa dan juga seterusnya. Namun begitu, saya melihat sukan merupakan satu instrumen untuk perpaduan kaum dalam masyarakat kita.

Jadi apakah kementerian telah merangka satu pelan untuk mencungkil dan mengemukakan sukan-sukan rakyat yang banyak dalam negara kita yang bukan hanya dimiliki oleh satu kaum sahaja untuk diketengahkan. Ini semata-mata untuk perpaduan. Saya yakin dan percaya kalau rakyat kita saling bertemu antara satu sama lain dalam program sukan dan sebagainya, maka sudah tentu interaksi itu akan lebih baik. Saya mohon Yang Berhormat.

■1040

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Walaupun kementerian fokus melalui persatuan-persatuan mengenai program-program sukan-sukan yang akan mendapatkan ataupun mengharumkan nama negara kita di arena antarabangsa, tetapi pada masa yang sama, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat, sukan telah dan akan memainkan peranan yang cukup penting untuk mengeratkan perpaduan dan silaturahim di antara semua kaum yang sedia ada.

Kita lihat asas kejayaan kita, kalau kita lihat negara-negara Barat, telah menelan masa hampir 450 tahun untuk melahirkan golongan sederhana, *the middle class society*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, telah menelan hampir 450 tahun untuk melahirkan golongan sederhana, tetapi negara yang kita cintai dan sayangi, dapat berjaya mencapai situasi yang sama dalam masa 50 tahun sahaja. Satu perkara yang cukup membanggakan kita semua. Asas kejayaan kita adalah perpaduan dan silaturahim.

Maka, sukan memang memainkan peranan yang penting di peringkat bawah untuk mengeratkan perpaduan dengan jabatan sukan di peringkat negeri dan agensi-agensi di bawahnya, dan juga dengan bekerjasama persatuan-persatuan belia, badan-badan bukan kerajaan, memang kementerian dan kerajaan sentiasa menyokong dan memberi bantuan dan peruntukan untuk sukan-sukan masyarakat di peringkat bawah dengan program mesra rakyat. Terima kasih.

5. **Dato' Khairudin bin Samad** minta Menteri Kewangan menyatakan, persiapan dan usaha terkini oleh kerajaan dalam melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan berkuat kuasa 1 April tahun depan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad atas soalan ini dan saya mohon izin untuk menjawab tujuh soalan GST bersekali dengan soalan daripada enam orang Ahli Yang Berhormat seperti berikut: Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian pada hari ini; Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam, ada dua soalan pada hari ini; Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong, satu soalan hari ini; Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, satu soalan hari ini; dan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah, satu soalan hari esok.

Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia sentiasa mempergiatkan program kesedaran dan latihan GST dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kefahaman serta kesiapsiagaan pihak awam dan pihak swasta mengenai GST yang akan dilaksanakan pada 1 April 2015. Program-program taklimat dan latihan mengenai GST telah berjalan di seluruh pelosok tanah air secara intensif dengan sokongan padu daripada pelbagai kementerian, jabatan kerajaan dan persatuan-persatuan pengguna.

Sehingga kini, lebih 5,883 program telah dilaksanakan yang melibatkan hampir 482,759 orang peserta. Akan tetapi, ini tidak termasuk program-program seperti misalnya saya *live* di siaran televisyen, ada sekali itu, mengenai GST. Saya mendapat surat daripada Menteri menyatakan bahawa pada malam itu, satu juta penonton yang melihat satu program. Yang ini, setengah juta rakyat, 5,883 program. Jadi program *live* di televisyen, di radio ini, kita akan perbanyakkan untuk memberikan kefahaman.

Maklumat berkaitan GST kini dapat diakses dengan mudah oleh semua pihak secara capaian atas talian di mana mereka boleh melayari laman web Kementerian Kewangan, www.treasury.gov.my dan laman web Jabatan Kastam, gst.customs.gov.my. Selain itu, pusat panggilan kastam, *call centre* yang ditubuhkan oleh Jabatan Kastam, beroperasi di Kelana Jaya, Selangor memainkan peranan yang penting bagi memudahkan semua pihak mendapatkan maklumat yang tepat.

Di samping itu, Jabatan Kastam juga menerbitkan sebanyak 49 panduan industri, 16 panduan spesifik berhubung dengan layanan dan prosedur GST mengikut sektor. Sebuah buku panduan GST kepada peniaga telah diedarkan dan dua lagi buku juga telah diedarkan.

Kerajaan yakin bahawa dengan tahap pemahaman yang tinggi, pelaksanaan GST akan dapat diterima baik oleh semua lapisan masyarakat. Kerajaan telah menyediakan geran sebanyak RM100 juta bagi tujuan pengendalian program latihan dan kesedaran GST. Pertubuhan bukan kerajaan dan persatuan perniagaan boleh memohon untuk mendapatkan geran ini sekiranya bercadang untuk menganjurkan program latihan dan kesedaran GST dengan kerjasama Jabatan Kastam.

Kemudian, kita juga mengadakan apa yang dipanggil sebagai program *hand-holding* yang dijalankan oleh Jabatan Kastam kepada syarikat-syarikat bermula bulan Oktober dan sebanyak 7,594

daripada 15,551 syarikat telah dijemput ke 123 program *hand-holding* kita adakan sehingga 21 November, dan program ini terus dilaksanakan. Sebanyak 179,355 syarikat telah mendaftar sehingga semalam. Harapan kita di hujung bulan Disember ini, 220,000 syarikat. Dengan lain-lain perkataan, angka itu kemungkinan besar boleh kita capai.

Antara inisiatif yang kita laksanakan untuk membantu apa yang kita katakan sebagai urusan pendaftaran ini ialah:

- (i) memuat naik *multimedia video for registration* bagi menggalakkan peniaga membuat pendaftaran terutamanya secara *online*;
- (ii) mengadakan Hari Terbuka GST dan Hari Bertemu Pelanggan;
- (iii) membantu perniagaan mendaftar; dan
- (iv) memperbanyakkan program pendaftaran in situ di setiap taklimat GST.

Purata sekarang ini, 2,500 buah syarikat sehari. Panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua, sebab jawapan untuk ramai Senator.

Tentang layanan GST ke atas rumah-rumah ibadat, badan-badan sukan dan penggunaan elektrik. Sistem percukaian GST secara prinsipnya tidak membezakan sama ada sesuatu aktiviti yang dijalankan seseorang itu bersifat keuntungan wang atau tidak. Prinsip ini telah dinyatakan dengan jelas di bawah subseksyen 3(1) Akta Cukai Barang Perkhidmatan. Oleh itu, semua aktiviti walaupun *non-profit organization* adalah tertakluk kepada pemakaian undang-undang dan peraturan GST sekiranya aktiviti tersebut merupakan satu aktiviti bersifat perniagaan. Walau bagaimanapun, rumah ibadat serta badan dan persatuan sukan hanya perlu berdaftar jika ada membuat pembekalan bercukai dan jumlah pembekalan bercukai tersebut adalah lebih RM500,000 setahun.

Berkaitan penggunaan elektrik, kerajaan sentiasa prihatin dengan kebajikan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, kerajaan telah mengenakan GST pada kadar sifar bagi penggunaan domestik elektrik bagi 300 unit pertama. Dengan lain-lain perkataan, 70% rumah rakyat tidak akan kena GST dari segi elektriknya, hanya 30% rumah mereka yang berpendapatan tinggi kena. Ini pun 6% sahaja. RM100 baru RM6, RM200 baru RM12, sama harga sekotak rokok.

Tuan Yang di-Pertua, unjuran bagi pendapatan tambahan negara dalam lima tahun yang akan datang selepas pelaksanaan GST pada tahun 2015 masih belum dapat ditentukan dengan tepat. Unjuran hasil yang diperolehi bagi tahun 2015 untuk tempoh sembilan bulan selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2015 ialah sebanyak RM23.2 bilion. Namun begitu, jumlah lebihan pendapatan tersebut dijangka berkurangan pada RM19.4 bilion kesan daripada senarai produk dan perkhidmatan tambahan yang diberi pengecualian GST termasuk pelepasan GST ke atas produk petroleum, RON95, diesel dan gas petroleum cecair atau gas memasak. Unjuran GST pada tahun 2016 dan beberapa tahun seterusnya belum ditentukan. Kita akan mengambil kira pendapatan sebenar GST dalam tahun 2015 nanti. Terima kasih.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang terlalu panjang yang saya hendak cari celah untuk beri soalan tambahan sekarang, terlalu panjang. Jadi saya tidak nampak di mana ada. Cuma sedikit yang saya hendak tanya, keberkesannya...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dah cukup, tidak payah tanya lagi.

Dato' Khairudin bin Samad: Keberkesannya, kerana masih ramai lagi mereka-mereka yang di kampung yang tidak faham soal GST ini. Saya mengerti mungkin ada juga mereka-mereka yang datang ke kampung membohongi orang-orang kampung soal GST ini. Akan tetapi, saya hendak tahu keberkesannya, bagaimana orang-orang di kampung dapat kita sampaikan? Ini kerana kalau kita cerita soal *online* Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin di kampung-kampung tidak ada *line*. Apakah cara yang lebih berkesan untuk kita sampaikan kepada mereka di kampung?

Kawan-kawan kita yang ada di bandar, Tuan Yang di-Pertua, yang ada di bandar, umpamanya yang mengambil bahagian dalam tender-tender kerajaan, mereka ada berjumpa dengan saya dan mengatakan bahawa tender-tender kerajaan mungkin akan naik harga oleh sebab termasuk GST. Akan tetapi bila ditanya kepada pegawai, adakah tender kerajaan nanti dikenakan GST, pegawai jawab *goods* tidak ada, bermakna barangan tidak ada, tetapi *services*, dia pun kurang faham. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kalau tender pula macam mana? Kalau kita kenakan tender yang tinggi, sudah tentulah penender-penender terpaksa masuk tender yang tinggi. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kefahaman tentang GST, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat kita 30 juta dan saya menyebut tadi, ada satu siri yang saya terlibat, satu jam, satu juta rakyat menonton tentang GST itu. Kalau saya keluar 30 kali, harapannya 30 juta yang berbeza yang menonton. Akan tetapi, 30 juta itu termasuk anak-anak kecil, yang tidak perlu faham pun tentang GST ini.

■1050

Kalau dari segi rumah, kita ada tujuh juta buah rumah lebih kurang. Kalau mereka boleh faham ataupun anak mereka boleh memahami tentang GST, alangkah bagusnya ya. Memang *online* itu tidak semua kawasan dua puluh dua ribu buah kampung di bandar ada *online*. Majoriti masih lagi lembap *linenya* itu tetapi kepada kita yang berada dan dapat akses *online* ini, semua maklumat di hujung jari Tuan Yang di-Pertua, cukup mudah. Kita masuk sekarang pada saat dan ketika ini, kita buka kita punya *laptop* yang ada di depan masing-masing itu, cuba taip www.gst.customs.gov.my ada dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Segala maklumat GST ada dalam itu.

Jadi kalau kita hendak berceramah untuk 28 juta atau 30 juta orang ini, berapa banyak ceramah kita hendak buat Tuan Yang di-Pertua? Tidak ada kerja lainlah, asyik berceramah GST sahaja. Dasar kerajaan ini ada banyak dan tidak ada satu dasar kerajaan yang ada lima ribu sudah program penerangan, tidak ada. Sepanjang setakat yang saya ingat, tidak ada satu dasar kerajaan belum dilaksanakan, sudah ada lima ribu program penerangan. Kita juga sedang melaksanakan empat ceramah setiap satu Parlimen, sama ada Parlimen itu Parlimen pembangkang ataupun 134 Parlimen Barisan Nasional.

Kita mengadakan empat ceramah dan kita akan teruskan ceramah ini di mana kawasan yang belum ada. Saya tahu baru sekitar 70% daripada empat ceramah setiap Parlimen itu sudah diadakan. Ceramah itu kepada empat kumpulan. Pertama kepada kumpulan pemimpin-pemimpin di kawasan

Parlimen itu, itu kumpulan yang pertama. Kedua ialah kepada kakitangan awam di Parlimen itu. Ketiga kepada kumpulan orang muda di Parlimen itu sama ada lelaki, perempuan, belia, beliawanis. Keempat kepada NGO di kawasan Parlimen itu. Jadi empat ceramah di 222 Parlimen, 888 ceramah yang saya sendiri terlibat secara langsung dibantu dengan pegawai kastam.

Jadi untuk kita memahami sesuatu perkara ini, sebenarnya setengah jam sudah boleh faham. Buka *website* itu, setengah jam selesai. Kita semua ada *handphone* dan majoriti juga rakyat Malaysia ini ada *handphone* yang *smartphone*. Semuanya itu boleh akses kepada www.gst.customs.gov.my atau www.treasury.gov.my. Segala urusan kerajaan ini pada prinsipnya termasuk tender. Pada prinsipnya, urusan untuk kerajaan dan badan berkanun kerajaan tidak ada dikenakan *services* GST ini, tidak dikenakan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya yang sebenarnya cukup kagum dengan komitmen yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam menerangkan tentang GST ini. Bahkan saya lihat, saya tengok dia pun saya penat. Lompat situ, lompat sini tidak kira masa. Saya menggelar beliau sebagai *superman*.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya rasa bukan sebab tidak kurang penerangan tetapi masalahnya ialah berkenaan dengan sikap rakyat. Pertama sikap rakyat yang kita beritahu macam mana pun mereka tidak tahu dan tidak kisah. Kedua saya masih ingat dalam satu siaran TV, seorang mahasiswa ditanya, apabila dia ditanya selepas membuat demonstrasi. "*Kenapa kamu tidak suka GST? Saya tidak suka. Ya, beritahu sebab-sebab. Saya tidak suka*". Jadi ini pun berbaur politik, politik pembangkang. Jadi saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma saya hendak tanya satu soalan. Seperti yang kita ketahui bahawa GST ini akan diimplementasikan pada April 2015, tahukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada peniaga-peniaga yang telah pun mengutip GST dan saya pernah kena sendiri. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Memang sikap apabila kita beri penerangan ceramah, mereka tidak mahu datang. Bila kita keluar di TV, mereka tidak mahu tengok. Bila masuk radio, mereka tidak mahu dengar. Bila di internet, mereka tidak mahu akses. Kumpulan seumpama ini berat benarlah. Kita bukan berhasrat untuk 100% 28 juta, 30 juta rakyat itu memahami. Ketua keluarga di tujuh juta isi rumah itu kalau faham *alhamdulillah*, itu di antara *target* kefahaman kita ini.

Antara perkara yang perlu difahami bahawa pada saat dan ketika ini sudah ada SST. Itu yang perkara pokok untuk difahami. *Sales tax*, *services tax* pada saat dan ketika ini 5% untuk makanan diproses, semua kita sudah bayar secara tidak langsung. Kemudian 10% untuk baju kita, kenderaan, perabot, segala peralatan elektrik dan makanan yang tertentu. Sebanyak 10% ini kita sudah bayar pada saat dan ketika ini sejak tahun 1972 sudah bayar ini tetapi kita tidak sedar, SST.

Akan tetapi kalau pihak pembangkang dia tidak sebut yang selama ini sudah bayar 5%, 10% dan 6% ini perkhidmatan hotel, perkhidmatan Astro, perkhidmatan segala *top up* kita ini, semua ada 6% dan *parking lot* yang besar-besar itu ada 6%. Pada saat dan ketika ini restoran KFC dan yang

seumpamanya ada 6%. Itu *sales tax* 6% sejak tahun 1975 sudah bayar. Masalah kita apabila di luar sana diberitahu bahawa selama ini kita tidak kena cukai, lepas ini kita kena cukai 6%, itu pembohongan sebenarnya.

Selama ini kita sudah kena 5%, 6% dan 10%, selama ini. Selepas ini 5%, 6%, 10% itu akan dibatalkan dan dimansuhkan, yang ada cuma 6% GST. Ada orang kata kenaikan harga barang tetapi kalau selama ini pakaian kita sudah kena 10%, selepas ini kena 6%, pakaian itu akan turun harga. Begitu juga perabot, begitu juga kereta, begitu juga barangan elektrik dan telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini bahawa 56% daripada senarai barang itu akan turun harga. Jadi tidak semestinya apa yang kita fikirkan GST menaikkan harga itu berlaku.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah sebut sudah kena GST. Itu sebenarnya *service tax*, mereka salah meletakkan. Saya sudah buat beberapa kali penjelasan dalam akhbar, yang itu ialah SST, bukan GST sama ada di hotel, di restoran tertentu, sama ada *services* yang tertentu ada 6%. Sepatutnya ditulis SST atau *service tax*, bukan GST, GST belum ada lagi. Akan tetapi apabila kita bertanya pada pekedai berkenaan, dia kata GST di sini ialah *government service tax*, bukan *goods and services tax*.

Tidak ada sebenarnya istilah *government service tax* ini Tuan Yang di-Pertua, yang ada cuma *service tax* atau *sales and service tax* (SST) atau ST sahaja. Jadi itu kesilapan mereka menambah G di hadapan itu, jadi *government service tax*. GST yang sebenar maksudnya *goods and services tax* tetapi *government service tax* itu tidak ada istilah itu. Apa yang ada cuma ST atau *service tax* sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, bagaimana kementerian ingin memastikan sasaran 90% kawasan di negeri Sabah akan dilengkapi dengan kemudahan perkhidmatan jalur lebar menjelang 2017 dapat dicapai sepenuhnya.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran beberapa orang pelajar Tingkatan Lima Sekolah Kebangsaan Taman Melawati hadir pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan tujuh pertanyaan lain iaitu daripada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul pada 3 Disember, 4 Disember dan 8 Disember, Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok pada 9 Disember, Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren a/l Raman pada 10 Disember, Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad dan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian pada 17 Disember kerana kesemuanya menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan dengan isu perkhidmatan komunikasi negara.

Merujuk kepada persoalan daripada Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, daripada jumlah 949 buah menara telekomunikasi ini, sebanyak 209 adalah terletak di negeri Sabah. Dengan adanya menara baru dan menara sedia ada, kadar liputan jalur lebar mudah alih telah mencapai 75% di

kawasan berpenduduk dan dijangka akan terus meningkat melalui penambahan 79 buah menara lagi yang telah dirancang di bawah program TIME 3 dengan izin, lanjutan.

■1100

Dengan pembinaan menara tambahan di seluruh negara melalui Projek TIME 3 Lanjutan yang dijangka siap pada penghujung 2015, kerajaan menjangkakan liputan selular negara akan meningkat kepada 9.8% dan liputan jalur lebar mudah alih pula akan meningkat kepada lebih daripada 90%.

Dengan siapnya pembinaan 79 menara baru di negeri Sabah pula, ia akan meningkatkan liputan selular di Sabah sehingga 89% bagi kawasan yang berpenduduk. Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas dan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok serta Yang Berhormat Dato' Profesor Dr. Sim adalah dimaklumkan bahawa hasil daripada usaha dan pelaksanaan projek-projek penyediaan infrastruktur komunikasi di seluruh negara khususnya di bawah inisiatif jalur lebar negara atau pun *National Broadband Initiative*, dengan izin, yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010, kadar penembusan jalur lebar mudah alih di Sabah telah meningkat kepada 75% dan 89% di negeri Sarawak bagi kawasan berpenduduk.

Antara projek-projek utama di bawah NBI ini adalah Projek Kampung Tanpa Wayar atau pun KTW1M dan Pusat Internet 1Malaysia yang menawarkan perkhidmatan internet di kawasan pedalaman dan juga luar bandar di mana sehingga kini sejumlah 4,808 Kampung Tanpa Wayar dan 470 Pusat Internet 1Malaysia telah pun dibina. Melalui usaha berterusan seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2015 sebanyak 1,000 lagi menara telekomunikasi baru akan dibina di mana di negeri Sarawak sahaja sebanyak 149 menara telekomunikasi baru telah dirancang dalam usaha untuk memperluaskan liputan dan perkhidmatan telekomunikasi khususnya di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak.

Dalam melaksanakan pembinaan menara telekomunikasi ianya menepati garis panduan yang ditetapkan oleh pihak KPKT, kerana ianya biasanya diputuskan di Jawatankuasa Teknikal. Pada masa yang sama, cabaran besar di dalam pembinaan menara telekomunikasi adalah di peringkat perolehan tapak dan juga kelulusan PBT bagi membolehkan sesebuah menara itu dibina. Ditambah pula kadar bayaran yang dikenakan, ada yang terlampau tinggi contohnya di negeri pembangkang iaitu di Pulau Pinang sejumlah RM5,000 perlu dibayar dan manakala di negeri-negeri lain adalah sejumlah RM2,500 sahaja. Sedangkan projek ini adalah untuk kepentingan rakyat di luar sana.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren, Kampung Tanpa Wayar diwujudkan bagi menyediakan capaian internet tanpa wayar secara kolektif kepada masyarakat kampung di luar bandar. Walau bagaimanapun, pihak SKMM sentiasa melaksanakan pemantauan berkaitan kualiti bagi memastikan perkhidmatan Kampung Tanpa Wayar berfungsi dengan baik antaranya:

- (i) *network monitoring system*, dengan izin, yang memantau setiap Kampung Tanpa Wayar dengan baik;
- (ii) audit secara berkala;

- (iii) penggantian penggunaan VSAT. Kebanyakan di luar bandar ini VSAT kepada teknologi yang lebih baik bergantung kepada infrastruktur yang sedia ada di suatu kawasan, kerana kita maklum teknologi VSAT ini bergantung kepada keadaan cuaca. Sekiranya cuaca mendung atau hujan, ia akan memberi kesan kepada tahap pencapaian internet; dan
- (iv) SKMM biasanya akan menambah kapasiti *back hole*. Sekarang ini 2MB *per second* kepada 4MB *per second*.

Antara usaha-usaha lain seperti Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dengan izin, dan juga Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB), Pembinaan Menara Telekomunikasi Baru (LTE), Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia dan Sistem Kabel Dasar Laut juga akan dilaksanakan dalam usaha untuk terus memperluaskan liputan perkhidmatan jalur lebar dan meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi negara.

Merujuk kepada persoalan daripada Yang Berhormat Dato' Khairudin, secara umumnya pihak kerajaan melalui kementerian ini sentiasa berusaha untuk terus mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi negara. Melalui usaha berterusan ini kadar penembusan jalur lebar negara telah berjaya ditingkatkan. Kadar masa kini ialah 67.3% berbanding pada tahun 2009 hanya 31.7% sahaja. Usaha pelaksanaan pelbagai projek sedang dirancang dan juga dilaksanakan di mana sehingga November 2014 tahun ini, pihak kementerian melalui SKMM telah menyiapkan sebanyak 949 menara baru di bawah Projek TIME 3.

Sebanyak sembilan lagi ibu sawat akan dinaikkan taraf untuk menawarkan taraf *High Speed Broadband*, dengan izin, manakala 26 ibu sawat akan dinaiktarafkan untuk menyediakan perkhidmatan SUBB dalam masa yang terdekat untuk membantu meningkatkan liputan dan kualiti jalur lebar di negeri Sabah. Berdasarkan data daripada *International Telecommunication Union* atau pun (ITU), Malaysia telah menduduki tempat yang kedua di belakang Singapura dari segi langganan jalur lebar talian tetap per 100 penduduk di kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Penembusan jalur lebar ini adalah hasil daripada pelaksanaan beberapa inisiatif kerajaan seperti perluasan perkhidmatan selular 3G, BBGP, Pusat Internet 1Malaysia, Kampung Tanpa Wayar dan juga bagi meningkatkan penggunaan jalur lebar di kawasan luar bandar di seluruh negara terutamanya di Sabah dan Sarawak. Mengenai persoalan isu radiasi melalui beberapa pengujian tahap pancaran Radio Frekuensi (RF) yang dijalankan oleh Agensi Nuklear Malaysia di seluruh negara adalah didapati bahawa tahap pancaran RF di kawasan sekitar menara telekomunikasi adalah amat rendah dan berada di tahap yang selamat.

Kadar pancaran RF ini mematuhi standard mandatori bagi MEC *Electromagnet* atau pun EMF dari struktur radi komunikasi yang telah ditetapkan oleh pihak SKMM dan tidak membawa risiko kesan kesihatan kepada masyarakat sekitar termasuklah golongan warga tua dan kanak-kanak. Terima kasih.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang begitu panjang dan jelas. Soalan tambahan saya bolehkah kementerian

menyatakan baki 10% kawasan di Sabah yang masih belum dalam perancangan kementerian untuk penembusan internet? Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita ada program seperti yang saya maklumkan tadi High Speed Broadband 2 dan juga SUBB. Daripada senarai yang disimpan oleh pihak SKMM, terdapat beberapa perancangan yang akan dimasuki terutamanya di keseluruhan negeri Sabah. Jadi, kalau secara terperinci mungkin saya akan minta pegawai nanti untuk majukan sesalinan kepada Yang Berhormat yang menanyakan soalan. Terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian kementerian tentang orang yang selalu tidak dapat internet, susah hendak dapat internet khususnya pada *peak hours*. Jadi, ini amatlah tidak adil kepada *consumer*. Kita sudah bayar *contribution* tetapi perkhidmatan yang kita dapat sangat teruk. Jadi, adakah apa-apa tindakan oleh kementerian untuk melindungi *consumer* seperti saya lah?

Tuan Yang di-Pertua: Memperbaiki Yang Berhormat. Okey, seterusnya.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya kita ada satu forum yang diberi nama Forum Pengguna. Kita ada empat forum di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia tetapi pengkhususan adalah kepada forum pengguna.

Kebiasaannya, sekiranya kita selaku pengguna kita merasai terdapat kesulitan dari segi akses dan sebagainya ia akan berhubung terus kepada pihak pemberi perkhidmatan dan pihak pemberi perkhidmatan akan berhubung terus kepada forum pengguna yang dianggotai oleh *supply* dan *demand*, dengan izin. Maknanya anggota industri di dalam tersebut dan juga pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan perkara ini akan diambil tindakan sewajarnya oleh forum pengguna. Itu pada masa ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kadangkala benda ini apabila isu *drop call* dan sebagainya sering ditimbulkan, ianya berlaku kadangkala berlakunya penggunaan yang terlampau mendesak apabila berlakunya dalam musim-musim perayaan. Jadi, kadang-kadang ini timbul.

■1110

Kedua, kadangkala dia timbul oleh kerana keadaan cuaca. Jadi, benda-benda ini sebenarnya telah diambil kira oleh pihak SKMM untuk penambahbaikan. Itu saja jawapan saya. Terima kasih.

7. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) langkah atau tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu kehamilan luar nikah bagi remaja di bawah umur; dan
- (b) jumlah peningkatan kes tersebut sepanjang tiga tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

memandang serius akan masalah kelahiran anak luar nikah. Penyelesaian masalah ini memerlukan kerjasama sepenuhnya daripada semua pihak seperti agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta, ahli akademik dan anggota masyarakat. Dalam mengatasi isu kelahiran anak luar nikah ini, KPWKM juga telah mengambil langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani isu tersebut. Antaranya:

- (i) menggubal pelan tindakan dan Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan bertujuan untuk melahirkan individu dan berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan, reproduktif dan sosial;
- (ii) melancarkan Kempen Kami Prihatin dengan kerjasama Kumpulan Utusan Malaysia, Persatuan Karyawan dan Astro Holdings Sdn. Bhd. bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk bersama-sama menangani perbuatan keji membuang bayi;
- (iii) menyediakan Talian Nur 15999 bertujuan memberi perkhidmatan bantuan sokongan dan kaunseling kepada kanak-kanak dan remaja;
- (iv) membangunkan Modul Cakna Diri Edisi Remaja dan Modul Cakna Diri Edisi Ibu Bapa. Bertujuan memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti;
- (v) menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara dengan mengintegrasikan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial ke dalam program PLKN;
- (vi) menubuhkan sebanyak enam pusat remaja Cafe@teen yang memberi maklumat yang berkaitan dengan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling, khidmat klinikal dan kemahiran hidup, perhubungan antara jantina dan tingkah laku berisiko;
- (vii) menubuhkan sebanyak 149 buah pusat aktiviti kanak-kanak di seluruh negara juga merupakan pusat rujukan yang menyediakan perkhidmatan kaunseling serta intervensi krisis kepada mereka yang memerlukan bantuan;
- (viii) bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-anak Yatim Kuala Lumpur iaitu *Orphan Care* bagi mewujudkan tempat khas bayi yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang terdesak, tidak menginginkan bayi mereka yang dikenali sebagai pelindung bayi atau *baby hatch*; dan
- (ix) agensi-agensi dan institusi di bawah KPWKM boleh dihubungi dan bersedia menerima bayi yang tidak diingini oleh ibu bapa mereka seterusnya nyawa bayi yang tidak berdosa dapat diselamatkan.

Melalui usaha yang telah dan sedang diambil oleh pihak kerajaan adalah diharapkan gejala kelahiran anak luar nikah ini akan dapat dikurangkan dan seterusnya dapat dibendung secara berterusan. Berdasarkan statistik dari Jabatan Pendaftaran Negara, bilangan kelahiran anak tidak sah

taraf meningkat dari setahun ke setahun iaitu seramai 52,378 orang bagi tahun 2009, seramai 52,982 orang bagi tahun 2010, seramai 53,788 orang bagi tahun 2011, seramai 58,715 bagi tahun 2012 dan seramai 14,239 orang sehingga Jun 2013.

Langkah-langkah yang dijalankan telah meningkatkan keprihatinan serta kesedaran masyarakat wanita terutamanya wanita tentang kepentingan anak mereka didaftarkan bagi memudahkan urusan perkembangan terutamanya persekolahan anak-anak itu nanti. Ibu-ibu yang melahirkan anak luar nikah juga telah sanggup untuk tampil bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka meskipun bergelar ibu tunggal atau melahirkan anak tidak sah taraf. Sekian. Terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, sekiranya keluarga remaja ini atau orang luar tidak mahu mengambil bayi ini sebagai anak angkat, apakah nasib dan perjalanan kehidupan bayi ini dari usia 0 sehingga 6 tahun, 7 tahun sehingga 12 tahun, 13 tahun sehingga 17 tahun iaitu sehingga tamat SPM? Sekiranya anak ini berjaya dan dapat meneruskan pengajian ke peringkat universiti, saya hendak tahu peranan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, adakah kementerian adakan memantau anak-anak ini dari segi ilmu dunia dan akhirat sehingga mereka berjaya menjejak menara gading? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okey, sekiranya anak-anak ini tidak diingini oleh ibu bapa yang melahirkan mereka itu, JKM akan memainkan peranan beri perlindungan kepada anak-anak yang di bawah 18 tahun. Inilah peranan JKM. Untuk yang umur 18 tahun dan ke atas, memang dia tidak dalam Akta Kanak-kanak dan tidak diambil kira sebagai kanak. Walau bagaimanapun, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kerajaan akan cuba untuk beri bantuan yang sewajarnya melalui sokongan dari masyarakat, swasta dan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut mereka yang lahir tidak sah taraf ini berpuluh ribu. Mungkin sudah capai beratus ribu. Adakah ini rakyat tempatan ataupun luar negara? Boleh bagi angka berapa dari Malaysia dan juga dari luar negara dan negara-negara mana? Mengapa boleh jadi demikian dan dibiarkan berterusan sepanjang tahun? Soalan saya yang kedua, ada kes yang luar nikah ini kerana mereka dipaksa, dirogol dan sebagainya dan apakah tindakan yang telah diambil kepada lelaki yang merogol ataupun bertanggungjawab hingga anak-anak ini lahir tanpa nikah dan terpaksa pula dijaga oleh kerajaan. Jika dia telah diambil tindakan, apakah tindakan yang diambil? Adakah mereka ini dipenjarakan ataupun sebagainya? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tidak angka berapa jumlahnya yang anak-anak tempatan atau dari negara asing tetapi tadi saya telah pun beri jawapan begitu panjang yang mana telah membuktikan kerajaan tidak membiarkan dan kita Jabatan Kebajikan Masyarakat memang ambil berat dan beri perlindungan kepada anak-anak tidak kiralah adakah anak itu dia ada status kewarganegaraan. Untuk lelaki yang buat salah atau rogol anak-anak kita ini, kita perlu serahkan kepada pihak polis supaya mereka menjalankan siasatan dan sekiranya ada bukti yang kukuh boleh didakwa di mahkamah. Itu tertaklukkan kepada mahkamah. Sekian, terima kasih.

8. **Datuk Lihan Jok** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapakah jumlah penduduk Sarawak yang masih dalam status “*stateless*” dan apakah usaha terakhir untuk menamatkan gejala ini jika ada lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang dimaklumkan, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara menyimpan rekod bagi individu yang telah berdaftar bagi urusan kelahiran dan kematian, perkahwinan dan perceraian bagi yang bukan beragama Islam dan juga yang telah dikeluarkan kad pengenalan.

■1120

Oleh itu Jabatan Pendaftaran tidak menyimpan rekod bagi individu yang mendakwakan dirinya *stateless* dan pada masa yang sama tidak juga tampil ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapat dokumen pengenalan diri yang bersesuaian.

Perlu dimaklumkan juga bahawa status bukan kewarganegaraan yang tertera dalam sijil kelahiran seseorang kanak-kanak yang dilahirkan di Persekutuan juga tidak menunjukkan kepada *stateless*, status bukan warganegara ini diberikan kerana terdapat rekod maklumat ibu dan bapa menunjukkan merupakan warga negara asing. Justeru bagi kes seumpamanya, ibu bapa kanak-kanak berkenaan perlu menguruskan dokumen perjalanan dan dokumen pengenalan diri kanak-kanak tersebut dengan kedutaan negara asal mereka.

Hal ini kerana pengeluaran sijil kelahiran kepada kanak-kanak yang dilahirkan di Persekutuan tidak bermaksud pemberian kewarganegaraan Malaysia secara automatik kepada kanak-kanak berkenaan kerana penentuan kewarganegaraan seseorang kanak-kanak yang dilahirkan di Persekutuan adalah bergantung pada syarat-syarat yang termaktub di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Status perkahwinan ibu bapa, taraf kewarganegaraan ibu bapa, dalam hal ini sijil kelahiran hanya dikeluarkan kepada kanak-kanak berkenaan sebagai rekod bahawa lahirnya telah berlaku di Persekutuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Lihan Jok: Masalah *stateless* memang berleluasa di negeri Sabah dan di negeri Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang cuba menjawab soalan saya tadi. Akan tetapi saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, dalam waktu negara kita sedang membangun dan populasi negara kita begitu *mobile*, adakah kerajaan boleh membayangkan bahawa keadaan *stateless* ini boleh kita hapus sama sekali kah? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, mohon saya menjelaskan soalan perkataan *stateless* ini. Sebenarnya tiap-tiap orang yang lahir di Malaysia ini kebanyakannya, mungkin ada seorang, dua, tiga, empat, lima orang yang boleh dikatakan *stateless*.

Yang selain daripada itu, ada mempunyai *states* yang tertentu sama ada lahir di Malaysia sebab peraturan dan undang-undang Malaysia berkehendakkan tiap-tiap yang lahir di Malaysia itu diberi sijil kelahiran tetapi status kewarganegaraannya terpulang kepada ibu bapa mereka. Kalau ibu bapa mereka orang Filipina, anak itu orang Filipina. Kalau bapa dia orang Indonesia, anak itu orang Indonesia.

Jadi soalan *stateless* ini bukanlah satu perkara yang betul sebenarnya. *Stateless*, orang tak ada langsung negeri dia. Jadi tak ada orang jenis macam ini. Jadi Yang Berhormat, saya perelaskan secara jelas tadi, maknanya, yang dikatakan *stateless* ini ialah sebenarnya orang tak ada, sama ada Indonesia, Filipina ataupun negara lain yang 192 ahli anggota *United Nations* itu. Yang lahir itu ada *state*, yang mempunyai warganegara yang lahir di Malaysia ini, itu sebenarnya.

Jadi usaha kita Yang Berhormat ialah begini, kita apabila seseorang itu melaporkan kelahiran seseorang anak-anak, kita akan beri surat kelahiran. Itu di bawah undang-undang kita. Kalau di Sarawak ada Undang-undang Ordinan Sarawak, soal kematian dan kelahiran. Apabila anak itu lahir di pedalaman umpamanya, tugas dan tanggungjawab ketua kaum, ketua kampung, kapitan dan sebagainya melaporkan kepada Jabatan Pendaftaran di bawah undang-undang itu Yang Berhormat, di bawah undang-undang negeri.

Begitu juga di Sabah. Kalau dia lahir selepas itu, diberi sijil kelahiran. Begitu juga di hospital, kita sudah buat jaringan bersama dengan pihak hospital supaya apabila seseorang itu lahir di hospital, laporan rekod kelahirannya itu ada. Kalau di Sabah, kalau tidak dilaporkan dalam masa 42 hari, dia menjadi *late registration* tetapi soal kelahirannya nanti, proses mengeluarkan sijil kelahiran itu nanti berlainan sedikit daripada yang berlaku dalam masa 42 hari. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita juga sebagai rekod bahawa kita adalah *a party to Ministerial Conference on Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and The Pacific*. Saya baru menghadiri mesyuarat ini di Bangkok.

Tuan Yang di-Pertua, mengetahui saya baru balik dari Bangkok pada 26 hingga 28 hari bulan bahawa dari tahun 2015 kepada tahun 2024, tiap-tiap hamba Allah yang lahir di negara kita ini sepatutnya di seluruh rantau ini, seluruh Asia Pasifik mestilah didaftarkan dari sudut kelahiran, kematian, perkahwinan, perceraian, pengangkatan iaitu *adoption* dan sebab-sebab kematiannya. Ini adalah satu perjanjian bahawa sekarang kita memperkasakan tindakan kita ke luar bandar dengan *outreach program* kita. Jadi kalau Yang Berhormat dengar soalan *outreach program* ini datang, bawakan orang yang belum ada sijil lahir ini berjumpa dengan pegawai pendaftaran, kita akan proseskan permohonannya untuk mendaftar.

Jadi inilah kedudukannya sebenarnya. Sama ada ia menjadi warganegara Malaysia selepas mendapat sijil kelahiran itu, itu adalah perkara yang kedua di bawah perlembagaan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai *stateless* ya. saya hendak mengetahui, apakah tindakan kerajaan mengenai orang-orang PATI yang ditahan di pusat penahanan sementara yang tidak mempunyai dokumen, misalnya orang-orang Filipina. Dia tidak mempunyai dokumen sama ada apa cara, apa dokumen sekali pun dan bila dipulangkan, Kerajaan Filipina tidak mahu mengaku dia rakyat Filipina. Dia kata tidak ada bukti itu rakyat Filipina sedangkan dia berkata mungkin rakyat Malaysia dari Semporna sebab bahasa, rupa dia sama sahaja. Jadi apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah PATI-PATI seperti begini?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan pendaftaran. Ini adalah macam mana kita hendak menguruskan pihak

pendatang asing datang ke negara kita yang ada di negara ini yang mana pihak wakil negara mereka belum lagi memastikan sama ada mereka ini sebenarnya keturunan daripada negara mereka. Kalau dia betul asal negara Filipina, dia menjadi orang Filipina, dia bukan *stateless* ya, dia menjadi orang Filipina. Kalau dia datang dari Indonesia, telah dibuktikan bahawa dia anak yang lahir di Indonesia, ibu bapa yang datang daripada Indonesia, dia orang Indonesia, bukan *stateless*. Jadi di negara kita pun undang-undang perlembagaan kita pun tidak ada istilah sedemikian rupa.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil tindakan beberapa jurus dan saya banyak berbincang dengan pihak kedutaan-kedutaan negara yang mana rakyatnya kita jangka ada di negara kita ini tidak mempunyai *travel document* yang tertentu dan kita berbincang dengan *family*nya supaya mereka ini...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sama ada mereka ini boleh diberi dokumen untuk dikembalikan ke negara mereka yang asal.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat Menteri, saya mencelah sikit nak tanya. Adakah yang ini sama dengan yang tak sah taraf tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebajikan. Yang tak sah taraf sama tak dengan yang dipertikaikan sekarang dan kalau tak sah taraf ini panjang, apa akan jadi akhirnya budak ini yang beratus ribu, masih lagi dalam kes dan siapa jaga mereka ini sekarang? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya pun terbawa-bawa persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Senator tadi berhubung dengan anak lahir yang mungkin oleh sebab kelahiran sebab rogol, sebab ibu bapa tak kahwin dan sebagainya. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, apabila dalam perlembagaan kita, apabila ibu bapa ini dua-dua orang Malaysia, anak ini walau bagaimanapun, dia adalah rakyat Malaysia. Bagaimanapun, kahwin tak kahwin, itu soalan tak pakai lagi dah.

Akan tetapi kalau ibu bapanya salah seorang daripadanya umpamanya kalau bapa dia bukan warganegara Malaysia dan ibunya warganegara Malaysia, kahwin tak kahwin itu anak lahir ini akan menjadi warganegara Malaysia. Akan tetapi kalau si ibu ini warganegara asing, bapa ini warganegara Malaysia, kalau tak kahwin, anak ini akan ikut kewarganegaraan ibu dia.

Akan tetapi kalau ada perkahwinan, mana-mana ibu dan bapa boleh memberi taraf kewarganegaraan kepada anak ini.

■1130

Jadi, penilaian kepada anak yang disebut oleh Yang Berhormat Senator, Timbalan Menteri menjawab tadi ialah berlandaskan ibu bapa yang disebutkan tadi. Kalau ibu bapa dua-dua Malaysia, dia akan mendapat kewarganegaraan Malaysia. Proses pendaftaran itu perlulah dibuat antara Jabatan Kebajikan dan Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, sudah buat? Belum lagi soalan tambahan pertama. Nombor sembilan, teruskan Yang Berhormat. Soalan seterusnya, Prof. Dr. Sim Kui Hian.

9. **Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, matlamat utama cadangan kementerian untuk menurunkan had umur maksimum bagi tarif "belia", yang sebelum ini empat puluh (40) tahun, kepada dua puluh lima (25) atau tiga puluh (30) tahun, dan jelaskan kesan pelaksanaan had umur maksimum sedemikian terhadap kewujudan dan perkembangan organisasi belia dan pemuda di seluruh negara.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, matlamat utama cadangan kementerian untuk menurunkan had umur maksimum bagi takrifan "belia" ialah agar had umur setara dengan piawaian antarabangsa dan dapat memenuhi keperluan pembangunan negara pada masa hadapan serta selari dengan takrifan umur di peringkat antarabangsa.

Selain itu, rasional kementerian untuk menurunkan had umur maksimum bagi takrifan "belia" bagi memastikan kesinambungan kepimpinan masa depan negara, mengurangkan jurang generasi di kalangan belia, mempercepatkan proses kematangan, mengurangkan tingkah laku berisiko dalam kelompok belia, menstabilkan identiti belia, memantapkan proses pembangunan belia yang merangkumi kecerdasan intelektual, kecerdasan spiritual, kecerdasan emosional dan kecerdasan fizikal, menjamin keamanan dan kestabilan negara serta merupakan pengguna teknologi digital terbesar.

Manakala, kesan pelaksanaan had umur maksimum sedemikian terhadap kewujudan dan perkembangan organisasi belia serta pemuda di seluruh negara adalah seperti berikut;

- (i) meremajakan kepimpinan pertubuhan belia agar setanding dengan piawaian antarabangsa,
- (ii) membuka ruang lebih luas untuk latihan dan pendedahan dalam pelbagai bidang yang berkaitan pembangunan belia di kalangan belia di bawah 30 tahun; dan
- (iii) memastikan kerajaan mendengar pandangan suara belia di bawah 30 tahun dalam usaha membangunkan negara dan akhirnya mengurangkan jurang generasi di antara ahli pertubuhan belia agar pelaksanaan program lebih menjurus ke atas kumpulan sasaran sebenar.

Transisi perubahan takrifan umur belia ini diharapkan dapat meremajakan daya kepimpinan belia dengan mengasah bakat kepimpinan dari awal. Termasuk membina kemahiran interpersonal dan kemahiran mengurus yang baik dalam diri belia. Sekian, terima kasih.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tahu, umur 25 tahun atau 30 tahun, *maximum age*, dengan izin.

Saravanan a/l Murugan: 30 tahun.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin beritahu, semasa saya belia dahulu, umur saya 40 tahun, sekarang turun ke bawah lagi, 20 tahun. Jadi, soalan saya bukan sebab umur. Apakah kesannya sekarang ini hasil daripada turun umur ini? Saya nampak akhir-akhir ini jumlah belia yang banyak membuat porak-peranda, membuat demonstrasi,

dihasut oleh orang tadi. Apakah langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk supaya mereka ini sedar diri bahawa ini negara Malaysia yang kamu cintai. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita mengehendkan umur belia salah satunya adalah kita lihat hari ini sistem pendidikan. Pada zaman Ahli Yang Berhormat, sistem pendidikan mungkin bermula daripada umur 7 tahun. Jadi, apabila kita ke sekolah rendah darjah satu. Akan tetapi hari ini kita melihat satu situasi yang cukup luar biasa, pendidikan sudah bermula daripada umur tiga tahun, *play school*, dengan izin, *pre-school*, *kindergarten* dan sebagainya.

Maka, daripada segi kematangan, lebih awal daripada keadaan sebelum ini. Itu salah satu sebab kenapa kita mengehendkan. Seluruh dunia kita lihat hampir kesemua negara kecuali Brunei dan Malaysia telah menetapkan umur belia sehingga 40 tahun. Negara-negara lain yang paling tinggi pun 35 tahun sahaja.

Pada masa yang sama, Kementerian Belia dan Sukan mengadakan pelbagai program untuk mendidik dan mendorong golongan belia. Akan tetapi ini harus menjadi peranan semua pemimpin, tidak kira sama ada pemimpin yang menyokong kerajaan atau menentang kerajaan. Ini adalah menjadi hala tuju dan dorongan persatuan-persatuan, parti-parti politik untuk mendorong golongan belia secara baik untuk transformasi, bukan reformasi. Terima kasih.

10. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) statistik dan peratusan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti awam yang berjaya di komersialkan bagi tempoh 5 hingga 10 tahun lalu; dan
- (b) punca hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dihasilkan di universiti awam gagal menarik minat industri untuk dikomersialkan dalam bentuk produk dan perkhidmatan

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah atas soalan berkaitan dengan pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada projek-projek penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh institut pengajian tinggi awam atau IPTA sehingga tahun 2013, terdapat sebanyak 245 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang telah dikomersialkan.

Antara faktor-faktor yang dikenal pasti menjadi punca produk pembangunan dan penyelidikan yang dihasilkan di IPTA kurang menarik minat industri untuk dikomersialkan adalah seperti berikut:

- (i) pada masa ini dana penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia bertumpu kepada penyelidikan fundamental yang menyumbangkan kepada penghasilan modal insan, penerbitan dan harta intelek;
- (ii) kurang penglibatan dan sokongan industri tempatan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang menyebabkan hasil R&D IPTA tidak dapat dikomersialkan; dan

- (iii) dana yang terhad untuk melaksanakan aktiviti pengkomersialan, IPTA perlu mendapat dana daripada agensi lain, industri dan syarikat modal teroka atau *venture capital*, dengan izin, untuk melaksanakan aktiviti pengkomersialan yang memerlukan kos tinggi dan tempoh yang lama.

Sekian, terima kasih.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan dengan begitu baik sekali dan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tiada kah usaha sama antara kementerian dan Kementerian MOSTI agar dapat dikenal pasti mana-mana syarikat swasta yang berminat untuk mengkomersialkan hasil reka cipta pelajar ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan kerjasama dengan MOSTI. Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia memang mewujudkan kolaborasi dengan MOSTI. Memang dalam satu proses untuk mengenal pasti atau juga mengadakan kolaborasi dengan industri.

Kementerian Pendidikan Malaysia memainkan peranan sebagai peneraju penyelidikan fundamental berdasarkan dasar negara yang berkaitan dengan penyelidikan iaitu dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang akan digantikan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pengajian tinggi pada tahun depan. Selain daripada itu, Pelan Pembangunan Modal Insan Inovatif peringkat *tertiary* juga diwujudkan.

Selain daripada itu, *the New Economic Model* dan *Economic Transformation Program* juga menjadi rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Sekian, terima kasih.

■1040

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kerana salah satu asas penting dalam membina tamadun ialah penyelidikan dan pembangunan. Di negara-negara Barat terutamanya di Amerika Syarikat, *United Kingdom* dan negara Eropah setiap universiti mereka ada *niche*, dengan izin, ataupun fokus tersendiri dalam bidang-bidang yang terkait dengan kepentingan negara untuk dilakukan penyelidikan oleh pihak-pihak akademik dan juga penyelidik di universiti-universiti terbabit. Apakah di Malaysia ini kita tidak memikirkan ataupun sudah ada apa-apa perencanaan ataupun program yang mana meletakkan setiap universiti itu dengan *niche-niche* tertentu dengan izin.

Sebagai contoh kalau kita bercakap soal pembangunan sukan, mungkin universiti tertentu menjadi penyelidik sampai ke peringkat membangunkan segala aspek sukan dalam konteks perbankan kewangan Islam umpamanya mungkin Universiti Islam Antarabangsa ataupun dalam bidang pertanian Universiti Putra Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian atau kita tidak ada satu fokus tertentu. Kita serahkan kepada universiti untuk melakukan penyelidikan berasaskan kehendak dan juga *interest*, dengan izin, masing-masing. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan *niche* atau kebitaraan untuk universiti dan memang universiti mengenal pasti kebitaraan atau *niche* dan saya bagi satu contoh berkaitan dengan universiti teknologi dan ini ada berkaitan dengan di mana *niche* atau kebitaraan ada berkaitan dengan *technical vocational education training*. Jadi memang setiap universiti mengadakan *niche* masing-masing. Sekian, terima kasih.

11. Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kes serbuan premis judi mengikut bandar raya utama di negara ini pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 11 bulan pertama tahun 2014.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak Polis Diraja Malaysia khususnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan mengambil serius isu berkaitan dengan perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Senator, statistik serbuan premis judi mengikut bandar raya utama yang terpilih dalam negara bagi tahun 2010 hingga 2014 hingga bulan Oktober adalah seperti berikut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan istilah bandar raya di bawah soalan ini. Jadi maknanya ada tujuh bandar raya sahaja seluruh Malaysia iaitu:

Bandaraya	Jumlah Serbuan
Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	3,992
Daerah Johor Bahru Selatan	4,601
Daerah Petaling Jaya, Selangor	6,117
Daerah Ipoh, Perak	1,698
Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur	8,928
Daerah Kuching, Sarawak	2,217
Daerah Kota Kinabalu, Sabah	825

Aktiviti perjudian dan maksiat tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa dan penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis dan kerjasama kepada masyarakat untuk menghindari terus aktiviti yang tidak sihat dan bermoral ini. Aktiviti perjudian dan maksiat akan terus beroperasi selagi ada permintaan daripada masyarakat. Sekian.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih atas jawapan yang baik yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya daripada kes-kes serbuan yang telah dibuat dalam kes judi haram ini berapakah yang telah berjaya dibawa ke mahkamah dan saya melihat antara sebab pihak berkuasa bimbang untuk mengambil tindakan oleh kerana apabila mereka menyerbu, pihak-pihak gengster ini dapat kenal pasti siapa dia. Oleh kerana itu banyak pihak penguat kuasa takut untuk membuat serbuan. Saya baca akhbar hari ini bahawa dalam kes serbuan IS, pihak polis

menggunakan *mask* atau topeng supaya mereka tidak dikenali... [Menunjukkan surat khabar] Adakah ini menjadi SOP baru kepada pihak polis apabila membuat serbuan? Pihak polis menggunakan topeng agar mereka ini tidak dikenali oleh pihak yang jahat ini. Jadi mereka ini terselamat dan banyak lagi kes judi haram ini dapat ditangani oleh kerajaan dengan berkesan. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Senator berhubung dengan perkara ini. Pada masa sekarang ini sebenarnya pihak polis yang menyerbu tempat-tempat maksiat dan juga perjudian belum lagi menggunakan pakaian yang bertopeng ataupun sebagaimana yang diguna pakai untuk pihak polis ataupun satu unit polis yang menyerbu soal berhubung dengan keganasan. Sebab-sebabnya ialah oleh kerana dalam soal sudut keganasan ini ia lebih besar implikasi keselamatannya kalau dibandingkan dengan perkara-perkara berhubung dengan perjudian dan maksiat.

Walaupun saya menerima juga hakikat bahawa ada soal-soal perjudian ini dibuat ataupun dilaksanakan oleh pihak sindiket-sindiket dan pihak kongsi gelap dan sebagainya tetapi dia belum lagi mendatangkan kepada kegerunan kepada pihak polis. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua sebagai satu contoh, saya ikut membuat serbuan semasa berada di negeri Melaka. Apa yang menyedihkan apabila mendengar kisah yang ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri datang ke negeri Melaka, semua tempat-tempat *joint* itu yang kita tahu telah mengadakan cuti sepanjang hari 24 jam.

Jadi serbuan nampaknya tidak berjaya dalam sudut ini apabila mendengar sahaja sama ada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ketua pengarah yang hadir, dia akan membuat satu anggapan bahawa serbuan akan dibuat apabila mereka ini sampai. Memang berlaku tetapi walau bagaimanapun kita juga melihat trend bahawa ada tuduhan-tuduhan yang dibawa ke mahkamah dan ada juga kes-kes yang telah kita dapati orang bersalah tapi dari sudut perundangan, inilah masih dikaji oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak Peguam Negara untuk melihat dan memperketatkan undang-undang khususnya undang-undang perjudian. Itu yang pertama.

Kedua, perlu diingatkan juga bahawa perjudian haram khususnya perjudian berhubung dengan internet ini, modus operandinya akan berubah. Tidak lagi mengikut contoh-contoh yang lama menggunakan kedai, ada *desktop*, ada komputer yang terletak di atas meja tetapi sekarang telah boleh menggunakan *smart phone*. Pakai ini sahaja di bawah pokok, di kedai mamak dan sebagainya boleh beroperasi asalkan ada *website* tertentu yang boleh diguna pakai. Ini juga pihak kami telah berbincang, saya sendiri telah berbincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia supaya macam mana boleh kita boleh menangani masalah ini.

Saya juga dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia bahawa bulan lepas 100 lebih dikenal pasti *website* sebagai *website* perjudian dan mereka mengambil tindakan sebagaimana yang boleh oleh pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia itu sendiri dan ini di luar kawalan Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan tadi. Saya tertarik dengan jawapan Yang

Berhormat Timbalan Menteri tadi di mana diberi contoh kalau hendak turun ke Melaka, maka orang di Melaka telah cuti hari itu. Tempat perjudian maksudnya.

■1150

Jadi saya melihat di sini, pergerakan Menteri dan Timbalan Menteri dan orang-orang yang tertentu yang mempunyai wibawa dan kuasa apabila turun ke suatu negeri, telah dicitum bau. Jadi saya ingin tahu, bagaimana hal ini, pergerakan ini semuanya diketahui oleh pihak berkenaan? Itu satu.

Kedua, daripada jawapan tadi juga saya melihat cara perjudian baru melalui internet dan *website* dan sebagainya. Jadi sekarang ini bagaimana langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak kementerian supaya judi ini yang halal dan haram, terutamanya yang haramlah dapat dibanteras dan ditangani? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, memang dalam semua sudut sama ada kita hendak menjalankan serbuan bagi pihak- oleh kerana masalah perjudian ataupun maksiat ataupun serbuan berhubung dengan pendatang asing kadang-kadang gerak-geri kementerian itu boleh diketahui kerana kita kadang-kadang kalau datang ke negeri-negeri yang tertentu, contoh yang saya sebutkan tadi Menteri pergi ke Ipoh hendak buat serbuan, telah diketahui sebab Menteri datang, dia semua sudah berjaga-jaga. Jadi kalau dia lihat daripada mana-mana sudut- bukan ada maklumat daripada dalaman sahaja. Kita tidak boleh membuat satu tanggapan bahawa ada maklumat dalaman.

Akan tetapi mereka mengetahui apabila melihat ini, mereka telah berjaga-jaga. Dengan berjaga-jaga itu, mereka mempunyai, ada nama yang disebut tapi saya sebut *spy*lah. *Spy-spy* mereka sendiri yang berkeliaran di seluruh bandar mengetahui apa langkah yang kita hendak buat. Mereka bersedia dan sentiasa bersedia.

Jadi dalam keadaan sedemikian, bagaimana kita lihat di Kuching, di Bandar Kuching sekarang ini umpamanya, semua kedai internet, kedai-kedai *cyber cafe*, kedai-kedai yang kita ketahui yang diguna pakai *family entertainment house*, dengan izin, yang kita ketahui sebagai satu tapak perjudian oleh mereka ini semuanya telah ditutup. Akan tetapi malang, risikan yang kita terima daripada pihak polis juga bahawa mereka ini telah balik ke kampung dan mencari rumah-rumah kosong, kedai-kedai kosong keluar ke luar bandar untuk menempatkan tempat operasi mereka.

Satu lagi, menggunakan telefon *smart phone* ini. Ini juga dalam sudut penguatkuasaan adalah satu perkara yang dianggap payah. Walau bagaimanapun, pihak polis dan pihak Kementerian Multimedia merancang dan mencari metodologi kita sendiri macam mana kita mengatasi masalah ini. Akan tetapi, saranan saya ialah supaya ibu bapa mesti memantau gerak geri anak mereka, melihat *spending habit* anak-anak kita supaya anak-anak ini khususnya daripada universiti, daripada sekolah dan sebagainya tidak terlibat daripada peringkat awal lagi dengan perjudian.

Begitu juga ibu bapa, mengetahuilah sendiri, jangan membuat anggapan perjudian boleh memberi pulangan baik tetapi yang untung hanyalah tauke-tauke judi, pihak-pihak yang *organize* perjudian, bukan kepada pemain perjudian ini sendiri.

Jadi masyarakat itu sendiri perlu mendapat nasihat dan bimbingan kita keseluruhannya. Jadi semua kita kena melibatkan diri untuk memberitahu kepada masyarakat bahawa perjudian tidak akan memberikan keuntungan kepada mereka tetapi kerugian berterusan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan jawapan Menteri itu tadi, maka berakhirlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.54 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali yang kedua.

Lebih kurang satu jam, Tuan Yang di-Pertua. Tebal ucapan bajet ini ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Doris Sophia ak Brodi]: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Izinkan saya membentangkan Bajet 2015 di dalam Dewan yang mulia ini untuk meneruskan komitmen kerajaan dalam memastikan negara terus berkembang maju dan mengutamakan kesejahteraan rakyat. Bajet 2015 digubal dengan terperinci dan komprehensif dengan mengambil kira senario ekonomi semasa dan mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak dan kumpulan masyarakat.

Penyediaan Bajet 2015 menekankan kepada keseimbangan antara *capital economy* dan *people economy*, dengan izin. *Capital economy* merujuk kepada pengurusan dan dasar-dasar ekonomi yang berbentuk makro. Ini memudahkan sesebuah negara mengunjurkan sasaran-sasaran utamanya berbanding dengan negara-negara lain. Antaranya, ia merujuk kepada pengurusan ekonomi yang berasaskan modal, pertumbuhan KDNK, pendapatan perkapita, pelaburan swasta, pasaran modal, keuntungan syarikat, penarafan ekonomi dan kredit, indeks bursa dan nilai saham.

Manakala apabila kita mengupas istilah *people economy*, ia merupakan ekonomi yang berorientasikan rakyat meliputi keutamaan dan kepentingan rakyat seperti kos sara hidup, pendapatan isi rumah, peluang pendidikan, pekerjaan dan perniagaan, kualiti hidup, perumahan, latihan, kemahiran,

keusahawanan dan keselamatan. Ringkasnya, ia merupakan ekonomi yang berlandaskan pengalaman seharian rakyat.

Sesungguhnya penyediaan Bajet 2015 juga merupakan pelengkap kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh. Selanjutnya pada Mei 2015 nanti, bermulanya Rancangan Malaysia Kesebelas. Serentak itu, satu pendekatan baru sedang digariskan yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau dengan izin, *Malaysian National Development Strategy* atau MyNDS.

MyNDS akan menjadi antara formula kepada perancangan dan penyediaan program serta projek di bawah RMKe-11. Ia akan menggunakan sumber yang terhad secara optimum, menumpukan kepada projek dan program berimpak tinggi, kos yang rendah serta pelaksanaan secara cekap dan pantas. Oleh yang demikian, Bajet 2016 kelak akan menjadi pemula kepada pelonjak akhir pemacu separuh dekad Malaysia dalam menuju status, dengan izin, *high income advance economy* menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan negara kasar perkapita menunjukkan peningkatan sebanyak 50% iaitu daripada USD6,700 kepada USD10,060 dalam tempoh lima tahun ini. Pada suku ketiga tahun 2014, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% disokong oleh permintaan sektor swasta dan pertumbuhan eksport barangan dan perkhidmatan. Kerajaan menjangkakan pada tahun ini kita akan mencapai pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh pada kadar 5.5% hingga 6%.

Kadar defisit fiskal negara juga semakin bertambah baik. Kita telah dapat menurunkan kadar defisit daripada 6.7% pada tahun 2009 kepada 3.9% pada tahun 2013 dan dijangka terus menurun kepada 3.5% pada tahun ini. Bagi tahun 2015, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal kukuh pada kadar 5% hingga 6% manakala defisit fiskal dijangka berkurangan pada 3%.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2015 memperuntukkan sejumlah RM273.9 bilion yang meliputi RM223.4 bilion bagi perbelanjaan Mengurus dan RM50.5 bilion sebagai perbelanjaan Pembangunan. Di bawah peruntukan Mengurus, RM65.6 bilion adalah untuk emolumen dan RM38.1 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan. Agihan terbesar sebanyak RM116.4 bilion adalah untuk pemberian dan berkenaan bayaran tetap. Pembelian aset pula di peruntukkan sebanyak RM1.5 bilion dan RM1.8 bilion untuk perbelanjaan lain.

Di bawah peruntukan Pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM29.3 bilion diikuti oleh sektor sosial, RM12.6 bilion merangkumi pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan serta kesejahteraan masyarakat. Sektor keselamatan pula diperuntukkan sebanyak RM4.9 bilion. Selebihnya diagihkan kepada sektor pentadbiran am iaitu sebanyak RM1.7 bilion dan simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion.

Pada tahun 2015, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan diunjurkan sebanyak RM235.2 bilion yakni peningkatan sebanyak RM10.2 bilion berbanding tahun 2014.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2015 ini digubal berfokus kepada ekonomi keperluan rakyat EKR dengan menggariskan tujuh strategi utama iaitu:

- (i) strategi pertama – memperkukuh pertumbuhan ekonomi;

- (ii) strategi kedua – memantap tadbir urus fiskal;
- (iii) strategi ketiga – mengupaya modal insan dan keusahawanan;
- (iv) strategi keempat – memperkasa agenda bumiputera;
- (v) strategi kelima – memartabat peranan wanita;
- (vi) strategi keenam – membangun program transformasi belia negara; dan
- (vii) strategi ketujuh – mensejahtera rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perkhidmatan telah menyumbang 55.2% kepada KDNK pada tahun 2013. Bagi mencapai sasaran 60% menjelang tahun 2020, kerajaan akan merencanakan sektor perkhidmatan dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (i) melaksana *blue print* sektor perkhidmatan;
- (ii) menyediakan skim jaminan sektor perkhidmatan berjumlah RM5 bilion kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terlibat dalam sektor perkhidmatan;
- (iii) mewujudkan *Research Incentive Scheme for Enterprise* dengan peruntukan RM10 juta untuk menggalakkan syarikat-syarikat menubuhkan pusat penyelidikan dalam bidang berteknologi tinggi;
- (iv) memperkenalkan semula dana perkhidmatan eksport berjumlah RM300 juta; dan
- (v) mengukuhkan skim pembangunan francais di bawah KPDNKK bersama Persatuan Francais Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.

Kerajaan akan memperkenalkan akaun pelaburan patuh syariah dikenali sebagai *Investment Account Platform* (IAP) dengan dana permulaan sebanyak RM150 juta. Ia akan memberi peluang kepada pelabur dalam pembiayaan aktiviti keusahawanan dan pembangunan PKS yang berdaya maju. IAP akan menarik pelabur institusi dan individu termasuk dengan izin, *high-net-worth individuals* dalam pasaran kewangan Islam.

Bagi menggalakkan pelaburan dalam IAP, kerajaan juga mencadangkan pelabur individu diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas keuntungan dari pelaburan yang layak selama tiga tahun berturut-turut. Untuk merencanakan terbitan dan urus niaga perniagaan pasaran sukuk dan bon tempatan, kerajaan telah memperkenalkan produk bon dan sukuk dagangan bursa atau ETBS pada Januari 2013.

Sehubungan itu kerajaan mencadangkan supaya Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan turut disenaraikan dan diurus niaga dalam ETBS. Selain itu, perbelanjaan menerbitkan sukuk telah diberi potongan cukai mulai tahun taksiran 2003 hingga tahun taksiran 2015. Selaras dengan ini, dicadangkan potongan cukai bagi perbelanjaan menerbitkan sukuk berasaskan prinsip Ijarah dan Wakalah dilanjutkan selama tiga tahun lagi sehingga tahun taksiran 2018.

Akta Perkapalan Saudagar 2011 memperuntukkan keperluan mandatori insurans atau sekuriti kewangan untuk perlindungan liabiliti pihak ketiga bagi kapal yang beroperasi di Malaysia. Buat masa

ini, kebanyakan pemilik kapal muatan besar di Malaysia mempunyai perlindungan liabiliti pihak ketiga melalui *Protection & Indemnity* di luar negara.

Justeru, bagi membantu pemilik kapal muatan kasar 300 tan ke bawah, Kerajaan akan menubuhkan Kelab P&I Malaysia, di bawah Exim Bank, pada kadar premium yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2015, beberapa projek infrastruktur akan dilaksanakan:

- (i) membina Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang sepanjang 59 kilometer dengan kos pembinaan berjumlah RM5.3 bilion;
- (ii) membina Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting sepanjang 276 kilometer dengan kos pembinaan berjumlah RM5 bilion;
- (iii) Membina Lebuhraya Damansara-Shah Alam sepanjang 47 kilometer dengan kos pembinaan RM4.2 bilion;
- (iv) membina Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur-Hubungan Timur sepanjang 36 kilometer dengan kos pembinaan RM1.6 bilion;
- (v) menaik taraf landasan kereta api sektor Pantai Timur melibatkan jajaran Gemas-Mentakab, Jerantut-Sungai Yu dan Gua Musang-Tumpat dengan peruntukan RM150 juta;
- (vi) pembinaan MRT Jajaran Kedua sepanjang 56 kilometer dari Selayang ke Putrajaya, melibatkan anggaran RM23 bilion; dan
- (vii) pembinaan Projek LRT3, yang bakal menghubungkan Bandar Utama sehingga Shah Alam dan Klang, dengan kos dianggarkan RM9 bilion.

Di samping itu, Projek Pengerang Integrated Petroleum Complex dengan nilai pelaburan RM69 bilion pula yang dijangka dapat mewujudkan lebih 10,000 peluang pekerjaan.

Selain itu, bagi membangunkan industri pembuatan kenderaan elektrik, dana pinjaman *Sustainable Mobility Fund* berjumlah RM70 juta disediakan bawah SME Bank. Sebagai permulaan, 50 bas elektrik akan diperkenalkan.

Untuk memajukan industri kreatif seperti animasi, perfileman, seni reka, dan warisan budaya, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta kepada *MyCreative Ventures* pada tahun 2012. Lanjutan daripada ini, usaha ini diteruskan melalui Dana Industri Kandungan Digital di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sebanyak RM100 juta.

Di samping itu, kerajaan akan meningkatkan keupayaan *High Speed Broad Band*, meliputi ibu negeri dan bandar-bandar terpilih di seluruh negara. Sebanyak RM2.7 bilion akan dibelanjakan dalam tempoh tiga tahun melibatkan pembinaan 1,000 menara pencawang telekomunikasi baru dan pembinaan kabel dasar laut.

Sempena sambutan '*Malaysia - Year of Festivals 2015*', kerajaan menyasarkan kedatangan pelancong asing seramai 29.4 juta orang dengan jangkakan pendapatan sebanyak RM89 bilion. Untuk tujuan ini, sebanyak RM316 juta diperuntukkan bagi pelbagai program di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, sumbangan PKS kepada KDNK adalah sebanyak 33% disasarkan meningkat kepada 41% menjelang 2020. Bagi merencanakan penglibatan PKS dalam aktiviti ekonomi, kerajaan mencadangkan pelaksanaan SME Investment Partner, dengan dana permulaan berjumlah RM375 juta akan disediakan untuk tempoh lima tahun. PKS akan diberi bantuan pembiayaan dalam bentuk pinjaman, ekuiti atau kedua-duanya, terutamanya di peringkat *start-up*. Selain itu, *Business Accelerator Programme* akan dijalankan di bawah SME Corp dengan peruntukan disediakan sebanyak RM10 juta.

Sebagai meningkatkan penggunaan teknologi baru, automasi dan inovasi dalam pembangunan PKS pula, sebanyak 80 juta ringgit diperuntukkan untuk Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan PKS di bawah *Malaysian Industrial Development Finance Berhad*.

TEKUN juga telah menyalurkan tabung ekonomi kumpulan usahawan niaga pinjaman berjumlah RM3.1 bilion kepada hampir 300,000 orang peminjam dengan had pembiayaan di antara RM1,000 hingga RM100,000. Pada tahun 2015, TEKUN akan menyediakan tambahan dana pembiayaan sebanyak RM500 juta, diagihkan seperti berikut:

- (i) RM350 juta diperuntukkan kepada usahawan bumiputera yang dijangka melibatkan 33,000 orang peminjam baru;
- (ii) RM50 juta dikhususkan kepada Skim Pembiayaan Usahawan Muda India, dijangka memanfaatkan 5,000 peminjam kaum India;
- (iii) RM50 juta diperuntukkan kepada Program Pembangunan Usahawan Wanita Muda Profesional melibatkan 5,000 peminjam wanita profesional; dan
- (iv) RM50 juta diperuntukkan kepada Program Pembangunan Usahawan Bekas Tentera, yang menawarkan pembiayaan kepada 5,000 orang bekas tentera yang tidak berpencen.

Seiring itu, bagi membantu PKS kaum Cina, kerajaan akan menyediakan pinjaman mudah sebanyak RM50 juta, manakala bagi penjaja dan peniaga kecil sebanyak RM30 juta.

Kerajaan akan terus memperkukuh pembangunan R&D dan inovasi bagi menyokong pertumbuhan ekonomi menuju ke arah negara maju, justeru kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi melaksanakan program berkaitan, antaranya:

- (i) menyasarkan 360 produk inovasi berimpak tinggi dikomersialkan dalam tempoh 5 tahun akan datang;
- (ii) menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM290 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti R&D&C yang berimpak tinggi; dan
- (iii) menjenamakan semula SIRIM. Untuk itu, *SME Technology Penetration, Upgrading Programme and Technology Auditing* akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha bagi mengukuhkan kemapanan kedudukan kewangan negara, untuk menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh dan mengurangkan defisit fiskal, bagi mencapai bajet berimbang.

Semasa pengumuman GST sewaktu pembentangan Bajet 2014 lalu, kerajaan telah mencadangkan senarai barang makanan dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST. Kerajaan telah bersetuju untuk meluaskan skop barang yang tidak dikenakan GST. Antara penambahannya adalah:

- (i) semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport;
- (ii) roti putih dan roti *wholemeal*;
- (iii) serbuk kopi, serbuk teh dan serbuk koko;
- (iv) mi kuning, kuetiau, laksa dan bihun;
- (v) ubat-ubatan penting nasional yang meliputi hampir 2,900 jenama ubat. Ubat-ubatan ini adalah bagi kegunaan rawatan untuk 30 jenis penyakit termasuk sakit jantung, kencing manis, darah tinggi, kanser dan rawatan kesuburan;

■1210

- (iv) bahan bacaan seperti buku mewarna kanak-kanak, buku latihan dan rujukan, buku teks, kamus dan kitab agama; dan
- (vii) surat khabar.

Semuanya tidak dikenakan GST. Kerajaan juga bersetuju menaikkan kadar penggunaan elektrik yang tidak dikenakan GST daripada 200 unit kepada 300 unit pertama. Ini bermakna, sebanyak 70% isi rumah akan mendapat manfaat langsung.

Di samping itu, bagi memastikan pelaksanaan GST tidak membebankan rakyat, kerajaan bersetuju supaya penjualan runcit minyak petrol RON95, diesel dan LPG diberikan pelepasan GST. Melalui langkah ini, pengguna dan kumpulan sasaran yang berkenaan tidak perlu membayar GST bagi pembelian petrol RON95, diesel dan LPG. Kerajaan berharap para peniaga bersifat bertanggungjawab dan tidak meningkatkan harga barang sehingga membebankan rakyat. Untuk memudahkan rakyat, kerajaan akan mengeluarkan *shoppers' guide* bagi membolehkan mereka membuat perbandingan harga sebelum dan selepas GST.

Tuan Yang di-Pertua, perlu difahami sebenarnya kesan langsung daripada pelaksanaan GST, membolehkan kerajaan mengurangkan beban cukai kepada rakyat seperti berikut:

Pertama: Kepada individu dan isi rumah bagi tahun taksiran 2015;

- (i) Kadar cukai pendapatan individu akan dikurangkan satu hingga tiga mata peratusan. Melalui langkah ini, seramai 300,000 orang yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar cukai;
- (ii) golongan berkeluarga yang berpendapatan RM4,000 sebulan tidak lagi mempunyai tanggungan cukai;
- (iii) cukai pendapatan individu juga akan distruktur semula yang mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000. Kadar cukai maksimum yang kini 26% pula dikurangkan kepada 24%, 24.5% dan 25%.

Bagi tahun taksiran 2015, kadar cukai pendapatan koperasi juga dikurangkan satu hingga dua mata peratusan. Selain itu, yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai juga dibenarkan potongan cukai.

Bagi tahun taksiran 2016, kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratusan daripada 25% kepada 24% dan keempat bagi tahun taksiran 2016, kadar cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana (PKS) dikurangkan satu mata peratusan daripada 20% kepada 19%.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu perspektif, pengalaman antarabangsa membuktikan, tahap kesediaan peniaga adalah salah satu faktor kejayaan pelaksanaan GST. Bagi membantu para peniaga, insentif dan bantuan berikut akan dilaksanakan:

- (i) pemberian geran latihan sebanyak RM100 juta kepada peniaga untuk menghantar kakitangan menjalani latihan tentang GST;
- (ii) bantuan kewangan berjumlah RM150 juta kepada PKS bagi pembelian perisian perakaunan;
- (iii) kos pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan; dan
- (iv) perbelanjaan latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan cukai tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperuntukkan RM588 juta bagi pelbagai subsidi pada tahun 1994. Jumlah ini telah meningkat kepada RM40.5 bilion pada tahun 2014. Bagi menambah baik kedudukan kewangan awam, kerajaan komited untuk melaksanakan langkah rasionalisasi subsidi, terutamanya subsidi petroleum. Langkah ini bertujuan memastikan pemberian subsidi lebih bersasar serta mengurangkan ketirisan dan penyeludupan. Kerajaan akan memastikan langkah rasionalisasi subsidi dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan ia tidak membebankan rakyat.

Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan penetapan harga runcit bagi petrol RON95 dan diesel berdasarkan kaedah pengapungan terkawal atau *manage float*. Kaedah ini berkuat kuasa pada 1 Disember 2014. Oleh yang demikian, harga semasa di pam kini bagi RON95 adalah RM2.26 seliter, diesel adalah RM2.23 seliter, manakala bagi RON97 pula berkurangan kepada RM2.46 seliter. Pada masa yang sama, kerajaan juga akan sentiasa memantau perkembangan semasa harga petroleum berikutan penurunan harga minyak mentah dunia.

Pendekatan *National Blue Ocean Strategy* telah menunjukkan keberkesanan pelaksanaan projek dan program kerajaan. Untuk itu, sebanyak RM356 juta akan disediakan, antaranya pembukaan empat buah lagi *Urban Transformation Centre* (UTC) di Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis. Termasuk satu mini UTC di Kedah dan mempergiatkan latihan peningkatan kemahiran melalui program *1Malaysia Skills and Employability Scheme* bagi sektor awam dan *1Malaysia Training Centre* bagi sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan negara akan terus diperkukuh selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia akan diperuntukkan RM56 bilion untuk membiayai pelbagai program pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk penekanan akan diberikan kepada pemantapan sekolah-sekolah yang memerlukan bimbingan serta bantuan khusus.

Kerajaan akan memperluaskan program Sekolah Amanah ke 20 buah sekolah lagi di negeri Johor, Sarawak, Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di samping itu, kerajaan juga akan membina 12 buah sekolah baru iaitu tujuh buah sekolah rendah, tiga buah sekolah menengah dan dua buah sekolah berasrama penuh di seluruh negara.

Menjelang tahun 2020, sekurang-kurangnya 46% pekerjaan memerlukan kelayakan teknikal dan vokasional. Untuk itu, kerajaan akan meningkatkan pengambilan pelajar di kolej vokasional dan kolej komuniti melalui Program Transformasi Vokasional dan Teknik serta menaik taraf kolej dengan peruntukan RM1.2 bilion. Selain itu pada masa ini bagi permohonan untuk mengambil jurusan di bawah Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diterima oleh KPM, jauh melebihi kemampuan tempat yang boleh disediakan. Sebagai langkah untuk membuka lebih peluang bagi bidang ini, kerajaan mencadangkan peruntukan sebanyak RM100 juta kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menempatkan 10,000 pelajar di kolej-kolej teknikal dan vokasional swasta. Di samping itu, RM50 juta juga turut diperuntukkan kepada MARA bagi pelaksanaan Program TVET.

Sebagai dorongan kepada syarikat swasta pula, bagi maksud pengiraan cukai pendapatan, kerajaan mencadangkan galakan cukai sedia ada ditambah baik seperti berikut:

- (i) potongan dua kali kepada biasiswa untuk pelajar di peringkat pengajian pensijilan vokasional dan teknik;
- (ii) potongan dua kali ke atas perbelanjaan syarikat dalam melaksanakan program *internship* berstruktur di peringkat diploma dan vokasional; dan
- (iii) potongan tambahan diberi ke atas perbelanjaan latihan yang ditanggung oleh majikan bagi pekerja untuk mendapatkan sijil dan kelayakan profesional yang diiktiraf.

Dalam aspek keselamatan dan persekitaran pembelajaran pula, kerajaan akan menyediakan RM800 juta ringgit untuk tujuan ini dengan pecahan seperti berikut:

- (i) Sekolah kebangsaan - RM450 juta;
- (ii) Sekolah jenis kebangsaan Cina - RM50 juta;
- (iii) Sekolah jenis kebangsaan Tamil - RM50 juta;
- (iv) Sekolah mubaligh - RM50 juta;
- (v) Sekolah berasrama penuh - RM50 juta;
- (vi) Sekolah agama bantuan kerajaan - RM50 juta;
- (vii) MRSM - RM50 juta;
- (viii) Sekolah pondok yang berdaftar – RM25 juta; dan
- (ix) Sekolah menengah kebangsaan Cina atau *conforming school* yang mengguna pakai kurikulum kebangsaan diperuntukkan sebanyak RM25 juta.

Kerajaan juga akan membiayai kos bil elektrik dan air kepada semua sekolah jenis kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dengan siling sebanyak RM5,000 sebulan.

Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM3 bilion bagi penajaan pelajaran yang mana RM1.9 bilion melalui tajaan JPA, sebanyak RM759 juta kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan RM258 juta kepada Kementerian Kesihatan.

Kerajaan telah memperkenalkan Program MyBrain15 untuk menghasilkan 60,000 pemegang PhD menjelang tahun 2023. Program MyBrain15 yang kini terbuka kepada sektor swasta, dicadangkan diperluas kepada penjawat awam dan kakitangan badan berkanun yang ingin melanjutkan pengajian secara separuh masa di institusi pengajian tinggi tempatan (IPTA).

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menggalakkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik, kerajaan mencadangkan supaya 10% rebat diberikan sekiranya peminjam membuat bayaran balik pinjaman secara berterusan selama 12 bulan sehingga 31 Disember 2015. Sebagai tambahan, tawaran diskaun 20% diberikan kepada peminjam yang membuat penyelesaian secara sekali gus atau *lump sum* sehingga 31 Mac 2015.

Selain itu, sejak tahun 2005, golongan berpendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan yang menyimpan di dalam SSPN-*i* telah menikmati pemberian geran sepadan. Justeru, bagi menggalakkan lebih ramai menikmati geran sepadan ini, kerajaan mencadangkan supaya had pendapatan isi rumah pencarum dinaikkan kepada tidak melebihi RM4,000 sebulan.

Untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, kerajaan mencadangkan supaya kurikulum dan program latihan kemahiran di IPT dikaji semula. Untuk ini, Talent Corp akan menyediakan RM30 juta bagi Program *Industry Academia Collaboration* yang mana universiti entiti kerajaan dan industri bekerjasama membangunkan kurikulum program *internship* serta latihan industri.

Selain itu, keyakinan diri dan kemahiran graduan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris akan dipertingkatkan. Pada masa ini, syarat kemasukan ke IPTA mengehendaki pelajar mencapai tahap minimum di Band 1 dalam *Malaysian University English Test* (MUET). Mulai tahun hadapan:

- (i) bagi kemasukan ke IPTA tahap minimum Band MUET ditingkatkan mengikut bidang pengajian seperti contoh berikut:
 - (a) Pengajian Sastera dan Sains Sosial - Band 2;
 - (b) Pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) - Band 3; dan,
 - (c) Pengajian Undang-undang & Perubatan - Band 4.

■1220

Sebagai syarat bergraduan pula, pelajar wajib mencapai:

- (i) Pengajian Sastera dan Sains Sosial – Band 3
- (ii) Pengajian STEM – Band 4
- (iii) Pengajian Undang-undang & Perubatan – Band 5

Kerajaan juga menyarankan IPTS melaksanakan langkah yang sama. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kebajikan pekerja terus dibela:

- (i) Akta Kerja 1955 dan Akta Perburuhan yang berkaitan akan dikaji semula yang termasuk terma dan syarat pekerjaan, pelantikan dan pemberhentian, waktu bekerja yang fleksibel serta faedah penamatan kerja;
- (ii) Portal *JobsMalaysia* akan ditambah baik;
- (iii) memperkenalkan Sistem Insurans Pekerjaan bertujuan membantu golongan pekerja yang diberhentikan melalui pemberian bantuan saraan sementara, serta peluang latihan semula; dan
- (iv) menyediakan latihan teknikal dan bantuan pendidikan kepada golongan belia India terutama dari keluarga kurang berkemampuan.

Pada tahun 2011, Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) telah berjaya mendapatkan pekerjaan kepada lebih 45,000 graduan dari kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan luar bandar. Kerajaan telah menyokong usaha CSR oleh majikan dalam pelaksanaannya melalui galakan potongan dua kali kepada syarikat bagi maksud pengiraan cukai pendapatan sehingga 31 Disember 2016. Kerajaan mencadangkan galakan cukai ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

Bagi memperhebatkan program *upskilling* dan *reskilling*, kerajaan akan memperkenalkan satu program baru iaitu dengan izin, *Globally Recognized Industry and Professional Certification* (1MalaysiaGRIP) dengan peruntukan sebanyak RM300 juta secara *matching grant* antara kerajaan dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad bagi melatih seramai 30,000 orang pekerja.

Kerajaan akan meningkatkan program latihan kemahiran di institusi latihan kemahiran Jabatan Tenaga Manusia (JTM). Bagi mengoptimumkan 32 institusi latihan JTM, kerajaan akan menjalankan latihan *double shift* bagi program sepenuh masa melibatkan 176 kursus yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran pekerjaan. Pengambilan pelajar sebanyak dua kali setahun dianggarkan melibatkan 48,000 dalam tempoh lima tahun pelaksanaannya.

Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai lokasi tumpuan bagi Syarikat Permulaan atau *Start-up* di rantau ini. Salah satu usaha adalah penubuhan MaGIC bagi mewujudkan ekosistem yang lebih kondusif untuk memudahcara syarikat *Start-up* memulakan perniagaan. Justeru, bagi menarik lebih ramai usahawan ekspatriat syarikat *Start-up* beroperasi di Malaysia, dicadangkan kriteria khas Modal Berbayar syarikat *Start-up* ditetapkan sebanyak RM75,000. Usahawan ekspatriat *Start-up* yang layak akan diberi *Startup Work Pass* untuk tempoh satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pemilikan ekuiti syarikat korporat, bumiputera masih belum mencapai sasaran 30%. Sementara itu, *effective control* ke atas syarikat korporat terkini, hanyalah pada sekitar 10% sahaja. Oleh itu, kerajaan menerusi EKUINAS akan diperuntukkan RM600 juta bagi meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam syarikat-syarikat swasta mahupun GLC. Bagi melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera EKUINAS telah melaksanakan pelaburan kumulatif bernilai 2.3 bilion ringgit dalam pelbagai sektor.

Bagi melahirkan usahawan-usahawan bumiputera, beberapa inisiatif telah dirancang seperti berikut:

- (i) memperkukuh peranan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), sebagai Pusat Kecemerlangan Keusahawanan Bumiputera.
- (ii) merancang program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dengan peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta. Program ini juga akan diperluaskan penyertaannya kepada usahawan di Sabah dan Sarawak.
- (iii) memperkenalkan program pre-eksport untuk syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) bagi meningkatkan penjenamaan, pensijilan antarabangsa, dan *market survey* keluaran bumiputera; dan
- (iv) memperluaskan program *carve-out and compete* secara meritokrasi meliputi projek kerajaan dan penswastaan.

Bagi PKS bumiputera pula, antara inisiatif-inisiatif khusus yang akan dilaksanakan melalui Bajet 2015 adalah seperti berikut:

- (i) Lembaga Tabung Haji akan memperuntukkan RM200 juta bagi penubuhan Akaun Pelaburan Terhad patuh syariah di Bank Islam. Tujuan akaun ini adalah bagi menyediakan kemudahan pembiayaan dan kredit yang bernilai antara RM50 ribu hingga RM1 juta mulai Januari 2015; dan
- (ii) Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) akan menggunakan sumber dalaman berjumlah RM1.8 bilion untuk menyediakan pembiayaan yang dapat memanfaatkan 346,000 sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia.

MARA pula terus diperteguhkan sebagai sebuah institusi unggul bumiputera. Dalam hal ini kerajaan telah menyediakan inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) RM2 bilion diperuntukkan untuk tajaan pelajaran;
- (ii) RM72 juta akan digunakan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera dalam pelaksanaan tiga program dalam bentuk biasiswa, latihan dan bantuan kewangan yang keseluruhannya memanfaatkan 5,000 orang; dan
- (iii) menubuhkan Pusat Perakaunan Profesional di Universiti Teknologi Mara dengan kerjasama Institut Akauntan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil berat dan amat prihatin dalam membangun dan membela nasib rakyat di Sabah dan Sarawak dalam agenda pembangunan negara.

Sehubungan itu, kerajaan akan mula membina Lebuhraya Pan Borneo sepanjang 1,663 kilometer melibatkan jajaran Sarawak sepanjang 936 kilometer dan jajaran Sabah sepanjang 727 kilometer dengan kos pembinaan sebanyak RM27 bilion.

Menerusi NBOS pula, satu lagi mini UTC dan RTC masing-masing di Sabah dan Sarawak akan dibuka bagi memudahkan urusan masyarakat di pedalaman dan bandar. Kerajaan akan membina Klinik Kesihatan di Tenom, Sabah dan di Lubok Antu, Sarawak, serta menaik taraf kemudahan di Hospital Tawau. Selain itu, perkhidmatan perubatan nuklear dan radioterapi bagi merawat pesakit kanser akan disediakan di Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Likas, Sabah.

Bagi memperkukuhkan keselamatan dan pertahanan di pengairan negeri Sabah, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) diperuntukkan sebanyak RM660 juta. Selain itu, dua batalion melibatkan PGA PDRM dan Tentera Darat dengan jumlah anggota baru seramai 1,280 anggota telah diluluskan. Dua buah kem akan dibina iaitu Kem Batalion 20 PGA di Beluran dan Kem ATM di Felda Sahabat, Lahad Datu, Sabah.

Di samping itu, kelengkapan operasi pertahanan dan keselamatan akan ditambah baik. Antaranya perolehan sistem radar pengawasan yang berkeupayaan tinggi. Kerajaan juga akan menggunakan satu pelantar minyak yang diubahsuai dan sebuah kapal *auxiliary* sebagai *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan peruntukan sebanyak RM230 juta melalui program CSR Petronas.

Sebagai tambahan, kerajaan akan memanjangkan landasan lapangan terbang di Lahad Datu dan perpindahan Skuadron Hawk dari Butterworth ke Labuan. Kerajaan juga akan menempatkan semula perkampungan-perkampungan air seperti di Semporna dan Sandakan secara berperingkat. Kerajaan berharap dengan inisiatif ini, keselamatan rakyat Malaysia terutamanya di Sabah akan terus terjamin dan aktiviti ekonomi akan terus rancak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai memperkukuh Rangkaian Bekalan Makanan di Sabah dan Sarawak buat pertama kalinya subsidi padi bukit diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM70 juta. Bantuan ini akan memberi manfaat kepada kawasan penanaman seluas 76,000 hektar. Kerajaan akan berusaha untuk terus menyeimbangkan harga barang keperluan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak melalui langkah-langkah berikut:

- (i) RM262 juta bagi membiayai kos pengangkutan dan penguatkuasaan kawalan harga barangan keperluan harian; dan
- (ii) tambahan dua buah Kedai Rakyat 1Malaysia di Sabah menjadikan jumlah 16 buah dan tiga buah lagi di Sarawak menjadikan 19 buah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan sumbangan wanita dalam pembangunan negara, kerajaan akan menumpukan kepada usaha mempergiatkan penglibatan wanita dalam pasaran kerja dan aktiviti keusahawanan. Antara program yang akan dijalankan adalah Program Pengarah Wanita bagi mencapai 30 peratus penglibatan wanita dalam kumpulan pembuat keputusan. Program *1Malaysia Support for Housewife* iaitu menambah baik peluang wanita terutamanya suri rumah untuk kembali ke pasaran kerja. *Program Women Career Comeback* oleh Talent Corp untuk wanita profesional kembali ke pasaran pekerjaan berdasarkan kelayakan profesional.

Kerajaan sentiasa peka terhadap kesejahteraan golongan wanita terutamanya dari aspek keselamatan. Sehubungan itu, kerajaan akan membeli premis Rumah Perlindungan Khas Wanita mengikut zon wilayah timur, utara dan tengah. Selain itu, bagi memberi peluang kepada ibu tunggal yang berminat dalam keusahawanan, kerajaan akan meneruskan Program Kemahiran Inkubator Ibu Tunggal atau I-KIT, Program Inkubator Keusahawanan Wanita dan Program Teras Pembangunan Wanita.

Seterusnya, susulan daripada pembiayaan keseluruhan yang disediakan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, usahawan wanita India akan diberi peruntukan khusus sebanyak RM30 juta.

Selain itu, bagi penjawat awam, kerajaan bersetuju menambah baik kemudahan cuti menjaga anak dengan meminda syarat pemberian supaya tidak terikat dengan tempoh cuti bersalin berkuat kuasa 1 Januari 2015. Kemudahan ini terhad untuk tempoh satu tahun dan diperluaskan kepada pegawai wanita yang mempunyai anak tiri tanggungan, anak angkat yang diambil mengikut undang-undang, anak pelihara dan anak kurang upaya.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan penubuhan lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak di premis pejabat swasta, garis panduan sedia ada akan dipinda. Mulai Januari 2015, kerajaan akan membenarkan majikan mengendalikan pusat penjagaan kanak-kanak melebihi tingkat dua, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan melancarkan Pelan Transformasi Belia Negara yang melibatkan pelbagai perancangan dasar dan program dengan peruntukan yang disediakan sebanyak RM320 juta antaranya seperti berikut:

- (i) mengkaji semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dengan satu konsep baru yang menjalinkan keperluan kemahiran dan kenegaraan akan diperkenalkan dalam sedikit masa lagi;
- (ii) menambah baik Program Rakan Muda dan memperkenalkan Program Kem Uniti;
- (iii) mengukuhkan aspek kepimpinan belia melalui pengenalan program Akademi Kepimpinan Belia untuk mengasah bakat kepimpinan di kalangan belia Malaysia;
- (iv) mempergiatkan program kesukarelawan belia melalui 1M4U dan memperkenalkan program MyCorp. Program MyCorp melibatkan belia menjalankan aktiviti sukarela, kebajikan dan sosioekonomi di peringkat antarabangsa;
- (v) menggilap bakat keusahawanan di kalangan belia melalui Program MaGIC, serta memperkenalkan *Online Resource Centre* dan menganjur Persidangan Keusahawanan Sosial Antarabangsa;
- (vi) melaksanakan Program Agropreneur Muda oleh FAMA yang melibatkan 1,200 orang belia dengan sasaran pendapatan melebihi RM5,000 sebulan; dan
- (vii) meningkatkan keupayaan dan kemahiran belia melalui Program Transformasi IKBN dan Program *Coding Bootcamp* serta program Projek Angkat dan Upaya (PADU).

Kerajaan juga berhasrat supaya satu ekosistem komprehensif yang disertai belia dapat disediakan untuk meningkatkan keupayaan dan memajukan diri dalam pekerjaan dan keusahawanan serta dapat menikmati kemudahan perumahan dan rekreasi. Untuk ini, kerajaan akan mewujudkan

1Malaysia Youth City dengan peruntukan RM100 juta bagi membiayai tiga projek perintis di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pemilikan rumah merupakan satu isu besar khususnya kepada golongan belia terutama dalam soal harga rumah dan kebolehiayaan. Menyedari permasalahan ini, sukacita saya mengumumkan Skim Perumahan Belia atau *Youth Housing Scheme* secara perkongsian pintar di antara kerajaan, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Cagamas.

Skim ini menawarkan pemilikan rumah pertama yang bernilai tidak melebihi RM500,000 kepada belia berkahwin berumur 25 hingga 40 tahun serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000. Tempoh pembiayaan maksimum ialah 35 tahun. Di bawah skim ini, sebanyak RM200 sebulan diberikan oleh kerajaan untuk tempoh dua tahun pertama bagi mengurangkan beban ansuran bulanan pinjaman perumahan. Pengecualian sebanyak 50 peratus duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman juga diberi.

Kerajaan turut menyediakan jaminan pinjaman sebanyak 10 peratus, bagi membolehkan peminjam mendapatkan pembiayaan penuh termasuk kos insurans. Peminjam juga boleh mengeluarkan wang daripada Akaun 2 KWSP mereka untuk menampung pembayaran ansuran bulanan dan kos lain yang berkaitan. Oleh itu, disarankan golongan belia berebut dan merebut peluang ini yang ditawarkan secara "*first come first served basis*" untuk 20,000 unit rumah sahaja.

Kerajaan akan merealisasikan Blueprint Negara Bersukan atau *Sporting Nation*. Untuk ini sebanyak RM103 juta disediakan bagi melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) melaksanakan Program Malaysian Talent Identification yang melibatkan pengujian, saringan dan pengkhususan bakat di kalangan pelajar sekolah;
- (ii) meningkatkan mutu sukan berprestasi tinggi untuk enam bidang sukan terpilih dalam fasa pertama iaitu bola sepak, basikal, badminton, sepak takraw, renang dan olahraga;
- (iii) menyemarakkan Program FIT Malaysia yang menumpukan kepada kecergasan fizikal; dan
- (iv) menyambut Hari Sukan Negara pada hari Sabtu pertama dalam bulan November pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kemakmuran sesebuah negara bergantung juga kepada kemampuannya untuk menyediakan tahap kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Sebagai langkah meringankan beban perbelanjaan awal persekolahan yang ditanggung oleh ibu bapa dan penjaga pelajar, khususnya golongan berpendapatan rendah, kerajaan akan meneruskan bantuan persekolahan. Bantuan sebanyak RM100 seorang, akan disalurkan mulai Januari tahun depan kepada seramai 5.4 juta orang pelajar sekolah rendah dan menengah.

Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Program Baucar Buku *1Malaysia* dengan kadar RM250 seorang. Program ini diperuntukkan sejumlah RM325 juta dan dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 1.3 juta pelajar institusi pengajian tinggi.

Bagi memperkukuh rantai bekalan makanan, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM6 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Antaranya inisiatif yang akan dilaksanakan ialah:

- (i) mulai tahun 2015 sehingga 2017, kerajaan akan membuka 65 buah Pasar Tani Kekal dan 50 buah Pasar Ikan yang beroperasi setiap hari di beberapa buah lokasi terpilih;
- (ii) memperkenalkan program lelongan sayur-sayuran berkualiti dengan harga berpatutan, setiap minggu di 85 lokasi Pusat Operasi Urusniaga FAMA dan pasar tani;
- (iii) merencanakan penanaman dan tanaman semula pokok buah-buahan seperti durian, manggis, langsung, rambutan serta memperhebatkan Program Jom Bertani supaya rakyat mengusahakan tanaman kontan dan sayur-sayuran untuk kegunaan sendiri; dan
- (iv) menyediakan geran pepadanan sebanyak RM100 juta kepada Lembaga Pertubuhan Peladang untuk membolehkan ahli-ahlinya membuat pinjaman bagi meningkatkan produktiviti ladang dan rangkaian pemasaran.

Selain itu, kerajaan akan mempergiatkan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu di Rompin, Batang Lupar, Kota Belud dan Pekan yang melibatkan kawasan tanaman padi seluas 25,905 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin tentang pembangunan dan kebajikan nelayan yang sentiasa menghadapi pelbagai cabaran hidup. Dalam menangani masalah pendapatan nelayan yang tidak menentu terutamanya ketika musim tengkujuh, serta persekitaran perkampungan nelayan yang tidak selesa, kerajaan akan:

- (i) menaikkan elaun sara hidup nelayan Zon 'A' kepada RM300 daripada RM200 sebulan. Bagi nelayan Zon 'B' dan 'C', elaun sara hidup dinaikkan kepada RM250 sebulan;
- (ii) bagi nelayan darat sepenuh masa, buat pertama kalinya akan diberi elaun RM200 sebulan. Pemberian elaun ini melibatkan lebih 44,000 orang nelayan;
- (iii) mempergiatkan lagi aktiviti akuakultur seperti ternakan ikan, udang, kupang dan tiram dalam sangkar bagi mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan;
- (iv) memasang *Automatic Identification System* ke atas bot-bot nelayan untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan; dan
- (v) menyediakan peruntukan RM250 juta bagi projek perumahan nelayan.

Kerajaan amat komited melaksanakan beberapa inisiatif termasuklah Program Penyeragaman Harga, pemberian subsidi pengangkutan dan pembukaan lebih banyak Kedai Rakyat 1Malaysia. Untuk itu, antara langkah yang akan dilaksanakan oleh KPDNKK adalah:

- (i) menambah 20 buah lagi Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di Semenanjung;

- (ii) mewujudkan dan memberi peruntukan sewajarnya kepada kumpulan pemantau harga atau *pricewatch team* dari kalangan persatuan pengguna; dan
- (iii) memperkukuhkan Unit Penguatkuasaan GST dengan 2,270 orang anggota, Unit Pemantauan Harga seramai 1,300 orang anggota dan Skwad Pengguna seramai 202,800 orang sukarelawan serta penglibatan 579 orang penghulu dan pegawai.

Bagi mempertingkatkan sistem pengangkutan awam pula, kerajaan akan memperkenalkan beberapa program berikut:

- (i) menyediakan perkhidmatan bas antara bandar kepada penduduk yang menetap di luar tetapi bekerja di Kuala Lumpur. Kemudahan ini menawarkan tambang bulanan pada kadar diskaun 30%. Sebagai permulaan, tiga laluan bas akan beroperasi iaitu Rawang-KL; Klang-KL dan Seremban-KL;
- (ii) menyediakan perkhidmatan *Electric Train Service* (ETS) Ipoh-Butterworth bermula pada April 2015; dan
- (iii) menambah baik perkhidmatan bas berhenti-henti melalui sistem kontrak dengan syarikat bas sedia ada melibatkan Bandaraya Kuching, Ipoh, Seremban, Kuala Terengganu dan Kangar.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan memperuntukkan RM100 juta bagi melaksanakan mekanisme kawal selia harga di peringkat ladang untuk melindungi pekebun kecil daripada mengalami kerugian terutamanya sewaktu harga pasaran dunia lebih rendah daripada harga minimum yang ditetapkan. LGM akan turut menyediakan pinjaman mudah berjumlah RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada 64 buah koperasi pekebun kecil bagi membeli getah terus daripada kira-kira 442,000 orang pekebun kecil getah di seluruh negara.

Bagi pekebun kecil kelapa sawit pula, kerajaan akan meneruskan insentif untuk penanaman baru dan penanaman semula dengan peruntukan sebanyak RM41 juta. Di samping itu, pengecualian duti eksport minyak sawit mentah atau CPO akan dilanjutkan sehingga bulan Disember 2014.

■1240

Bagi perkhidmatan dan kemudahan kesihatan rakyat, kerajaan akan memperuntukkan RM23.3 bilion untuk pelaksanaan inisiatif berikut:

- (i) membina dua buah hospital iaitu Hospital Dungun di Terengganu dan Hospital Seri Iskandar di Perak. Membina 20 Klinik Kesihatan, 4 Klinik Pergigian dan menambah 30 Klinik 1Malaysia yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 290 buah di seluruh negara;
- (ii) mengganti 635 unit mesin hemodialisis di hospital dan klinik kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM30 juta. Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta, kerajaan akan menyediakan ruang di hospital dan klinik kesihatan kerajaan untuk menempatkan 244 buah mesin hemodialisis lagi yang akan

disumbangkan oleh sektor swasta dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporat mereka; dan

- (iii) menyediakan ubat-ubatan bagi pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis kronik dan akut dengan peruntukan sebanyak RM45.4 juta.

Pada masa ini, perbelanjaan perubatan penyakit serius seperti kanser, kegagalan buah pinggang dan serangan jantung telah diberi pelepasan cukai sehingga RM5,000. Bagi meringankan tanggungan kos rawatan dan perubatan penyakit serius ini, kerajaan mencadangkan pelepasan cukai ini ditingkatkan kepada RM6,000. Pelepasan cukai ini bukan sahaja untuk pembayar cukai itu sendiri tetapi juga meliputi pasangan dan anak.

Penularan wabak demam denggi kini juga semakin serius. Bagi mengekang penularan wabak berkenaan, program pencegahan denggi akan dipertingkatkan melalui kesedaran komuniti dan perolehan peralatan pencegahan denggi seperti *re-agen*, *ultra low volume* dan *mist blower*. Di samping itu, Kerajaan akan mengagihkan sebanyak 55 ribu *test kit* denggi kepada semua klinik swasta untuk mempercepatkan proses pengesanan awal denggi secara percuma. Untuk itu, sebanyak RM30 juta diperuntukkan.

Kerajaan amat prihatin, terutama kepada golongan yang memerlukan. Selaras dengan ini, melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat beberapa program akan dijalankan:

- (i) menyediakan RM1.2 bilion bantuan kewangan kepada keluarga miskin, kanak-kanak, warga emas dan Orang Kelainan Upaya atau OKU. Kerajaan bersetuju kadar bantuan bagi OKU bekerja dinaikkan daripada RM300 kepada RM350. Manakala, bagi OKU tidak bekerja dinaikkan daripada RM150 kepada RM200. Ini akan memberi manfaat kepada 110 ribu orang OKU;
- (ii) menaikkan pelepasan cukai bagi setiap anak yang OKU daripada RM5,000 kepada RM6,000;
- (iii) menaikkan pelepasan cukai bagi pembelian peralatan sokongan asas bagi diri sendiri, pasangan, anak dan ibu bapa yang OKU daripada RM5,000 kepada RM6,000;
- (iv) menaikkan kadar makanan harian 8,700 penghuni di 63 institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada RM8 kepada RM16 Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (v) meningkatkan geran tahunan Majlis Kebangsaan bagi OKU, daripada RM500 ribu kepada RM1 juta; dan
- (vi) menambah 5 buah Pusat Aktiviti Warga Emas, menjadikan 50 buah di seluruh negara serta Unit Penyayang Warga Emas yang menyediakan pengangkutan percuma kepada warga emas ke hospital.

Di samping itu, bagi mengukuhkan pendidikan awal kanak-kanak, kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM711 juta kepada Kementerian Pendidikan, Tabika Kemas, PERMATA dan Tabika Perpaduan. Minum.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani isu pemilikan rumah dengan harga yang berpatutan, pelbagai projek dan program akan terus dilaksanakan, antaranya:

- (i) membina 80 ribu unit rumah PR1MA dengan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion. Had kelayakan pendapatan isi rumah juga dinaikkan daripada RM8 ribu kepada RM10 ribu. Selain itu, Skim Pembiayaan Sewa-Beli atau *Rent-To-Own* (RTO) akan diperkenalkan kepada individu yang tidak berupaya mendapat pembiayaan daripada bank;
- (ii) membina 26 ribu unit rumah Program Perumahan Rakyat oleh Jabatan Perumahan Negara; dan
- (iii) membina 12 ribu unit Rumah Mesra Rakyat dan 5 ribu unit Rumah Idaman Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Di samping itu, SPNB juga akan membina 20 ribu unit Rumah Aspirasi Rakyat di atas tanah persendirian.

Bagi membolehkan lebih ramai rakyat memiliki rumah pertama dan mengurangkan kos membeli rumah, kerajaan bersetuju melanjutkan pengecualian duti setem 50 peratus ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman serta menaikkan had harga rumah daripada RM400 ribu kepada RM500 ribu. Pengecualian ini diberikan sehingga 31 Disember 2016.

Kerajaan juga bersetuju menambah baik program Skim Rumah Pertamaku kendalian Cagamas, dengan menaikkan had nilai harga rumah kepada RM500 ribu, selaras dengan pengecualian duti setem tersebut. Di samping itu, had kelayakan umur peminjam bagi skim ini akan dinaikkan daripada 35 kepada 40 tahun.

Selain itu, peruntukan penyelenggaraan sebanyak 40 juta ringgit disediakan di bawah Program Penyelenggaraan Perumahan Awam. Manakala, bagi penyelenggaraan perumahan kos rendah swasta pula, RM100 juta disediakan di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia.

Kerajaan juga terus komited menyedia dan menaik taraf kemudahan dan infrastruktur luar bandar. Sejumlah RM4.5 bilion akan diperuntukkan, terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi melaksanakan program berikut, antaranya:

- (i) projek jalan luar bandar sepanjang 635 kilometer termasuk bekas jalan-jalan balak di Sabah dan Sarawak;
- (ii) melaksanakan program penyambungan bekalan elektrik kepada lebih 15 ribu buah rumah dan program bekalan air bersih luar bandar kepada 7,500 buah rumah;

- (iii) membina dan membaik pulih rumah usang melibatkan 9,500 buah rumah dengan peruntukan sebanyak RM200 juta;
- (iv) meningkatkan mutu perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak melalui penyelenggaraan dan sewaan pesawat baru;
- (v) melaksanakan program pembangunan ekonomi, kemudahan infrastruktur dan penambahbaikan taraf hidup masyarakat Orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM352 juta; dan
- (vi) menambah sepuluh batang tiang lampu menjadikannya 20 batang tiang lampu di setiap kampung di seluruh negara yang melibatkan lebih 22 ribu buah kampung.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan air merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian setiap insan dan industri. Kerajaan akan menyediakan *National Water Blueprint* bagi memastikan kelangsungan bekalan air di seluruh negara untuk jangka panjang. Ini termasuk pengurusan sungai secara holistik, pembinaan dan penambahbaikan loji-loji rawatan air, penerokaan air bawah tanah, penggunaan semula air terawat untuk industri dan pertanian serta meluaskan penggunaan *storm water retainer system*. Bagi mengatasi kekurangan bekalan air di Lembah Klang, pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 akan digiatkan. Ini melibatkan kos sebanyak 3 bilion ringgit yang mampu menambah bekalan air terawat sebanyak 1,130 juta liter sehari.

Di samping itu, untuk mengatasi masalah kehilangan air tidak berhasil atau *non-revenue water*, sebanyak RM112 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja mewujudkan zon kawalan kebocoran, menjalankan kerja pengesanan dan pembaikan paip-paip bocor. Bagi meningkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam serta pertahanan negara, peruntukan sebanyak RM17.7 bilion disediakan untuk Angkatan Tentera Malaysia. Sementara sebanyak 9.1 bilion ringgit diperuntukkan untuk Polis DiRaja Malaysia. Sejumlah RM804 juta juga diperuntukkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi memperkukuhkan penguatkuasaan maritim.

Selain itu, kerajaan telah meluluskan tambahan sebanyak 11,757 perjawatan anggota polis, selain membina sebanyak 14 ibu pejabat polis dan balai polis, termasuk bangunan baharu IPK Perlis. Bagi meningkatkan kesiapsiagaan aset dan anggota tentera, sebanyak RM7 bilion diperuntukkan untuk memperoleh dan menyelenggara aset-aset pertahanan. Selain itu, kebajikan anggota tentera akan dipertingkatkan termasuk perkhidmatan kesihatan dan penyediaan kediaman. Bagi meningkatkan keselamatan maritim, APMM disediakan peruntukan sebanyak RM393 juta. Ini adalah untuk meningkatkan kecekapan operasi dan pembelian 7 buah kapal peronda baharu.

Kerajaan sememangnya mengiktiraf peranan NGO dalam memberi khidmat sukarelawan kepada masyarakat. Oleh itu kerajaan bersetuju mengisytiharkan tahun 2015 sebagai tahun pemerkasaan NGO dan sukarelawan atau MyNGO 2015. Untuk itu, geran secara *one-off* dengan peruntukan RM50 juta disediakan kepada NGO berwibawa, termasuk yang beruniform, melibatkan program berasaskan pembangunan komuniti, perpaduan, kebajikan masyarakat, kepenggunaan, kesihatan dan keselamatan.

Di samping itu kerajaan bersetuju membina Pusat Percetakan Al-Quran di Putrajaya. Pusat ini juga akan menjadi tempat tumpuan penggiat dan penggemar seni khat dengan peruntukan awal sebanyak RM30 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan penambahbaikan 81 skim perkhidmatan awam sebelum ini. Seterusnya, kerajaan akan menambah baik lagi 252 skim perkhidmatan sedia ada untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Di samping itu, bagi menghargai khidmat pegawai dan kakitangan kontrak KEMAS, JASA, JPNIN, JAKIM dan Seranta FELDA yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun dan telah tamat perkhidmatan kontrak mengikut umur persaraan wajib, kerajaan bersetuju memberikan bantuan bulanan sebanyak RM300 seorang. Inisiatif ini akan memanfaatkan 1,655 individu.

Kerajaan juga prihatin terhadap kesukaran penjawat awam untuk mendapat pembiayaan memiliki rumah.

■1250

Oleh itu kerajaan bersetuju had kelayakan minimum pinjaman perumahan dinaikkan daripada kadar RM80,000 kepada RM120,000 dan bagi had kelayakan maksimum, dinaikkan daripada RM450,000 kepada RM600,000. Pada masa yang sama, wang pemprosesan permohonan pinjaman perumahan sebanyak RM100 dimansuhkan. Kedua-dua cadangan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Bagi membolehkan lebih ramai penjawat awam memiliki rumah, kerajaan bersetuju untuk membina 5,380 unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia atau PPA1M. Di samping itu, kerajaan juga menambah baik PPA1M seperti berikut:

- (i) menurunkan harga minimum rumah PPA1M yang kini berharga RM150,000 kepada RM90,000 seunit dengan keluasan lantai minimum 850 kaki persegi;
- (ii) menaikkan syarat kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM8,000 kepada RM10,000; dan
- (iii) menyediakan dana mudahcara sehingga 25 peratus daripada kos projek kepada pemaju yang menyertai skim PPA1M.

Kerajaan juga akan menyediakan RM500 juta untuk membaik pulih dan menyelenggara secara berperingkat kuarters tentera, polis, guru dan kakitangan kesihatan di seluruh negara. Sebanyak RM105 juta diperuntukkan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk penyelenggaraan kuarters kerajaan, di bawah Program *My Beautiful Malaysia* yang melibatkan 126 lokasi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pelaksanaan BR1M 2015, kerajaan mencadangkan pemberian bantuan ditingkatkan daripada RM650 kepada RM950 bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3000 ke bawah. Bantuan ini akan dibayar sebanyak tiga kali setahun, iaitu RM300 akan dibayar pada Januari dan Mei, manakala bakinya sebanyak RM350 akan dibayar mulai September 2015.

Seterusnya, bagi isi rumah berpendapatan bulanan antara RM3,000 hingga RM4,000, kerajaan akan meningkatkan nilai BR1M daripada RM450 kepada RM750. Bantuan ini akan dibayar sebanyak tiga kali setahun juga, iaitu RM200 akan dibayar pada Januari dan Mei, manakala bakinya sebanyak RM350 akan dibayar mulai September 2015.

Bagi kategori individu bujang berumur 21 tahun ke atas dan berpendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan, kerajaan akan meningkatkan nilai BR1M daripada RM300 kepada RM350. Bayaran bantuan ini akan dibuat sekali gus mulai awal tahun hadapan. Untuk makluman, proses pendaftaran BR1M 2015 sedang giat dijalankan dan tarikh akhir penghantaran borang adalah pada 31 Disember 2014. Saya menyeru semua penerima BR1M dapat mengemas kini maklumat agar proses pendaftaran berjalan lancar.

Di samping itu, insurans takaful berkelompok atau i-BR1M akan digantikan dengan Skim Khairat Kematian. Skim ini akan memberi manfaat kepada waris penerima BR1M dengan bantuan RM1,000 yang akan berkuat kuasa selama setahun. Kerajaan juga bersetuju pemberian bonus sebanyak setengah bulan gaji kepada penjawat awam dengan bayaran minimum RM500. Pemberian bonus ini akan dibayar pada bulan Januari 2015 dan bagi pesara kerajaan pula, bantuan khas diberi sebanyak RM250.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bajet 2015 memberi penekanan kepada aspek *people economy* atau ekonomi rakyat supaya seimbang dengan *capital economy* agar selaras dengan kehendak rakyat. Kerajaan berharap dengan pembentangan Bajet 2015 pada kali ini berserta program dan projek yang dirancang akan dapat direalisasikan dan seterusnya memberi manfaat buat pembangunan negara dan kesejahteraan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dengan itu saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim untuk memulakan.

12.54 tgh.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya berbahas tentang Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Sebanyak RM13.393 bilion telah diperuntukkan bagi Kementerian Dalam Negeri. Saya melihat amaun ini amat *significant* sekali terutamanya ia melibatkan soal keselamatan dalam negeri. Saya menyambut baik penstrukturan semula ESSCOM seperti yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini. Ini dilihat tepat pada waktunya, menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam melindungi rakyat Sabah.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan RCI di Sabah. RCI yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jun 2012 dan ditauliahkan pada 21 September 2012. Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Bekas Hakim Besar Sabah dan Sarawak ini diberi tempoh selama enam bulan untuk menyelesaikan siasatan serta membentangkan laporan dan cadangan kepada Yang di-Pertuan Agong. Ia juga diberi lanjutan sehingga penghujung Mei 2014.

Sehingga hari ini kita masih lagi menunggu keputusan RCI walaupun sudah hampir dua tahun dan saya difahamkan hari ini pukul 3 akan diumumkan di Sabah, *insya-Allah*. Saya ada sebab mengapa saya ingin membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara juga tidak dapat membuat sebarang pengesahan terhadap status kewarganegaraan mereka ini. Bukan sahaja pemegang kad pengenalan Sabah ini sahaja yang terbabit, malah masalah ini berlarutan sehingga ke anak-anak mereka. Saya juga banyak menerima aduan daripada mereka ini bahawa Jabatan Pendaftaran Negara tidak dapat membuat pengesahan status kewarganegaraan anak-anak mereka hanya kerana isu kewarganegaraan bapa mereka masih di RCI. Di antara anak-anak ini walaupun lahir di Tanah Melayu dan mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM, namun tidak dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah bantuan kerajaan. Ini adalah kerana anak-anak ini gagal mendapat kad pengenalan dan mereka ini dikira sebagai warganegara asing walaupun selama ini mereka mendapat segala kemudahan sebagai warganegara Malaysia.

Saya merasakan ini merupakan suatu yang amat tidak wajar sekali untuk menghukum anak-anak ini hanya kerana status kewarganegaraan ibu bapanya malah ada di antara pemegang kad pengenalan Sabah ini pernah mengundi dalam empat pilihan raya umum. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada kerajaan agar dapat mengumumkan kepada umum berkenaan hasil siasatan dan cadangan oleh suruhanjaya ini dan mempercepatkan untuk membawa apa-apa keputusan itu kepada rakyat dan juga menyelesaikan masalah ini, tak panjang lagilah pasal apa kita tahu yang siasatan dah habis dah setahun dulu ini.

Tuan Yang di-Pertua, status bangsa masyarakat India Muslim sering kali menimbulkan banyak kekeliruan. Ada yang dikategorikan sebagai Melayu manakala ada yang juga dikategorikan sebagai India. Malah selepas 57 tahun merdeka masih ada masyarakat India Muslim yang menggunakan Anak Lelaki (A/L) dan Anak Perempuan (A/P) dalam kad pengenalan mereka. Ini secara tidak langsung menimbulkan banyak masalah terutamanya dalam perangkaan. Sehingga hari ini, kerajaan tidak dapat menyatakan dengan tepat bilangan masyarakat India Muslim di negara kita walaupun mengikut perangkaan, bilangan masyarakat India-Muslim hanya sekitar 74,000 orang, angka ini amat diragui.

Bagi penyelesaian jangka panjang dalam mendapatkan perangkaan sebenar, maka saya mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara agar dapat menyelaraskan status bangsa kepada India-Muslim dalam sijil lahir. Sesungguhnya kita tentunya tidak mahu kehilangan identiti sebagai bangsa India-Muslim di bumi Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membawa ke perhatian Dewan ini berkenaan dengan status bumiputera bagi masyarakat India-Muslim seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Walaupun Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada waktu itu pada tahun 2012 telah

memberi jawapan bertulis mengenai takrif bumiputera seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, kita masih lagi menanti melaksanakannya di peringkat pentadbiran di semua agensi kerajaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah mengumumkan bahawa kaum India Muslim ini adalah rumpun Melayu yang melayakkan kaum India Muslim ini diiktiraf sebagai bumiputera. Saya faham bahawa status tersebut bukan bersifat *blanket approval*, dengan izin, untuk semua masyarakat India Muslim dan hanya berdasarkan *case-to-case basis*. Walaupun begitu, masih ada masyarakat India Muslim yang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari, Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang ya. Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang, petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

2.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Kepada Ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya ada ramai sudah menghantar nama, saya harap semua kalau boleh hantar nama dan kita ada enam hari untuk membahaskan, empat hari seterusnya pihak kementerian akan menjawab.

Saya minta Yang Berhormat tolong hantar nama kalau hendak berucap terutama sekali Ahli Yang Berhormat yang baru inilah. Jangan takutlah, sila mulakan dan juga sesiapa sahaja selepas, sungguhpun sudah berucap, jangan tinggalkan Dewan. So, saya hendak beritahu awal-awal. Kalau sudah berucap tinggalkan Dewan, kosonglah Dewan. Saya tidak mahu begitu kerana soalnya yang penting sekali kita sama-sama menghayati ucapan dasar dari segi bajet ini yang saya percaya boleh mendatangkan manfaat juga kepada setiap Ahli-ahli Dewan.

Saya harap semua Ahli Yang Berhormat ambil perhatian dan jangan tinggalkan Dewan tanpa keizinan saya. Kalau sekiranya hendak keluar pergi mesyuarat kah, apa-apakah, tumpukan sepenuhnya kepada tugas di Dewan ini kerana pelantikan Yang Berhormat semua satu penghormatan dan saya harap untuk berbakti kepada masyarakat dan Malaysia. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim menyambung.

2.34 ptg.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun begitu, masih ada masyarakat India Muslim yang layak diiktiraf sebagai bumiputera dinafikan hak mereka oleh sesetengah agensi kerajaan terutamanya dari segi pendidikan dan pembelian rumah. Saya menerima banyak aduan daripada masyarakat India Muslim yang menghadapi masalah apabila berurusan dengan

agensi kerajaan. Apabila ditanya, pegawai agensi atau kementerian itu menyatakan mereka tidak mendapat sebarang pekeliling dari Jabatan Perdana Menteri. Ada masanya saya sendiri keliru apakah jawapan yang diberi di Parlimen ini hanya jawapan setakat Parlimen sahaja tanpa sebarang tindakan susulan ke peringkat kementerian dan jabatan kerajaan.

Oleh itu, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam memastikan kakitangan awam di peringkat pentadbiran, peringkat pertengahan dan bawahan telah menerima arahan yang sewajarnya berkenaan dengan pengiktirafan kerajaan berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Besar harapan saya untuk melihat implementasi ke atas jawapan-jawapan yang diberi oleh kementerian melalui Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga berharap inilah kali terakhir saya bawa berkenaan masalah status bumiputera bagi kaum India Muslim yang memenuhi kriteria seperti mana yang terkandung dalam perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM4.6 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia dalam perbelanjaan tahun 2015. Baru-baru ini kenyataan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan berkenaan operasi JPJ bagi nombor plat, lampu HD dan cermin gelap telah menjadi bahan lawak di laman sosial terutamanya apabila beliau mengatakan bahawa KPI bagi JPJ yang hanya mahu 5,000 orang sahaja yang mati menjelang tahun 2020. Perkara ini telah mengundang campur tangan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menangguhkan operasi JPJ ini.

Di masa hadapan, pihak kementerian harus memastikan bahawa pegawai atasan tidak sepatutnya mengeluarkan sebarang kenyataan yang sensitif kepada norma masyarakat kita. Saya percaya, operasi seperti ini tidak mampu memberi satu kesan yang besar dalam mengurangkan kemalangan jalan raya.

Kerajaan melalui MIROS, JKR atau mana-mana agensi kerajaan harus membuat satu kajian yang terperinci bagaimana untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Kita juga harus mencari satu mekanisme terbaik dalam usaha mendidik para pengguna jalan raya. Ada sesetengah negara lain tidak menetapkan sebarang had laju di lebuhraya tetapi kadar kemalangan di negara tersebut jauh lebih rendah di negara kita.

Sejak kebelakangan ini, kita dapat lihat satu peningkatan yang agak ketara dalam kemalangan maut yang melibatkan motor berkuasa besar atau *superbike*. Saya sendiri pernah melihat mereka ini yang menunggang secara berkumpulan dengan begitu laju sekali. Ini tidak terhad kepada penunggang motosikal kuasa besar malah motosikal biasa pun tidak kurang lajunya. Kadangkala cara mereka menunggang bukan sahaja membahayakan diri mereka malah pengguna jalan raya yang lain juga terdedah kepada ancaman.

Saya menyambut baik langkah sesetengah pemegang konsesi lebuhraya yang menyediakan lorong khusus bagi penunggang motosikal seperti di Lebuhraya KESAS dan Lebuhraya Persekutuan. Saya masih ingat pada tahun 90-an, kerajaan juga ada menyediakan lorong motosikal di Pusat Bandar Kuala Lumpur. Ini secara tidak langsung dapat memberi perlindungan kepada penunggang motosikal pada masa yang sama mengurangkan ancaman kepada pengguna jalan raya yang lain.

Kita perlu terima hakikat bahawa peningkatan kemalangan maut melibatkan penunggang motosikal adalah disebabkan oleh sikap mereka sendiri. Ada masanya kita sendiri takut untuk memandu apabila melihat sikap segelintir penunggang motosikal ini. Mereka bebas melanggar lampu merah, memandu dengan kelajuan yang tinggi, memandu dengan cuai semasa kesesakan jalan raya sehingga melanggar cermin sisi kenderaan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tadi motosikal yang berkuasa tinggi, laju dan berkumpul tetapi Yang Berhormat kena ingat, bukan semua orang macam itu, segelintir sahaja.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Ya, segelintir.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Saya ingat Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Biar dengar dahulu, selepas itu baru bangun balik. Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang Berhormat jangan kata semua, segelintir sahaja. Saya minta Yang Berhormat untuk tarik balik sedikit, tarik balik.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Memang betul segelintir. Itu yang saya katakan bukan sahaja kuasa besar, kuasa kecil pun ada juga. Bila kita gunakan lebuh raya, kereta ataupun bas ataupun lori, memang kita bayar tol tetapi mereka ini dikecualikan daripada tol. Akan tetapi mereka menguasai lebuh raya. So, ini yang saya hendak katakan di sini.

Keduanya, kita ada letakkan AES di situ. Ini semata-mata untuk kereta, lori dan bas sahaja. Motosikal walaupun laju memang dia tidak kena itu.

■1440

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang Berhormat, Yang Berhormat silap itu. AES kena pada motor. Saya ada lapan AES motor, kena.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Mungkin dia tajam ambil gambar. Akan tetapi apa yang saya dapat lihat dari Jabatan Keselamatan, memang dikatakan sukar untuk mereka tangkap motosikal sebab dia laju.

Dalam pada itu juga, agak penting bagi kerajaan menaik taraf mutu perkhidmatan pengangkutan awam negara. Baru-baru ini saya telah mengunjungi London bagi menghadiri satu persidangan antarabangsa. Semasa di kota London, saya lebih selesa bergerak menggunakan pengangkutan awam seperti sistem kereta api bawah tanah yang dipanggil *tube*. Apa yang membuatkan saya terpegun melihat sistem kereta api mereka adalah tempat menunggu bagi *tube* di setiap stesen tidak melebihi tiga minit. Sistem yang efisien inilah yang membuatkan masyarakat di kota London untuk terus menggunakan pengangkutan awam. Saya percaya jika kita dapat meningkatkan mutu perkhidmatan bagi komuter dan perkhidmatan LRT, maka lebih ramai pengguna jalan raya akan menggunakan pengangkutan awam ini. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan kesesakan jalan raya, pada masa yang sama mengurangkan kemalangan.

Kerajaan juga perlu mengambil langkah-langkah proaktif dalam mempromosikan pengangkutan awam negara sebagai pengangkutan alternatif melalui lebih banyak kempen kesedaran. Ada pihak

yang beranggapan kesesakan jalan raya di ibu kota dapat dikurangkan apabila MRT mula beroperasi. Akan tetapi pelaburan kerajaan ini akan menjadi sia-sia jika tiada kesedaran di kalangan rakyat di ibu kota untuk menggunakan pengangkutan awam. Sebelum ini juga kerajaan pernah melaksanakan kempen *car pool* di kalangan pengguna jalan raya di Kuala Lumpur bagi mengurangkan bilangan kenderaan masuk dan keluar.

Akan tetapi, apakah status kempen ini sekarang? Apakah langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil bagi kempen *car pool* ini bagi mengurangkan kesesakan jalan raya di waktu puncak. Saya berpendapat sudah tiba masanya kita mendidik rakyat Malaysia untuk mematuhi undang-undang jalan raya.

Ini tidak terbatas bagi pemandu kereta dan penunggang motosikal, malah bagi pejalan kaki juga. Apabila kita berkunjung ke luar negara, kita boleh pula mematuhi undang-undang tetapi tidak di negeri sendiri. Saya bagi contoh di Lebu Ampang. Kesesakan di situ berpunca dari dua perkara. Satu akibat dari pejalan kaki yang melintas sesuka hati tanpa mematuhi lampu isyarat dan kedua akibat sikap pengguna jalan raya yang meletakkan kenderaan sesuka hati di bahu jalan walaupun ia bukan tempat letak kereta.

Ada yang berpendapat penguatkuasaan melalui hukuman seperti mengeluarkan saman dapat mendidik pengguna jalan raya, tetapi kesedaran ini tidak kekal lama di kalangan pengguna jalan raya. Kerajaan harus mencari jalan penyelesaian jangka panjang untuk memastikan rakyat kita akan menjadi pengguna jalan raya yang berhemah. Kita mahu rakyat kita menjadi satu masyarakat yang berdisiplin di jalan raya sebagaimana negara maju yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kebergantungan pelbagai sektor dalam menggaji pekerja asing telah menyebabkan negara kita dibanjiri oleh pekerja asing dari pelbagai negara. Ini termasuk sama ada yang masuk secara sah atau masuk secara haram. Baru-baru ini juga akhbar arus perdana melaporkan di muka hadapan bagaimana Cameron Highlands dimonopoli oleh pekerja *Bangladeshi* sama ada sebagai pekerja mahupun sebagai pengusaha kebun sayur berskala tinggi.

Walaupun pada awalnya kita hanya mengambil mereka sebagai pekerja, tetapi pada hari ini kita dapat lihat ramai di antara mereka sudah menjadi seorang peniaga. Buktinya, dapat kita lihat kebanjiran peniaga warga asing di Jalan Silang, Jalan Bukit Bintang, Jalan Petaling, Chow Kit dan Jalan Masjid India di ibu negara. Ini tidak terhad di Kuala Lumpur sahaja, malah di semua bandar-bandar besar. Kalau dahulu kita dapat lihat warga Pakistan menjual karpit naik motor, tetapi pada hari ini mereka sudah mampu membuka premis perniagaan di kawasan segi tiga emas di Kuala Lumpur.

Mereka ini jelas menjadi satu ancaman besar kepada peniaga kita, terutamanya peniaga kecil dan sederhana. Jika kerajaan gagal mengambil tindakan bagi mengekang kewujudan peniaga asing ini, saya bimbang ia boleh menyebabkan peniaga kita menggulung tikar. Peniaga asing ini juga sering menggaji pendatang asing tanpa izin untuk bekerja di premis mereka. Tindakan mereka ini seolah-olah mencabar kredibiliti agensi penguatkuasaan. Selain daripada ancaman kepada peniaga tempatan, kebanjiran warga asing juga menyumbang kepada pelbagai masalah sosial di kalangan masyarakat.

Di antaranya, anak gadis kita yang terpedaya dengan janji manis mereka ini yang menyebabkan mereka gantung tidak bertali selepas berkahwin apabila mereka pulang ke negara asal. Ada sesetengah pula berkahwin hanya untuk mendapatkan taraf penduduk tetap di negara ini. Selain daripada masalah sosial, kita juga bakal terdedah kepada peningkatan pengubahan wang haram kerana kadar mata wang kita ke luar negara agak tinggi. Ada sebilangan mereka menggunakan ejen-ejen haram untuk menghantar wang ke negara asal. Ini secara tidak langsung boleh menyebabkan negara kehilangan sumber pendapatan.

Oleh itu, sudah tiba masanya untuk semua agensi kerajaan terbabit bertindak dengan kadar segera bagi menangani isu ini sebelum perkara-perkara di luar kawalan kita berlaku. Seperti mana kerajaan mengawal perairan Sabah melalui ESSCOM, kerajaan juga harus mengawal perairan Semenanjung Malaysia. Ini adalah kerana bukan mudah untuk pendatang asing tanpa izin memasuki negara melalui jalan udara dan pintu sempadan negara kerana kawalan ketat agensi penguatkuasaan kerajaan. Mohon pihak Kementerian Dalam Negeri dapat memberikan perincian berkenaan dengan bilangan PATI yang diputihkan melalui program 6P. Saya juga ingin tahu, apakah langkah-langkah kerajaan dalam menangani kemasukan pati ke negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, masalah tempat letak kereta merupakan satu masalah utama di Kuala Lumpur dan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. Sebagai contoh, mereka yang ingin berurusan di agensi kerajaan di Putrajaya sering merungut berkenaan dengan masalah kekurangan tempat letak kereta. Malah boleh dikatakan tiada tempat letak kereta disediakan untuk pelawat kerana tempat letak kereta dalam bangunan hanya dikhususkan untuk kakitangan sahaja.

Ada kalanya mereka perlu meletakkan kenderaan di bahu jalan dan perlu berjalan jauh ke premis kerajaan untuk urusan mereka. Ini bukan sahaja terhad di Putrajaya, malah ia juga merupakan masalah masyarakat di ibu kota Kuala Lumpur yang berkunjung ke premis-premis agensi kerajaan. Ada masanya ia sangat merumitkan terutamanya bagi warga emas dan orang kurang upaya untuk berurusan di agensi kerajaan.

Kini sudah tiba masanya untuk Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mencari satu alternatif dalam menyediakan lebih banyak ruang letak kereta bagi pengunjung di agensi kerajaan terutamanya di Putrajaya. Ini akan memudahkan masyarakat kita untuk berurusan dengan lebih selesa di agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada SPRM kerana berjaya membawa banyak jerung ke muka pengadilan. Ini membuktikan bahawa integriti SPRM sebagai sebuah badan bebas serta tiada siapa yang terlepas daripada dikenakan tindakan undang-undang. Rakyat Malaysia juga mengharapkan pihak SPRM dapat mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap ketirisan yang berlaku dalam agensi kerajaan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini. Ini akan membuktikan keseriusan kerajaan dalam menangani gejala rasuah di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM2.247 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Setiap kali bajet, kerajaan tidak pernah lupa atas

keperluan golongan yang memerlukan seperti ibu tunggal, fakir miskin dan warga emas. Banyak insentif diumumkan oleh kerajaan dalam usaha membela nasib golongan ini, tetapi kita dapat lihat bilangan penerima bantuan ini meningkat setiap tahun. Saya faham bahawa kerajaan sentiasa proaktif dalam menyediakan infrastruktur bagi meningkatkan sosioekonomi golongan ini dalam jangka panjang. Walaupun banyak insentif...

■1450

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Tidak, dekat hendak habis sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey cuba ringkaskan, sudah lama sudah itu.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: *Give me five minutes.*

Walaupun banyak insentif diberi melalui agensi kerajaan, golongan yang menerima ini terus menerima dan kita juga menerima permohonan tambahan daripada pemohon baru. Sebagai kerajaan, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membantu golongan ini, tetapi adalah sebilangan penerima menggunakan alasan bantuan kerajaan ini untuk tidak berusaha untuk memajukan taraf sosioekonomi mereka.

Mereka sentiasa mengharapkan kerajaan untuk sentiasa menghulurkan bantuan berterusan kepada mereka. Kalau kita bagi bantuan berterusan untuk warga emas kita faham, tetapi bagaimana pula bagi golongan ibu tunggal dan fakir miskin. Bila kita hendak bawa mereka keluar dari kepompong tersebut. Sudah tiba masa untuk kerajaan untuk mengkaji semula pemberian bantuan jangka panjang ini.

Saya tidak mempersoalkan pemberian bantuan tersebut. Apa yang menjadi persoalan saya sampai bila kita akan terus memberi dan bila mereka akan berdikari untuk membina satu kehidupan yang sempurna. Kerajaan harus memastikan semua penerima bantuan ini diberi bantuan khidmat nasihat berkenaan dengan peluang-peluang meningkatkan pendapatan keluarga mereka untuk jangka pendek dan panjang.

Keluarga ini juga harus sedar bahawa slogan kemiskinan bukan untuk diwarisi. Ini bukan setakat slogan, kita buktikan bahawa kerajaan benar-benar serius dalam membawa golongan ini ke satu tahap yang lebih tinggi. Mohon pihak kementerian dapat memberikan satu statistik terperinci berkenaan bilangan penerima bantuan MyKad sejak ia dilancarkan mengikut pecahan kaum dan negeri. Juga sertakan berapa ramai penerima ulangan serta penerima baru.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperuntukkan sebanyak RM4.571 bilion dalam bajet kali ini. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana prihatin terhadap keperluan perumahan belia di bandar raya. Sesungguhnya pengumuman Yang Amat Berhormat berkenaan, Skim Perumahan Belia yang dijalankan secara perkongsian pintar di antara kerajaan, BSN dan KWSP amat dialu-alukan dan tepat pada waktunya. Birokrasi yang dikenakan terhadap pembeli bumiputera ini amat ketara. Kita dapat lihat yang banyak yang mohon tetapi mereka tidak dapat, tetapi mereka tidak boleh merealisasikan

peruntukan-peruntukan yang diagihkan daripada kerajaan ini kerana tidak sampai ke sasaran yang ada kerana masalah birokrasi ini.

Sampai satu masa pemaju akan membuka penjualan unit bumiputera kepada bukan bumiputera dengan alasan tiada pembeli, tetapi yang berlaku adalah di sebaliknya. Oleh itu pihak kementerian harus mengambil satu langkah drastik dalam melindungi hak pembeli rumah ini. Kita tidak mahu ada pihak yang mengambil kesempatan dengan mengelirukan para pengguna.

Saya mohon agar pihak kementerian dapat menyatakan apakah tindakan kementerian terhadap pihak pemaju yang mengeluarkan iklan tanpa pameran harga unit? Dalam pada itu juga apakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan satu skim kawalan harga bagi produk hartanah yang meliputi rumah kediaman, rumah pangsa dan kondominium serta premis perniagaan. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong Bajet 2015 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

2.54 ptg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Bajet 2015. Kita difahamkan bahawa tema untuk bajet tahun ini ialah ekonomi rakyat dan peruntukan bajet 2015 ialah RM273.9 bilion iaitu RM9.8 bilion lebih dari tahun yang lepas. Akan tetapi yang jadi masalah sekarang ialah bolehkah bajet yang dibentangkan dapat dicapai sasarannya, memandangkan harga minyak kian merosot dan punca kewangan kerajaan sekarang pun sudah jadi satu tanda tanya. Akan tetapi itu harus dibahaskan, yang saya hendak sentuh di sini beberapa perkara yang saya rasa pentinglah. Soal ini boleh dibincangkan oleh yang lain-lain yang pakar dalam soal hendak menyesuaikan bajet.

Saya ingin hendak bermula dengan pendidikan. Di sini ada beberapa perkara yang pentinglah, yang saya hendak tanya di sini apa sebabnya kerajaan tidak membatalkan lesen *Alliance University College of Medicine*. Sebaik sahaja diketahui bahawa kolej perubatan ini sedang menghadapi kesulitan kewangan yang kritikal. Ini satu tanda tanyalah yang timbul di fikiran saya. Oleh kerana kolej ini terpaksa tutup, maka kerajaan terpaksa bertanggung masalah, cari tempat bagi kolej-kolej ini. Ini bermakna kos kerajaan meningkat, satu kos yang tidak dijangka. Adakah benar bahawa pengelola kolej ini iaitu Datuk Dr. Zainuddin Md. Wazir telah lari ke UK kerana beliau ada harta di sana? Macam mana perkara macam ini boleh berlaku?

Oleh sebab itu saya ingin bertanyalah sebelum lesen diberi kepada seorang pemohon untuk buka sebuah kolej atau universiti swasta, adakah kerajaan menjalankan siasatan terhadap si pemohon? Adakah kerajaan telah kaji kemampuannya dari segi kewangan untuk buka dan mengurus sebuah kolej atau kolej universiti? Ini kerana jika kolej itu gulung tikar masalah ini akan ditanggung oleh kerajaan. Kadangkala kos itu kena dibayar daripada duit rakyat melalui kerajaan.

Di samping itu saya juga difahamkan bahawa satu lagi kolej di Pulau Pinang iaitu Kolej Pulau Pinang di Balik Pulau sedang menghadapi masalah kewangan juga dan ada kemungkinan akan gulung

tikar. Saya juga difahamkan bahawa adalah perbincangan yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM), ada kemungkinan bahawa USM akan ambil alih kolej ini. Adakah ini benar atau tidak?

Akan tetapi memang saya diberitahu bahawa perbincangan ini telah diadakan di Senat Universiti Sains Malaysia. Maka keterangan amat diperlukan oleh kerajaan tentang status Kolej Pulau Pinang di Balik Pulau. Itu sebabnya kita harus bertanyalah berapa banyak lagi kolej-kolej ataupun universiti-universiti sedang menghadapi masalah yang sama. Sehingga sekarang sudah ada 22 institut pengajian tinggi swasta (IPTS) bertaraf kolej universiti atau beroperasi. Adakah kedudukan IPTS ini kukuh atau tidak dari segi kewangan?

Di samping itu kita difahamkan bahawa ada 29 institut pengajian tinggi swasta (IPTS) bertaraf universiti, maka ekoran daripada ini ialah apakah kedudukan Universiti Albukhary? Adakah Universiti Albukhary telah berfungsi semula dan berapa ramai pelajarinya? Kita juga difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan juga telah membuat kelulusan kepada penubuhan *Asian Women's Leadership University* di Balik Pulau, Pulau Pinang. Bilakah universiti ini akan beroperasi dan siapakah akan mengendalikan universiti ini? Adakah Kerajaan Pusat terlibat dalam kos penubuhan universiti?

Saya difahamkan bahawa soal tanah, masalah tanah yang harus diperoleh untuk mendirikan universiti ini masih tidak dapat selesai dan di manalah tanah itu akan didapati. Ini kerana tanah-tanah di Balik Pulau ini sebenarnya kebanyakan daripada tanah itu kepunyaan orang Melayu. Kalau diambil begitu juga macam mana kedudukan orang Melayu di Balik Pulau.

Itu sebabnyalah jika kerajaan hendak setuju mendirikan universiti-universiti, kolej-kolej, adakah satu badan yang memantau universiti-universiti dan kolej-kolej ini supaya dapat didirikan dengan sempurna dan tidak menimbulkan masalah pada suatu masa yang akan datang. Di samping itu ada beberapa kes yang saya hendak bincang di sini, kes tentang penyelewengan dan salah guna wang yang didapati dalam beberapa universiti, tetapi saya hendak pilih hanya satu kes.

■1500

Kes yang menonjol baru-baru ini ialah kes kapal *RV Discovery*. Sebuah kapal yang dipesan oleh Universiti Malaysia Terengganu beberapa tahun yang lalu. Kapal ini kononnya digunakan untuk kajian laut. Kos membina kapal ini pada mulanya ialah RM11.9 juta tetapi pada akhirnya memakan kos sebanyak RM14.39 juta. Sampai sekarang kapal ini masih tidak digunakan. Saya difahamkan kapal ini telah ubah, dari *research vessel* telah menjadi sebuah kapal penumpang. Benar atau tidak?

Maka, siapa yang bertanggungjawab atas perkara ini? Oleh sebab itu, saya hendak tanya, adakah Kementerian Pendidikan mempunyai suatu mekanisme untuk memantau macam mana wang rakyat digunakan atau diperuntukkan untuk sesuatu projek yang diluluskan oleh sesuatu universiti? Apakah projek itu dilaksanakan secara telus dan ikhlas? Banyak lagi kes yang saya sedang siasat dan saya akan kemukakan ke dalam Dewan yang mulia ini.

Sekarang saya hendak beralih kepada soal keselamatan. Dalam soal keselamatan, saya mendapati bahawa PDRM diberi wang peruntukan sebanyak RM8.87 juta. Saya tidak mahu mempertikaikan jumlah wang yang diperuntukkan. Akan tetapi ada isu-isu penting tentang keselamatan negara yang harus di bincang dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara pertama yang harus disentuh dan bagi saya yang penting kerana saya wakil daripada Pulau Pinang ialah kes-kes pembunuhan di Pulau Pinang. Dari bulan Januari 2014 sehingga bulan ini, seramai 46 kes pembunuhan didapati di Pulau Pinang. Kita difahamkan bahawa kononnya majoriti mangsa ialah orang asing. Mereka dibunuh secara kejam. Leher mereka dikerat, macam hendak sembelih ayam. Baru-baru ini, dua hingga tiga hari yang lalu, dua wanita dibunuh dan mereka dikerat, kepala mereka dipancung, kaki mereka dibuang di sesuatu tempat dan kaki dibuang di tempat yang lain. Identiti mereka sampai ke hari ini tidak diketahui. Maka saya hendak tanya, apa sebabnya PDRM tidak dapat menyelesaikan kes-kes pembunuhan ini dan kenapa begitu lama hendak kesan siapa si pembunuh itu?

Adakah Pulau Pinang sekarang dilanda oleh seorang pembunuh bersiri atau, dengan izin, a *serial killer*? Sekarang kalau hendak keluar berjalan, di Pulau Pinang pada waktu malam pun rasa cemas, rasa takut. Apakah sebabnya PDRM mengambil masa yang begitu lama untuk menyelesaikan kes-kes pembunuhan yang ada di sini? Adakah wang peruntukkan untuk PDRM tidak cukup untuk melengkapkan polis kita dengan alat-alat canggih yang boleh membantu mereka menyiasat kes-kes jenayah seperti pembunuhan kejam ini dengan lebih berkesan? Atau polis kita menghadapi masalah kerana kurang latihan yang cukup untuk membolehkan mereka menjalankan tugas mereka dengan elok ataupun tidak cukup kakitangan untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh tanya sedikit. Barangkali seakan-akan saya hendak bergurau tetapi tidak. Akan tetapi pelbagai malapetaka yang menimpa Pulau Pinang Yang Berhormat sebut itu, adakah ini kaitannya dengan tulah kerajaan yang sedang berkuasa di sana?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: [*Ketawa*] Yang itu jawapannya tidak payah saya hendak bagi. Ini bukan satu perkara yang kita hendak bergurau kerana kalau hendak keluar-keluar malam berjalan, *they are very frightened*, dengan izin. Takut hendak pergi kerana keselamatan mereka tidak terjamin.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Tekan *microphone* Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Dalam pemerintahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ini, perkara itu tidak pernah ditimbulkan, seserius seperti Yang Berhormat timbulkan sekarang. Jadi itu yang saya katakan, kalau-kalau umpamanya ada kaitannya dengan cara pemerintahan yang orang tak senang. Jadi itu yang saya katakan, kalau sekiranya, ini dengan istilah Melayu, kalau ada tularnya pemerintahan sekarang yang menyebabkan keadaan tidak aman. Ini adalah masalah keselamatan orang ramai.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Baik, setahu saya, menurut apa yang telah disampaikan oleh polis, kebanyakan daripada orang yang dibunuh ini terdiri daripada orang Myanmar. Pembunuhan ini diakibatkan oleh kononnya konflik yang sedang berlaku di Myanmar. Akan tetapi yang ini masih belum dibuktikan tetapi ini yang disampaikan. Saya tidak begitu senang dengan jawapan ini kerana bukan semua yang dibunuh itu warga Myanmar. Ada juga warganegara ini yang dibunuh. Pembunuh itu yang mereka kononnya sudah ditangkap, walaupun orang Myanmar, dia hanya mengaku membunuh tidak

lebih daripada 10 orang. Akan tetapi yang dibunuh sekarang hampir 46 orang. Berapa ramai pembunuh yang sedang berkeliaran di Pulau Pinang?

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak tanya pada Yang Berhormat. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat, kalau kes pembunuhan-pembunuhan yang macam ini, saya rasa di seluruh Malaysia, bukan kerana Myanmar atau apa, saya rasa kerana EO itu ditarik balik. Sekarang ini memang jenayah berleluasa sebab hendak tahan di bawah EO sudah tidak boleh. Polis darurat. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat dengan saya?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Saya memang tidak setuju dengan *Emergency Ordinance* itu, dengan izin. Memang saya tidak setuju kerana saya dapati kalau polis buat kawalan mereka dengan lebih berkesan dan lebih efektif, mungkin dapat menyekat kes-kes pembunuhan ini. Kadangkala hendak tengok polis di Pulau Pinang, bukan main susah, macam sudah jadi satu binatang yang pupus? *That is our problem.*

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Minta laluan. Yang Berhormat, adakah maksud ayat Yang Berhormat itu, Yang Berhormat meletakkan segala kesalahan atas apa yang berlaku hari ini atas kealpaan dan kesilapan pasukan polis?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Saya tidak salahkan polis, saya fikir polis memang kerja. Akan tetapi bagi saya tidak cukup kakitangan polis di Pulau Pinang. Itu salah satu sebabnya, saya memang tidak bersetuju PPS itu dibubarkan ialah soal keselamatan di Pulau Pinang. Sebaik sahaja PPS itu dibubarkan, pembunuhan ini meningkat. Ini yang menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh tak Yang Berhormat pergi ke poin yang lain kerana kes ini saya rasa dalam siasatan polis yang begitu rapi. Belum selesai lagi. Penyiasatan perlu dibuat. Jangan buang masa. Beri masa poin yang lain.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Selain daripada kes pembunuhan ini, ancaman yang lain ialah soal kad pengenalan palsu, passport palsu. Sekarang lebih elok lagi, wang palsu Malaysia yang sudah dikesan dan didapati di negara ini. Isu ini saya timbulkan dalam Dewan yang mulia ini pada masa dahulu tetapi malangnya saya tidak dapat suatu jawapan yang memuaskan. Bagi saya, begitu banyak passport palsu, kad pengenalan palsu dan duit palsu yang didapati sekarang, ini semua berpunca daripada sindiket-sindiket yang didapati di negara ini ataupun di luar negeri.

Mungkin aktiviti mereka ataupun mereka masih belum dikesan. Akan tetapi kalau kita sudah hilang lebih daripada ratus-ratus ribu IC yang didapati sekarang adalah palsu, mesti ada sindiket yang mengedarkan ini. Saya harap perkara ini tidak dipandang ringan kerana jika kita tidak bertindak terhadap pemalsuan kad pengenalan, passport dan wang ringgit negara ini, kita akan menghadapi masalah yang besar tidak lama lagi.

Walaupun di dalam bajet negara, jumlah wang yang diberi telah meningkat dan kita mendapati banyakkah kementerian-kementerian diberi wang tambahan. Akan tetapi satu masalah serius yang harus kita atasi ialah ketirisan kewangan. Ini masih didapati. Jika kita rujuk kepada laporan audit, kita

mendapati bahawa Kementerian Pertahanan misalnya telah membayar RM21 juta kepada pesara tentera yang meninggal dunia, antara tahun 2011 sehingga tahun 2013.

■1510

Perkara ini sebenarnya dengan izin, *should not have happened* tetapi telah terjadi. Dalam program BR1M, kita difahamkan bahawa kerajaan telah bayar RM490 juta lebih, ini banyak duit, hampir RM4.6 bilion. Ini satu perkara yang tidak boleh dipandang ringan. Ini merupakan satu pembaziran. Harap bahawa kesilapan ini tidak diulangi. Kalau kita rujuk kepada Kementerian Kesihatan...

Dato' Lim Nget Yoon: Minta laluan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf dulu.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat ingin mengatakan bahawa pemberian BR1M kepada 40% rakyat yang berpendapatan rendah itu sebagai satu pembaziran walhal yang ramai menerima BR1M adalah penyokong-penyokong dan juga pemimpin-pemimpin parti daripada Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Saya tidak menganggap itu sebagai satu pembaziran, *it's not a waste* tetapi yang saya pertikai ialah ada yang tidak berhak diberi, mereka dapat. Ini yang jadi masalah. Kalau soal hendak pilih, hendak bagi kepada penyokong kerajaan dan pembangkang tidak payah hendak diberi, lebih elok beri pilihan kepada mereka yang sokong pembangkang, jangan bayar cukai, senang juga, itu adillah.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Minta laluan boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Silakan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Apa bukti Yang Berhormat mengatakan bahawa pemberian BR1M ini kepada orang yang tidak layak. Bukankah itu sudah ditapis di peringkat LHDN, Lembaga Hasil Dalam Negeri. Boleh beri contoh? Di Dewan yang mulia ini kita tidak boleh bercakap berasaskan khabar angin ataupun persepsi sahaja, kena ada bukti.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Ini telah disampaikan dalam surat khabar, ada juga *research*. Kalau hendak dia punya *report*, saya boleh serahkan, saya boleh bagi, itu tidak menjadi masalah kepada saya, *it's there*. Baik, satu lagi ketirisan yang harus kita cegah ialah ketirisan yang didapati dalam Kementerian Kesihatan. Misalnya stok ubat-ubatan yang bernilai RM1.21 juta dicuri dari Hospital Umum Kuala Lumpur. Manakala di Pulau Pinang juga, stok ubat-ubatan yang bernilai RM240,000 hilang. Yang memeranjatkan saya seorang pegawai kerajaan di Jabatan Akauntan Negara Kerajaan Malaysia telah menyelipkan wang sebanyak hampir RM1 juta dan tidak diberkas. Maka saya fikir kalau kerajaan hendak jimat wang, hendak menentukan bahawa wang itu tidak disalah guna atau dicuri, mesti bertindak tegas dan heret mereka yang terlibat dalam ketirisan dan kecurian ke mahkamah. Jangan bebaskan mereka tanpa mengambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid.

3.13 ptg.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya meneliti bajet yang bertajuk Ekonomi Keperluan Rakyat dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dan tadi diulas semula oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Pertama, saya hendak mengungkap balik kata-kata Yang Amat Berhormat Dato' Najib selaku Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu daripada perspektif ekonomi, ketika mana meraih kemerdekaan 57 tahun lalu, kita telah membina negara ini berasaskan pertanian. Kemudiannya kita menuju negara perindustrian moden. Selanjutnya kita melalui fasa negara berpendapatan sederhana tinggi. Sekarang ini pula, kita sedang melangkah ke arah ekonomi berasaskan perkhidmatan. Juga disebut pasal Ekonomi Keperluan Rakyat (EKR).

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usaha ini saya suka menekankan sepatutnya kerajaan terus memberikan perhatian utama kepada bidang pertanian. Tidak banyak disentuh soal pertanian dalam bajet kita. Kenapa saya kata begitu? Pertama, rata-rata Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini pun daripada sektor luar bandar. Penduduk negara kita pun lebih daripada separuh tinggal di luar bandar dan bergantung hidup dalam sektor pertanian. Seharusnya nasib mereka dibela. Getah pertanian, kelapa sawit pertanian, bahan-bahan makanan kita setiap hari yang kita perlukan adalah daripada sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, daripada sektor pertanian ini juga sebenarnya kita boleh mewujudkan banyak peluang yang kemudiannya boleh menaik taraf pendapatan para petani kita. Seharusnya kita ada satu pendekatan yang inklusif seperti yang disebut oleh Perdana Menteri mengenai sektor pertanian ini. Saya ambil satu contoh, katalah industri makanan ringan. Sekarang ini apa yang berlaku di negara kita ialah siapa yang minat tanamlah misalnya ubi dan pisang sendiri, kemudian buat kerepek dari segi pemasaran akhirnya katalah di Pekan Rabu Alor Setar.

Tidakkah boleh kita pergi jauh daripada itu? Tentunya boleh, misalnya apa yang telah dilakukan oleh sekumpulan orang di Pekan Ayer Hitam Johor iaitu mereka kelompokkan satu kumpulan menanam sahaja. Dari segi pengeluaran, sentiasa ada, ubi, keladi, pisang, labu dan pelbagai. Satu kelompok lagi memproses mengikut keperluan dan kehendak pasaran. Satu kumpulan lagi buat *packing* dengan *branding* sekali dan ada lagi satu kumpulan yang memasarkan sampai peringkat antarabangsa, dieksport ke Singapura, ke Brunei dan lain-lain. Bila saya sebut perkara ini, tidak bolehkah usaha ini diperbesarkan ke seluruh negara dengan kerjasama antara pusat dan kerajaan-kerajaan negeri. Bolehlah akhirnya misalnya kita naik MAS daripada kacang yang kita import daripada China, boleh misalnya kerepek pisang ataupun kerepek ubi *of high quality*, dengan izin.

■1520

Kelapa sawit- kita tahu ramai petani kita yang menceburi bidang ini, akan tetapi dari segi produknya kita sampai kepada tahap minyak masak. Tidak bolehkah dibuat kajian secara teliti dari segi penggunaannya lebih daripada itu?

Saya hendak ceritakan misalnya ada satu tablet namanya *Tokovit* popular sangat di Jerman tetapi adalah daripada pati kelapa sawit dan ia untuk mengimbangi darah tinggi serta kolesterol dan sangat popular sehingga tidak terdapat di pasaran Malaysia.

Getah misalnya kegunaan selama ini yang kita tahu ialah untuk sarung tangan perubatan dan kemudian dicampurkan dengan getah sintetik untuk tayar. Akan tetapi saya rasa kalau melalui penyelidikan yang teliti mesti boleh kita gunakan lebih daripada itu dan kita manfaatkan. Jadi, pertanian ini Tuan Yang di-Pertua pada saya sangat penting sebagaimana yang lain-lain strategi kita di dalam Bajet 2015.

Petani semua sekali bergantung harap kepada kerajaan. Macam *research* tadi sudah tentu mereka tidak boleh buat. Hendak menembusi pasaran antarabangsa misalnya dari segi industri makanan ringan, dia juga tidak mampu. Saya kata mereka golongan yang terbesar dalam negara ini sepatutnya juga kita memberikan tumpuan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Saya tertarik apa Yang Berhormat berkata berhubung dengan pertanian ini. Ada di muka surat 42 penyampaian bajet, Yang Berhormat Perdana Menteri mengatakan empat kawasan pembangunan pertanian bersepadu di Rompin, Batang Lupar, Kota Belud dan Pekan yang akan melibatkan kawasan seluas 25,905 hektar akan dibuat. Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya banyak lagi kawasan di seluruh negara diperluaskan untuk pembangunan pertanian. Itukah makna Yang Berhormat sebab ada dalam bajet ini yang memperuntukkan itu? Terima kasih lah, ini minta pandangan sahaja Yang Berhormat.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, maksud saya diperluaskan kalau boleh meliputi semua negeri-negeri. Kedua Tuan Yang di-Pertua mengenai GST. Pada pandangan saya, kita pun sudah ulas sebelumnya, ia adalah satu langkah baik kerajaan dan sesuatu langkah baik kerajaan yang kalau kita tengok telah pun dilaksanakan hampir seluruh dunia, jangan perlu takut.

Cuma dari segi kerajaan saya hendak tanya kenapa pakai GST? Sedangkan ia bermaksud Cukai Barangan dan Perkhidmatan. Tidak bolehkah kita memperkasakan Bahasa Kebangsaan. Menteri-menteri cakap sedemikian, tetapi cakap tidak serupa bikin. Kalau kita pakai GST juga ada salah takrif tadi, *Government Service Tax*. Kalau kita pakai Cukai Barangan dan Perkhidmatan juga tidak ada masalah kerana ia menumpukan khusus untuk negara ini.

Kita pun ada SSM misalnya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit? Tidak tahu kalau Yang Berhormat, saya setuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat itu. Kalau sekiranya secara konkrit Yang Berhormat mengemukakan itu sebagai satu usulan yang konkrit, tidak tahulah Tuan Yang di-

Pertua sekiranya dapat diubah, kerana kalau umpamanya kerajaan *brave enough*, dengan izin, untuk menukar penggunaan istilah itu demi memartabatkan bahasa Kebangsaan.

Tidak tahu sama ada ini dibuat dalam mesyuarat pada peringkat jawatankuasa atau macam mana, tetapi saya harap supaya Yang Berhormat Dato' Adam mengemukakan ini sebagai usul konkrit. *Insyallah* akan saya ulang dalam ucapan saya nanti hari Isnin nanti. Semoga ini akan mendapat perhatian daripada pihak kerajaan dan semoga pihak-pihak pegawai di belakang itu juga memberi sokongan yang kukuh dalam hal ini. Terima kasih.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya lah saya mengusulkan begitu sebab kalau kita sudah menerima bahawa Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan negara ini, sepatutnya kita melaksanakannya. Bukannya jadi masalah sangat sebab bil itu pun disebut Cukai Barangan dan Perkhidmatan. Cuma disebutnya soal istilah itu sahaja tadi daripada GST kepada CBP. Sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua orang akan terima. Sama juga misalnya dikata ROC jadi SSM atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia, orang terima tidak ada apa masalah.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, demi untuk hendak melonjakkan ekonomi keperluan rakyat, kata Perdana Menteri strategi yang pertama untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi dan dari segi tindakannya memastikan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan *inclusive* dengan terus menggalakkan pelaburan di kawasan-kawasan yang kurang membangun.

Saya sangat tertarik dengan strategi ini, tetapi saya hendak mencadangkan di Dewan yang mulia ini, saya fikir sudah sampai masanya kita menggunakan satu pendekatan baru iaitu menjadikan kawasan rizab Melayu sebagai zon perindustrian. Banyak kawasan macam ini di luar bandar dan di pinggir bandar dan ia memberi banyak manfaat...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Saya belum jelas lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Khairudin bin Samad: Sekejap, sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat simpan dahulu nanti Yang Berhormat ulas dalam masa Yang Berhormat berucap.

Dato' Khairudin bin Samad: Bukan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegur tadi yang bahasa Malaysia ini. Saya rasa terkilan sebab sesi yang lepas saya sudah sebut supaya GST ini ditukar ke dalam bahasa Malaysia, saya sudah sebut. Saya terkilan kerana tidak ada tindakan. Hari ini sahabat saya pula yang sebut. Itu yang saya hendak katakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. So, masa Yang Berhormat terhad Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Kenapa saya mencadangkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua ialah kerana melalui proses sekarang kawasan perindustrian ini kita tidak ambil daripada rizab Melayu.

■1530

Kalau kita zon kan rizab Melayu itu sebagai kawasan perindustrian, satu nilai tanah jadi tinggi, yang kedua mudah kerana sekelilingnya ada keperluan pekerjaan. Buruh memang tinggal di situ, dia tidak payah pergi ke bandar. Jauh, trafik pun kurang. Kawasan itu boleh membangun tetapi saya

mencadangkan supaya siapa-siapa tuan tanah yang terlibat itu jangan dipinggirkan, jadikan tanah dia sebagai aset untuk dia menyertai sama di dalam pembangunan kawasan perindustrian. Mesti boleh dilakukan. Jadi kalau kita boleh buat begitu, kita juga boleh memastikan bahawa kawasan perindustrian ini bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan yang dekat dengan bandar seperti Lembah Klang ini, tetapi juga boleh kita agih-agihkan kepada negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat. Tadi seperti yang Yang Berhormat Timbalan Menteri membacakan soal merencanakan pelaburan awam dan swasta, saya nampak peruntukan semua sekali banyak tertumpu kepada Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Bina Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang RM5.3 bilion, Lebuhraya Damansara-Shah Alam RM4.2 bilion, Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur RM1.6 bilion, Lebuhraya Selayang ke Putrajaya, MRT RM23 bilion, LRT3 esok RM9 bilion lagi. Semuanya akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Projek yang pergi ke luar bandar, Lebuhraya Barat Taiping ke Banting RM5 bilion dan satu lagi fasal menaik taraf landasan kereta api RM150 juta.

Saya tanya pada Dewan yang mulia ini, misalnya lebu raya daripada Kelantan ke Terengganu ke Pahang ke Johor tidak mustahakkah, di mana kita boleh mencambah ekonomi, pembangunan, taraf hidup serta laluan untuk orang ramai, untuk kemajuan negara ini pada masa-masa akan datang. Saya di sini bukan tidak menyokong Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh tetapi saya minta supaya dalam Bajet 2016 esok, ambil kira juga keperluan yang bukan sahaja di bandar tetapi di luar bandar.

Kelima, ini fasal disebut sempena Sambutan Malaysia Year of Festivals 2015. Kerajaan mensasarkan kedatangan pelancong asing seramai 29.4 juta orang dengan jangkaan pendapatan sebanyak RM89 bilion. Saya minta walaupun ada jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dahulu di Dewan yang mulia, tetapi belum juga dilaksanakan sehingga sekarang, pelaksanaan APSS mesti disegerakan. Apa dia APSS? *Advance Passengers Screening System*. Banyak negara maju sudah buat dan kita berhadapan dengan kemasukan pelancong, kita pun tidak mahu orang IS misalnya masuk, *con man* tidak masuk, ekstremis masuk, kita tidak tahu sekarang. Ini untuk keselamatan negara kita. Akan tetapi kalau kita pasang APSS, kita *linkkan* dengan negara-negara yang maju, *insya-Allah* ke mana pun destinasi mereka, dia masuk ke dalam negara Malaysia, kita tahu. Itu sebab saya menekankan perkara ini patut dilaksanakan segera.

Keenam Tuan Yang di-Pertua, ada dua lagi. Saya tidak puas hati jawapan mengenai UDA tadi. Pada saya, UDA sepatutnya diberikan satu peruntukan yang besar dan dengan peruntukan itu UDA jangan majukan tanah-tanah dia sahaja. Apa yang patut UDA buat ialah mana-mana rumah kedai, kuota untuk bumiputera di mana-mana projek perumahan di seluruh negara, UDA beli. Pertama simpan dahulu, perkenalkan satu sistem sewa beli dan kemudian akhirnya dengan sewaan itu dijadikan pendahuluan untuk membeli kedai itu dan diserahkan kepada bumiputera. Jadi saya mengharapkan perkara ini juga dapat dilaksanakan dalam menentukan keseimbangan sosial dan juga ekonomi antara penduduk seluruh negara ini.

Ketujuh Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh soal menyejahterakan rakyat. Kita mulai tahun depan akan bagi RM300 kepada nelayan Zon 'A'. Zon 'B' dan Zon 'C', RM250 satu bulan. Saya setuju tetapi pendekatannya tidak kena. Sudut psikologinya pun tidak kena. Saya berpendapat, hendak

bagi mesti ada syarat supaya ia menjadi insentif untuk dia berubah bukan saja dari segi sikap, tetapi memajukan diri. Kalau misalnya sekarang nelayan kita bagi dia RM300, kita bagi RM250, dia tidak pergi ke laut, apa kita boleh buat.

Apakah tidak boleh misalnya peruntukan itu kita kumpulkan untuk satu tahun, dia kata boleh dapat tetapi awak beli bot lebih besar. Kalau RM300 sebulan, misalnya kata dua tahun, berapa banyak? Kemudian awak tidak dapat itu RM300 tetapi awak dapat bot selama dua tahun. Saya rasa itu lebih baik ataupun misalnya awak boleh dapat ini RM300, tetapi satu bulan tangkapan awak mesti sekian banyak.

Musim tengkujuh itu dikecualikan, kita faham. Jadi ia akan menambah usaha. Bukan sahaja dia bertambah dari segi pendapatan, tangkapan juga akan bertambah dan ekonomi negara juga bertambah baik. Jadi perkara-perkara macam ini Tuan Yang di-Pertua bagi saya, saya minta Kementerian Kewangan supaya memperhalus dan memberi cadangan-cadangan yang lebih konkrit.

■1540

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh soal pemilikan rumah. Saya cakap ikhlas, saya sangat skeptikal dengan projek perumahan PR1MA dan kemudian macam mana rakyat hendak menyambut? Pasal, rumah RM500,000. Pendapatan katalah anak muda, suami isteri bekerja, dua-dua graduan, berapa? Dia mula kerja, paling banyak RM6,000 atau RM7,000. Dengan dia beli kereta, keperluan rumah, sewa rumah lagi pada waktu itu, anak dia sekolah, berapa agak-agak belanja? Anak saya berdua gaji RM6,000, habis bulan, habis duit. Macam mana dia mampu hendak beli rumah RM500,000 sedangkan dia kena bayar balik, saya ingat RM2,000 lebih satu bulan kalau rumah itu berharga RM500,000. Boleh tak kita mencapai matlamat kita?

Jadi saya mencadangkan supaya kita mengkaji balik betul-betul sama ada apa yang kita *target* itu tercapai ataupun tidak. Saya minta maaf, ini melalui pengalaman saya...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia sudah dekat nak habis dah masa dia. Biar dia selesaikan Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Oh, okey.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Ini melalui pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua. Dua tahun lalu, Dato' Najib sendiri datang ke kawasan saya di Kulai dekat Dewan Raya Kulai, undi rumah PR1MA, sudah tahu siapa, tetapi sampai sekarang ini projek PR1MA itu tak jalan pun. Ada banyak implikasinya. Saya cakap dalam Dewan yang mulia ini supaya kita mestilah melihatnya secara serius.

Lagi satu yang saya perhatikan ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang ini tidak boleh dapat mengawal sepenuhnya berapa taburan rumah yang telah dibina. PR1MA tidak melaporkan kepada Kementerian Perumahan. SPNB tidak juga melaporkan kepada Kementerian Perumahan. Ini, seharusnya mesti ada penyelarasan dalam hal-hal ini Tuan Yang di-Pertua, supaya kita ada matlamat, matlamat kita mesti baik dan kemudian dilaksanakan dan mesti mencapai matlamat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Saya pun sudah hendak berhenti dengan satu pantun. Pantun ini saya tujukan khas untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Buah durian, buah rambutan,

Kedua-dua buah tempatan,

Demi perpaduan hendak dipertahan,

Akta Hasutan tuan pertahankan... [Tepuk]

Terima kasih banyak. Sekian, *wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat ini hadkan betul-betul jam 15.44 itu pukul 3.44 petang, masa Yang Berhormat dalam masa yang telah pun ditetapkan 30 minit. Tahniah.

Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung.

3.44 ptg.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 atau Bajet 2015.

Pada umumnya, ramai telah mengalu-alukan Bajet 2015 sebagai bajet mesra rakyat. Kita dapat melihat banyak usaha ke arah meringankan beban kewangan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana menerusi inisiatif subsidi bersasar termasuk BR1M, Bantuan Buku 1Malaysia, mengecualikan pengenaan GST terhadap lebih barangan keperluan harian, mengecualikan RON95, Diesel, LPG dan bahan-bahan bacaan daripada GST, merasionalisasikan cukai pendapatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2015 menyaksikan Kementerian Pendidikan diagihkan peruntukan sejumlah RM56.6 bilion di mana RM52.3 bilion ialah untuk perbelanjaan Mengurus dan RM4.3 bilion untuk Pembangunan. Jumlah tersebut merupakan 20.6% daripada jumlah keseluruhan anggaran belanja Mengurus dan Pembangunan dan tiada kementerian lain melangkaui Kementerian Pendidikan dari sudut saiz peruntukan yang diterima. Ini adalah manifestasi kebijaksanaan kerajaan meletakkan agenda pendidikan sebagai yang terpenting dan yang paling diutamakan untuk manfaat rakyat.

Menerima peruntukan yang besar semestinya disusuli dengan amanah dan tanggungjawab yang sama besar dan berat buat Kementerian Pendidikan kepada rakyat. Isu-isu pendidikan begitu banyak dan kompleks dan Kementerian Pendidikan menggalas cabaran hebat untuk menangani isu-isu yang timbul dengan cara terbaik dan paling berkesan di samping dapat diterima oleh rakyat.

Maka satu isu yang saban tahun akan tercetus ialah berhubung kemasukan ke IPTA terutamanya yang melibatkan pelajar-pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang CGPA 4.0 dalam peperiksaan STPM atau matrikulasi. Isunya pula akan tertumpu pada pengajian bidang perubatan kerana permintaannya cukup tinggi daripada kalangan pelajar cemerlang untuk program tersebut. Mungkin pemerhatian saya kurang tepat. Namun, adalah diperhatikan seolah-olah pelajar kita telah

dididik, diasuh baik di rumah mahupun sekolah supaya belajar bersungguh-sungguh mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan dan pelajar cemerlang hanya sesuai untuk bidang perubatan.

Saya tidak mempersoalkan hak sesiapa tentang cara mengasuh anak masing-masing. Bahkan, bukan tujuan saya untuk meniadakan hak seseorang pelajar untuk mempunyai cita-cita tinggi khususnya untuk menjadi seorang doktor, ahli farmasi, doktor gigi, jurutera, akauntan dan sebagainya. Namun, pelajar juga sewajarnya dididik untuk turut mengenali realiti kehidupan dan ini termasuklah peluang-peluang pengajian terhad di peringkat universiti serta peluang-peluang pekerjaan selepas tamat pengajian.

Maka, adalah sesuai juga pelajar-pelajar cemerlang turut diberi pendedahan sebaik-baiknya dan didorong berminat dalam program-program kursus lain seperti seni bina, sains, aeroangkasa, sains nuklear, sains teknologi hijau dan tenaga alternatif, ICT dan lain-lain. Apa salahnya juga kalau pelajar cemerlang digalakkan berminat dalam bidang pertanian, perniagaan, sastera dan kesusasteraan. Dalam bidang-bidang ini, mereka juga boleh menggapai kecemerlangan tertinggi menjadi personaliti terunggul atau *towering personalities*, dengan izin, dan memberi banyak sumbangan kepada kebaikan dan kesejahteraan masyarakat sejagat.

Bab inilah yang memerlukan ibu bapa dan kaunselor sekolah memainkan peranan untuk membuka minda para pelajar dan memperluaskan skop bidang yang boleh diceburi pelajar dan tidak menstereotaipkan bahawa pelajar hanya sesuai untuk memilih bidang perubatan, farmasi, pergigian, kejuruteraan atau perakaunan.

Kementerian Pendidikan mempunyai peranan untuk dimainkan kepada semua *stakeholders*, dengan izin, dalam mengamalkan ketelusan. Untuk itu, saya ingin mengusulkan agar Kementerian Pendidikan awal-awal lagi mengumumkan dengan terperinci kepada khalayak ramai tentang bilangan tempat bagi kursus-kursus kompetitif di setiap IPTA.

■1550

Kursus kompetitif adalah termasuk perubatan, farmasi, pergigian, perakaunan, kejuruteraan, undang-undang dan sebagainya. Biarlah rakyat, khasnya pelajar dan ibu bapa mereka mengetahui bilangan tempat yang ada, mengetahui persaingan yang bakal akan berlaku dan mereka bersedia menghadapi persaingan itu. Pada ketika ini dan dahulu juga hanya apabila tercetus menjadi isu dan kemarahan rakyat, barulah kementerian membuat pengumuman memperincikan jumlah tempat yang ada dan sebagainya.

Kementerian seperti mana yang dijangkakan akan mempertahankan kedudukan dasar yang telah mereka gariskan untuk tidak melayan rayuan pelajar yang gagal mendapat tempat dalam bidang perubatan khususnya. Akan tetapi sudah memang dijangkakan saban tahun, kementerian akan dipaksa *go-astern* daripada pendirian rasmi itu dan dipaksa mencari jalan dan membuat aturan untuk menerima lebih ramai lagi pelajar cemerlang ini untuk kursus yang mereka mahu, lazimnya perubatan. Memanglah nampak macam kerajaan prihatin. Namun, semua itu tidak perlu berlaku jika isu ini yang berulang setiap tahun mendapat penelitian dan perancangan profesional kementerian. Lebih mengelirukan ialah kementerian boleh pula menambah tempat selepas itu menjadi riuh rendah.

Tuan Yang di-Pertua, masih mengenai pendidikan. Pihak-pihak yang masih sangsi terhadap kewujudan sekolah vernakular hendaklah ikhlas, jujur dan realistik serta holistik dan penuh rasional apabila berhujah mengenainya. Adalah terlalu mudah untuk mana-mana pihak tanpa usul periksa mempersoalkan semangat kenegaraan dan cinta kepada negara pelajar-pelajar sekolah ini. Pelajar dan guru-guru sekolah ini terus menerus menggalas harapan negara yang aman, damai dan stabil serta rakyatnya hidup bersatu dalam suasana harmoni, sejahtera dan hormat-menghormati sesama sendiri.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mencilah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat benarkan?

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya agak tersinggung Yang Berhormat tadi mengatakan orang yang mempersoalkan kewujudan sekolah vernakular tidak ikhlas. Sebenarnya suara-suara yang menentang kewujudan sekolah vernakular itu adalah sangat ikhlas untuk melihat perpaduan sejati wujud di negeri ini. Oleh sebab kewujudan sekolah vernakular itu adalah merupakan suatu jalan *credibility parallel* yang tidak memungkinkan rakyat kita akan bertemu sebab sosialisasi seseorang itu akan berkesan jika dilakukan pada peringkat yang awal sekali. Akan tetapi sekarang ternyata bahawa lulusan-lulusan daripada sekolah vernakular itu tidak tahu berbahasa Melayu dengan baik dan ingin mempunyai keistimewaan tersendiri. Kalau sekiranya ada orang yang menyuarakan perkara-perkara seperti ini, suara itu adalah suara ikhlas. Ikhlas ingin melihat wujudnya satu perpaduan sejati di negeri ini. Jadi yang tidak ikhlas saya rasa pihak yang berkeras untuk mempertahankan sekolah itu. Terima kasih.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya teruskan ucapan saya sebab saya rasa jawapan saya sudah ada dalam ucapan saya nanti. Amat nyata sekali pembelajaran Bahasa Malaysia tidak ditinggalkan dan para pelajar mempunyai tahap penguasaan Bahasa Malaysia yang membolehkan mereka membaca, menulis dan bertutur. Standard Bahasa Malaysia mereka mungkin kurang setanding dengan rakan mereka di sekolah kebangsaan. Namun ia tidak bermakna mereka ini buta, bisu atau pekak Bahasa Malaysia.

Realitinya mereka mempunyai kebolehan berbahasa Malaysia asas yang cukup untuk digunakan dalam komunikasi biasa. Realitinya, semangat patriotik serta sayang dan cinta kepada Malaysia cukup tinggi sekali. Kekurangan kecil mereka mengenai penguasaan bahasa Malaysia sebaliknya ditampung dengan penguasaan tinggi dalam bahasa-bahasa lain khasnya bahasa Cina dan bahasa Tamil. Kedua-dua bahasa ini kian menjadi semakin penting berikutan peningkatan negara China dan India sebagai kuasa ekonomi dunia. Pada masa kini, semua dengar hendak berbaik kedua-dua negara China dan India. Semua negara juga hendak berniaga dengan mereka dan Malaysia tidak terkecuali. Kita sebenarnya mempunyai kelebihan berbanding banyak negara lain di dunia. Selain kelebihan faktor sejarah dan faktor pertalian persaudaraan, kita sebenarnya mempunyai satu lagi kelebihan yang memberi kita selangkah ke hadapan negara-negara lain iaitu faktor penguasaan tinggi bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Faktor penguasaan bahasa inilah yang cukup penting dan wajar diraikan dan dikembangkan oleh kerajaan dan rakyat. Negara kita berada di dalam keadaan unik di mana kemajmukan masyarakat kita...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Bolehkah saya teruskan, habiskan? Negara kita berada dalam keadaan unik di mana keadaan kemajmukan masyarakat kita menyediakan persekitaran semula jadi atau *nature*, dengan izin, yang kondusif untuk rakyatnya menguasai empat jenis bahasa semula jadi negara iaitu Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Dengan mudah, rakyat boleh menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa dengan baik. Dengan usaha tambahan dan langkah yang pragmatik, rakyat boleh dengan senang menguasai satu atau dua lagi bahasa semula jadi negara ataupun hendak ditambah dengan bahasa-bahasa lain seperti Arab, Jepun, Korea, Jerman, Sepanyol, Russia, Itali dan sebagainya. Semua ini boleh tercapai menerusi sikap yang tidak dicemari bibit-bibit nasionalisme melampau ataupun dengan mengeluarkan kata-kata yang menggores hati.

Saya berpandangan isu sekolah vernakular telah dibincangkan mengikut emosi yang telah mengekang tahap kebijaksanaan dan mengaburkan pemikiran rasional pihak-pihak tertentu. Ia lebih bermanfaat dan berfaedah jika ...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Tidak mengapa. Saya habiskan dua perenggan, okey? Ia lebih bermanfaat dan berfaedah jika semua pihak termasuk kerajaan mengkaji sistem dan resipi keberkesanan sekolah-sekolah vernakular. Kita sudah biasa mendengar ungkapan *a doubt best practices*, dengan izin, dan sudah tentu sekolah vernakular mempunyai kekuatan-kekuatan tertentu yang boleh juga dipelajari oleh pihak lain. Jika ada pihak yang menuntut supaya pelajar-pelajar sekolah vernakular fasih dalam bahasa Malaysia, maka berikan galakan dan dorongan yang sewajarnya tetapi bukan dengan cara provokatif termasuk mencadangkan sekolah vernakular ditutup. Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya adalah orang akademik, 40 tahun. Apabila saya belajar di peringkat Masters dan PhD, saya mengambil kesempatan untuk mengambil profesor-profesor bangsa Cina tetapi *they are Chinese American*. Bangsa Cina tetapi American. Saya selalu menyoal dan berbincang dengan profesor-profesor berbangsa Cina. *Conclusion* saya, orang-orang Cina di luar tetapi bukan orang Cina di Malaysia. Apabila mereka bercakap tentang perpaduan, mereka akan menegaskan hanya satu sahaja cara, jangan *argue*. Satu sahaja cara perpaduan ialah pentingnya semasa budak-budak ini di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah, mereka mesti diletakkan di bawah satu bumbung.

Saya boleh *quote* buku Profesor Alex Teoh. Saya ada buku di rumah, saya boleh tunjukkan, orang Cina. Dia mengatakan dalam mana-mana negara dalam dunia ini kalau tidak berbuat demikian, adalah salah rakyat itu sendiri. Carilah mana-mana negara. Kita jangan beremosi. Saya tidak mahu mengungkit sekolah vernakular, saya tidak mahu masuk campur tetapi saya hendak mengatakan

daripada segi fakta-fakta akademik. Ya, kena faham. Kita bercakap tentang perpaduan. Kalau kita hendak *argue* Tuan Yang di-Pertua, kita boleh *argue* sampai subuh. Benda yang hitam kita boleh kata putih, tidak ada hal.

Akan tetapi kita sebagai manusia biasa, sebagai rakyat Malaysia, kita kena rasional. Contoh, profesor-profesor *China academician*, di Malaysia ini juga rasional. Saya boleh *quote* satu persatu, Profesor Lim Swee Tim, Profesor Teo Kok Seong, Profesor Khoo Kay Kim, Profesor Siva USM. Teo Kok Seong mengatakan bahkan cukup hampa apabila dalam *research* beliau mendapati sebilangan besar budak-budak PLKN tidak boleh berbahasa Melayu. *You call yourself a Malaysian?* Bahasa Melayu pun tidak boleh.

■1600

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Bukan kita hendak *provoke*. *Be fair to us*. Sudah berpuluh tahun duduk di Malaysia dan merdeka masih tidak boleh berbahasa Melayu. Saya membawa buku ini... *[Sambil menunjukkan dua buah buku]* Ini *My Story by Lim Goh Tong*, ini *From Poor Migrant to Millionaire*. Ini orang-orang Cina yang bersyukur dan menghormati negara, walaupun pada masa itu mereka datang ke Malaysia mereka bukan berniat hendak jadi warganegara. Lim Goh Tong mengatakan apabila saya sampai ke Malaysia *the first thing I did was to study Malay*, padahal beliau bukan rakyat Malaysia pada masa itu dan beliau tidak bercadang untuk tinggal di Malaysia. Lim Goh Tong tetapi pada hari ini ramai *billionaire* cina yang kaya raya menghina *Prime Minister* walaupun mereka mendapat kekayaan melalui pemimpin-pemimpin Melayu. Saya akan sambung lagi. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Profesor kata bahawa Yang Berhormat telah merupakan seorang akademik selama 30 tahun. Saya pun sendiri merupakan ahli akademik sebelum ini dan saya juga merupakan pakar dalam pengajian bahasa Cina dan saya sendiri tidak nampak mengapa pembelajaran bahasa Cina itu merupakan satu faktor kenapa kita tidak boleh mempelajari bahasa Malaysia...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya tidak kata tidak boleh belajar bahasa Cina.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: ...Yang satu lagi, tidak apa, tidak apa.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya kata Bahasa Malaysia itu sebagai asas.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Yang Berhormat mungkin boleh bahas esok.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Jangan silap *argument* ya. Jangan silap.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Okey, tak apa tetapi yang sekarang kalau kita lihat kebangkitan negara China dari segi ekonomi dan juga dari segi budaya dan juga dari...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Kalau kebaikan negara China, Korea pun kena belajar bahasa Cina, Jepun kena belajar bahasa Cina, semua dunia kena belajar bahasa Cina.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Itu yang kita mesti menggalakkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Sebab kita mempunyai satu negara yang majmuk. Kita mempunyai banyak pakar. Ada setengah orang pakar kalau dia suka menceburkan diri dalam pengajian bahasa Cina biarlah. Kalau dia suka bahasa Korea biarlah. Kita patut ada hati yang lebih terbuka, supaya kita dapat menjadikan sebuah negara yang maju. Kalau kita lihat Australia sekarang, kita lihat ramai orang telah mengambil bahasa Cina ataupun bahasa Spanish ataupun bahasa Arab, tengoklah. Terpulang kepada niat seseorang ataupun kehendak seseorang...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat, salah faham. Sabar.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: ...Tidak apa, itulah saya...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *You misunderstand the whole argument.*

Dato' Dr. Hou Kok Chung: *Never mind, it's okay.* Point saya yang paling penting ialah kalau kita katakan saya tidak mempersoalkan yang sekolah rendah Cina ataupun sesiapa pun pengajian bahasa Malaysia ataupun pelajaran bahasa Malaysia memang merupakan tanggungjawab kita. Jadi itulah *argument* saya untuk hari ini. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Dalam kesempatan ini juga saya ingin membuat rayuan supaya kerajaan membenarkan pelajar-pelajar lulusan *Unified Examination Certificate* (UEC) dengan izin, untuk memohon memasuki belajar di IPTA. Rayuan ini pula bukan untuk memberi kelonggaran syarat atau apa-apa bentuk keistimewaan, tetapi pelajar-pelajar ini dipertimbangkan atas dasar merit. Adalah satu anomali nyata dalam sistem pendidikan kita untuk memberi tempat 5% kepada pelajar antarabangsa memasuki IPTA, walhal pelajar warganegara kita sendiri hanya kerana berkelulusan UEC tidak diberi peluang langsung. Tambahan lagi pelajar lulusan UEC sekian lama diterima masuk di banyak universiti luar negara, di Amerika Syarikat, *United Kingdom*, Kanada, negara-negara Eropah, Australia, New Zealand, Singapura, Taiwan dan China tetapi di negara sendiri tidak.

Dalam menguruskan isu UEC, usahlah kerajaan mengambil sikap marahkan nyamuk kelambu dibakar. Para pelajar UEC adalah mangsa keadaan. Persepsi negatif pihak-pihak tertentu dan juga kerajaan terhadap pelajar adalah tidak berasas kerana mereka sebenarnya patriotik, sayang dan cintakan negara dan mahu menyumbang kepada kemakmuran dan kejayaan negara. Saya menyatakan sedemikian kerana saya tahu saya banyak berinteraksi dengan golongan pelajar ini dan saya sendiri adalah produk UEC. Hari ini terdapat seramai 12,000 pelajar UEC kita melanjutkan pengajian tinggi di Taiwan dan ribuan lagi di negara-negara lain. Apa yang kurang enak didengar ialah apabila mereka ditanya oleh pihak luar mengapa mereka belajar di sana, jawapan mereka ialah kerana Kerajaan Malaysia tidak menerima mereka dalam IPTA. Hanya kerana disisih dan tidak diberi layanan setimpal dalam IPTA negara mereka cukup mudah ditanam dan dipengaruhi...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah?

Dato' Dr. Hou Kok Chung: ...Unsur-unsur menolak kerajaan pimpinan BN.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tidak bagi.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Keadaan ini tidak menguntungkan kerajaan malah adalah antara faktor kritikal ramai dari kalangan belia Cina sukar untuk memihak kepada kerajaan. Parti MCA, parti saya tidak terkecuali dilayan sentimen *antiestablishment* mereka, dengan izin, kerana dituduh tidak berkesan untuk meyakinkan kerajaan memberi mereka peluang untuk memohon memasuki IPTA. Kesannya amat parah sekali dan adalah di antara faktor pengundi Cina menolak MCA dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 dan ke-13. Saya amat mengharapkan kerajaan akan mengambil sikap besar hati dan membuat keputusan strategik berpaksikan kepada saranan keterangkuman untuk menawan dan memenangi hari para belia ini, ibu bapa mereka, saudara-mara dan seluruh rantaian yang terbabit.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator. Ya lah, saya tidak berniat untuk menjadikan isu ini sebagai satu isu yang berpolemik dalam perbincangan ini. Asasnya kita kena faham, mana-mana negara dalam dunia, mana-mana negara dalam dunia mereka tetap mempunyai satu sistem. *We are the only one in the world*. Itu kena faham kenapa pula ada *special* pulanya itu. Kita bukan kata tidak boleh berbahasa Cina, bahkan kita menggalakkan. Saya pun masa belajar di UiTM tiga tahun saya belajar bahasa Cina. Bukan tidak boleh, tetapi kita cakap kalau kita buka buku-buku akademik, perpaduan ini cukup penting dan dikatakan ia melalui satu sistem sahaja di mana kita meletakkan anak-anak kita tidak kira Melayu, Cina, India sama-sama di bawah bumbung.

Kita mengharapkan mereka dapat mengenali, menghormati dan berkasihan satu dengan lain. Kalau daripada kecil kita meletakkan mereka di tempat yang berbeza, bagaimana kita ini hendak melihat mereka dapat bersama-sama dengan orang Melayu, orang Cina dan orang India. Sebab saya selalu mengharapkan Tuan Yang di-Pertua di peringkat kita ini otak kita sudah jadi buluh, sudah keras. Saya mengharapkan anak-anak kita esok boleh menukar minda dan pemikiran mereka demi untuk kepentingan negara kita dan cucu-cicit kita. Itu sahaja harapan saya. Pada saya kalau saya melihat keadaan suasana politik pada hari ini saya tidak berapa nampak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, terus kepada pencelahan Yang Berhormat. Jangan sampai berhujah, nanti Yang Berhormat boleh berbahaslah, masa kena berbahas.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okeylah, Itu sahaja saya hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya hendak katakan tadi saya mencadangkan kena faham jangan emosional. *Be rasional. We are Malaysian. This is Malaysia*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada pencelahan lagi?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat benarkan? Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan saya yang duduk sebelah ini membenarkan saya untuk mencelah tetapi kenyataan beliau tadi sebenarnya sedikit menghentak perasaan saya, adakah itu berasaskan fakta ataupun sekadar persepsi? Kebetulan semalam saya tengah baca buku *The Color of Inequality*, dengan izin, daripada Profesor Muhammad Abdul Khalid yang memetik beberapa fakta-fakta terkini berkenaan dengan kedudukan pelajar-pelajar bumiputera dan bukan bumiputera, etnik Melayu, Cina dan juga India. Di mana pada 2004, *intake* secara keseluruhan institusi pengajian tinggi yang disebut di sini dalam halaman 168 bagi bumiputera adalah 18,000 berbanding dengan bukan bumiputera 38,842.

■1610

Kalau *displitkan*, kalau kita tengok dalam konteks 2004 juga lebih kurang kalau campur IPTA dengan IPTS ada 161,000 pelajar secara keseluruhannya. Seramai 62% daripada jumlah ini adalah bukan bumiputera dan etnik yang paling ramai sekali adalah kaum Cina. Disebutkan dekat sini 71% anak-anak daripada kaum Cina yang berjaya masuk ke dalam IPTA dan IPTS secara keseluruhannya.

Jadi apa yang dibangkitkan dalam fakta ini kerana ia menyatakan bahawa kalau ini tidak ditangani dengan baik, negara akan berhadapan dengan porak-peranda kerana dia juga memetik buku Joseph Stiglitz. Pemenang Nobel antarabangsa, "*The Price of Inequality*" yang mengatakan bahawa sekiranya masalah ketidakseimbangan dan ketidaksetaraan di antara etnik-etnik yang berlaku pada hari ini tidak diperbetulkan dia akan membawa negara itu ke malapetaka. Jadi, saya rasa ini perkara yang mungkin Yang Berhormat boleh memberikan pencerahan.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya selalu berpendapat bahawa kalau kita hendak kaji pembelajaran bahasa Cina kita mesti lihat apa latar belakang negara ini. Kalau kita lihat pada masa kemerdekaan kita mempunyai keharmonian ataupun *understanding* di antara satu sama lain. Jadi selalu apa-apa polisi yang kita laksanakan kita mesti jaga semua latar belakang, macam mana ia diwujudkan, macam mana sesuatu sekolah vernakular ditubuhkan.

Itulah sebab mengapa saya bahas dari segi itu. Kita semua harap negara Malaysia ini dapat menjadi sebuah negara yang maju. Kita juga harap apa yang kita sedia ada, macam mana kita dapat memupuk supaya dia dapat menjadi aset kita untuk membolehkan Malaysia lebih kompetitif dalam dunia yang global ini. Itulah pandangan saya. Jadi cerita apa yang kita *argue* ataupun bahaskan itu biarlah kita semua dengan cara yang tidak beremosi. Janganlah sampai ke tahap untuk membuat segelintir orang walaupun dia bukan kumpulan yang besar tetapi mereka rasa sakit hati ataupun lebih beremosi lagi. Itulah sebab Dewan yang mulia ini memberi peluang kepada kita untuk *argue*. Saya hendak teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat hari ini mengeluh tentang kenaikan kos sara hidup dalam negara. Rakyat sewajarnya sudah sedia menerima hakikat bahawa langkah kerajaan menghapuskan subsidi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya bagi Yang Berhormat dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya celah sedikit? Pendek sahaja soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini terpulang kepada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat izinkan, saya benarkan tetapi masa Yang Berhormat itu akan dipendekkan.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Tidak apa.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *It is a very short question.* Soalan dia pendek sahaja.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: *I do not have enough time, sorry because* saya hanya dibenarkan berucap dua minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Soalan saya *30 seconds* sahaja, *30 seconds* sahaja soalan saya.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: *I have to finish the last one.*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *10 seconds, 10 seconds for my question.*

Dato' Dr. Hou Kok Chung: *Please don't. Let me finish my part. Okay. I only have two minutes.* Sorry ya. Tuan Yang di-Pertua, perpaduan rakyat yang sejati boleh menjamin kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara. Pelbagai program dan usaha telah dijalankan kerajaan untuk memperkukuhkan lagi perpaduan kaum.

Dalam hal ini saya berpandangan perkhidmatan awam ialah medan tepat untuk terus memacu agenda perpaduan negara. Malah perkhidmatan awam seharusnya menjadi contoh unggul atau *epitome* dengan izin, dalam aspek perpaduan dan menjadi pemangkin kepada perpaduan rakyat. Muka perkhidmatan awam atau *the face of the civil service* dengan izin, hendaklah memaparkan wajah perpaduan sejati dalam erti kata yang lain muka perkhidmatan awam amat penting untuk menunjukkan penglibatan aktif anggota-anggotanya yang berbilang kaum, agama dan bangsa bekerja dalam suasana penuh harmoni. Menunjukkan sikap saling faham memahami serta menerima sebaik-baiknya perbezaan yang wujud sesama sendiri.

Saya yakin dan percaya bahawa wajah perpaduan sejati yang diangkat oleh golongan dewasa yakni anggota-anggota perkhidmatan awam boleh mendorong dan memperkuat lagi semangat menjulang perpaduan di kalangan belia dan orang muda. Jentera perkhidmatan awam amat besar sekali dan pelbagai peringkat dan lapisan. Namun satu langkah bermula kecil oleh kerajaan perlu dilakukan untuk mencorakkan semula muka perkhidmatan awam.

Justeru itu, saya menyeru kerajaan supaya menggerakkan proses memberi wajah baru bermula dengan lapisan barisan hadapan atau *front liners*, dengan izin. Barisan hadapan yang saya maksudkan pula membabitkan perkhidmatan kaunter dan penguatkuasaan merentasi semua agensi kerajaan serta merangkumi pelbagai gred dan skim perkhidmatan. Lapisan perkhidmatan awam ini boleh dikira sebagai perkhidmatan berprofil tinggi kerana anggota-anggota lapisan ini berdepan dengan orang awam setiap hari. Sudah tentu ada beberapa agensi yang mungkin kurang sesuai dan boleh dikecualikan dalam cadangan ini terutamanya yang mentadbir dan mengurus hal ehwal agama Islam.

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Sehubungan itu, kerajaan pula ada dasar yang bersasar dalam menjayakan perkara ini. Dasar tersebut pula hendaklah berasaskan kepada semangat dan prinsip

affirmative action, dengan izin, yang di antaranya menyarankan semula semua agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri melantik kaum bukan Melayu dan bumiputera untuk mengisi jawatan pelbagai gred gaji yang terlibat dengan perkhidmatan kaunter dan juga penguatkuasaan.

Komposisi keanggotaan yang berpadu mengikut kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain hendaklah dilaksanakan malahan kerajaan boleh menimbangkan ianya dalam lingkungan nisbah 6:3:1:1. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cadangan dan pandangan saya akan mendapat perhatian dan pertimbangan sebaiknya oleh semua pihak. Ia banyak bersandarkan kepada konsep keterangkuman atau *inclusive* yang mengukuhkan perpaduan dan menjulang kedamaian. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya kita beralih kepada Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Tidak ada? Mungkin Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Silakan Yang Berhormat.

4.17 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Kita yang sebenarnya bersyukur sebagai rakyat Malaysia yang negara kita begitu aman, makmur dan maju. Kalau kita bandingkan negara kita ini dengan kebanyakan negara-negara membangun, kita adalah dikatakan teratas walaupun kita ini sebuah masyarakat yang majmuk. Maka saya rasa kita patut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan walaupun dikatakan kita tidak patut aman tetapi *alhamdulillah* kita tetap aman, kita tetap maju, makmur.

Alhamdulillah pada bajet kali ini kita telah diperuntukkan dengan bajet begitu tinggi seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu RM273.9 bilion untuk belanja mengurus dan RM50.5 bilion untuk belanja pembangunan. Secara keseluruhan kita lihat kita punya KDNK pun melonjak 6.3% yang menempatkan kita sekarang tertinggi di kalangan negara-negara ASEAN. Defisit kita dari 6.7% ke 3.9% dan pertumbuhan ekonomi kita dengan kadar 5.5% hingga 6.6%.

Maka di sini saya ingin menjelaskan itu realiti. Walaupun kita mendengar banyak cemuhan, realitinya negara kita tetap diiktiraf sebagai sebuah negara yang dikatakan aman dan makmur. Di peringkat global Yang Berhormat, kita mempunyai satu jenis kayu ukur ataupun *rating*. Ya, saya bercakap dari segi keamanan dan kemakmuran. Indeks Keamanan Dunia, kita diletakkan nombor 19 dalam dunia iaitu cara kita mengurus. *This is factual*. Ini fakta yang semua kena faham. Dalam Indeks Keamanan Dunia, *we are number 19* dengan izin, nombor 19 dalam dunia. Nombor dua dalam Asia *just after Japan*.

■1620

Nombor satu di seluruh South East Asia, kita nombor satu dan *Singapore* nombor dua. Itu dari segi keamanan. *Alhamdulillah*, walaupun kita dikatakan majmuk, kita aman. Indeks kemakmuran dunia, kita nombor 17. Ini badan global bagi, ini bukan Kerajaan Malaysia bagi, kita nombor 17. Indeks Kebahagiaan Global (*Global Happiness Index*), itu *happiness*, dalaman dan luaran kita *happy*, kita nombor 17 dan saya hendak bandingkan dengan negara-negara tertentu.

Kita nombor 17 kebahagiaan, *we are happy*. Sebagai rakyat Malaysia kita *happy*, tidak ada hal, makan minum kita ada. Di kampung saya, rumah kampung pun biasa sekarang tiga biji kereta. Di depan rumah tiga biji kereta. Pergi di negara-negara Afrika, di Vietnam jangan harap kita hendak jumpa kemewahan ini. *We are happy. Singapore* nombor 53. *Singapore* negara maju, dari segi Indeks Kebahagiaan Global, nombor 53. China sebuah negara yang cukup maju, dengan cukup banyak *billionaire*, nombor 82. *We Malaysians* tidak kira *Chinese, Indian* atau Melayu, *we are happy. We are much happier than those Chinese in China. We are happy*. Ini global indeks. India, nombor 125, lagi teruk, 125. Jadi saya hendak mengatakan Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*.

Kita lihat tiap-tiap kali kalau Perdana Menteri membuat ucapan di hari kemerdekaan ataupun terutamanya di hari kemerdekaan ataupun bajet sekalipun, Perdana Menteri akan menggariskan beberapa fakta yang menunjukkan bahawa negara kita ini maju. Saya hanya hendak *quote*, semasa *Prime Minister of India Mr. Narendra Modi*, semasa menyambut kemerdekaan India tahun ini bulan Ogos yang lepas, beliau telah berjanji kepada rakyat India, beliau akan menyelesaikan masalah tiadanya *toilet*. Sebanyak 600 juta daripada 1.2 bilion, 600 juta rakyat di India tidak ada *toilet*. Dalam laporan ini mengatakan ramai isteri yang telah berkahwin terpaksa meninggalkan suami kerana tidak ada *toilet*. Hendak buang air besar kena tunggu malam. Hendak-hendak musim hujan, lagi susah hendak buang air besar. Hari itu keluar pula ada ular tedung.

Selain itu, dikatakan ramai yang kena rogol. Ini fakta. Saya bukan hendak mengata apa. Saya hendak mengatakan kita bersyukur. Kita dari segi global indeks, *we are one of the highest*. Itu fakta yang pertama saya hendak sarankan, saya hendak nyatakan kepada semua rakan-rakan kedudukan negara kita. Jadi kita janganlah mencari jalan, benda yang sudah cantik, kita hendak kotorkan. Kita *maintain* suasana kebahagiaan, kemakmuran negara ini untuk kepentingan anak cucu cicit kita. Ia tidak kira anak cucu cicit kita orang Melayukah, orang Indiakah, orang Cina, mereka adalah generasi kita yang kita mahu lihat mereka bersama-sama hidup membangunkan negara kita ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit. Kalau kita lihat pada hari ini, polisi-polisi kerajaan memang cukup cantik. Polisi yang berkaitan untuk kesejahteraan rakyat, untuk negara, memang cukup baik. Masalahnya polisi-polisi yang baik ini, yang moden ini telah dinodai dan dicabul oleh isu-isu yang berkaitan dengan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, ketirisan, integriti, etika dan sikap manusia yang dipertanggungjawabkan untuk mengimplementasikan dasar-dasar ini telah menyebabkan polisi-polisi yang baik itu telah tercemar, nama baik negara dan kerajaan juga tercemar.

Isu-isu seperti yang kita dengar sehari-hari, Cameron Highlands, judi haramnya, rumah maksiatnya, pembalakan haram, isu MAS yang rugi tiap-tiap tahun tetapi masih terus dibantu oleh kerajaan, isu pendatang haram yang berterusan tanpa kawalan dan sekatan, isu kenaikan barang tanpa kawalan, di manakah pegawai-pegawai, kakitangan penguat kuasa ini? Apa yang mereka buat selama ini? Kenapa perkara ini berjalan dengan begitu lama tanpa kawalan? Polis, Imigresen, Kastam, JPJ, pegawai hutan, SPRM, apakah mereka telah berpuas hati menjalankan tugas untuk membanteras isu-

isu yang saya katakan ini? Jadi kementerian dan agensi berkenaan, kenapa lemah dan tidak dapat mengawal? Terlampau lama sangat kita menunggu supaya masalah ini dapat diselesaikan.

Saya mengharapkan Tuan Yang di-Pertua, kementerian seperti KDN, SPRM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengambil tindakan segera, mengambil tindakan yang cekap *once and for all*, banteras perkara-perkara ini. Bahkan isu-isu ini telah dinyatakan, isu ketirisan di dalam Laporan Audit Negara telah pun menjelaskan perkara-perkara di atas. Bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Audit, SPRM dan KDN yang telah pun mengambil tindakan yang kita ketahui pada hari ini, hampir tiap-tiap hari pegawai-pegawai kerajaan juga diambil tindakan, dibawa ke *court*, ke mahkamah atas tuduhan-tuduhan ketirisan ataupun rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kita merasa begitu bimbang, banyak sangat isu-isu sensitif dipermainkan. Cukup banyak, kita cukup bimbang. Lihat dalam media sosial, perkara-perkara yang berkaitan provokasi terhadap agama Islam. Saya hendak bertanya, siapa yang mulakan, siapa yang memulakan provokasi ini? Saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Siapa emosional? Siapa yang mulakan? Kita kena tanya. Seolah-olah dunia pada hari ini dianggap sebagai sebuah dunia haiwan yang boleh buat sesuka hati, memprovokasi tidak kira perasaan kaum yang terkena provokasi tadi. Mereka menggunakan hujah ini boleh kerana dunia global pada hari ini, kita mempunyai hak asasi manusia.

Saya ingin menerangkan Tuan Yang di-Pertua, di Britain pada bulan Oktober yang lepas, parti yang memerintah ialah Parti Konservatif telah membuat keputusan akan mencadangkan pada penghujung tahun ini, mereka akan menghapuskan Akta Hak Asasi Manusia 1998 (HRA 1998) dan akan menggantikan *Bill of Rights and Responsibilities*. Apa yang saya maksudkan, walaupun Britain sebuah negara yang maju, yang selama ini kita tahu amat menekankan kepada hak asasi, tetapi di atas kesedaran untuk kepentingan rakyat jelata iaitu persoalannya tanggungjawab walaupun kita mempunyai hak, tetapi kita kena persoalkan tanggungjawab kita. Bukan sahaja tanggungjawab kerajaan, tetapi tanggungjawab kita sebagai rakyat, sebagai pemimpin untuk memastikan bahawa negara kita ini akan terus aman, akan terus maju.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang perpaduan. Saya bersyukur beberapa hari dalam Dewan ini, saya cukup berbesar hati dapat melihat sahabat-sahabat Yang Berhormat-Yang Berhormat dapat berucap dalam bahasa Melayu yang cukup baik. Bahkan saya cukup gembira melihat menteri-menteri, Timbalan Menteri tadi bercakap, tidak kira Menteri Melayu, tidak kira menteri Cina ataupun India, bercakap dalam bahasa Melayu yang cukup baik.

Sebagai seorang rakyat Malaysia berketurunan Melayu, secara automatik apabila saya melihat orang bukan Melayu dapat cakap dalam Bahasa Melayu dengan fasih, timbul perasaan kasih sayang. Timbul perasaan suka.

■1630

Timbul perasaan suka, timbul perasaan *you are part of us, you are part of me*, maksudnya, secara automatik. Akan tetapi apabila saya melihat rakyat Malaysia yang tidak boleh berbahasa

Malaysia, apakah perasaan saya? *You call yourself a Malaysian*, duduk di Malaysia sudah lama. Laporan Tew Kok Seong, langsung tidak boleh bercakap Bahasa Melayu. Sekurang-kurangnya pendatang haram dari Bangladesh, minggu yang pertama sudah boleh bercakap Bahasa Melayu, tiga perkataan, yang kerja-kerja di kedai-kedai minyak. Perkataannya ialah hijau, merah dan kuning. Itu yang dia tahu. Minggu yang kedua, perkataan ialah "*Adik cantik, adik manis*". [Ketawa] Minggu yang ketiga, dia tambah, "*Adik cantik, adik manis, your phone number?*". Ini sekarang sudah berpuluh tahun. Sepatah haram tidak boleh cakap. Yang Berhormat, saya hendak menunjukkan ini sebagai bukti. Saya cukup menghormati orang-orang bukan Melayu zaman dahulu, termasuk pemimpin-pemimpin India dan Cina, Sambanthan, Tan Sew Sin dan lain-lain.

Saya banyak membaca buku-buku pemimpin Cina dan peniaga-peniaga Cina dan *billionaire* Cina. Yang Berhormat baca buku ini... [Memegang beberapa buah buku], Yang Berhormat sedar. Mereka ini contohnya, '*Poor Migrant to Millionaire*', Chan Wing, tuan empunya 'istana negara' yang sebelum ini. Pada masa itu, istana itu dipanggil *the biggest house in Malaya*. Chan Wing datang ke Malaya umur 14 tahun dari China. Emak Chan Wing terpaksa menjualkan adik bongsunya untuk membeli tiket, keadaan tidak ada makanan, kebuluran, *catastrophe* di China, Chan Wing terpaksa datang ke Malaya. Dalam masa 20 tahun, 30 tahun, Chan Wing jadi *millionaire*. Terlampau kaya, buat rumah di Kuala Lumpur. Itu 'istana negara' sebelum ini. Terlampau kaya dengan hasil bumi Malaya, Chan Wing dapat berkahwin dengan lapan orang isteri. Di China seorang sahaja. Lapan orang isteri-*you read this book* dan 26 anak. Di China, *one child policy*. Sini ada 26 orang anak. [Ketawa] Saya menghormati Chan Wing kerana tidak ada pun perkataan Chan Wing menghina pemimpin saya.

Ini pun sama... [Memegang sebuah buku] Lim Goh Tong, tuan empunya kasino Genting, Porto Malai, Star Cruise. Tidak ada pun perkataan menghina pemimpin kita. Bahkan, Lim Goh Tong mengatakan pada tahun 1937, bila sampai ke sini, benda pertama yang dia buat ialah belajar bahasa Melayu sebab negara ini adalah kepunyaan orang Melayu. Akan tetapi mengapa perkara ini tidak berlaku pada hari ini. Ini yang cukup membimbangkan saya dan saya rasa perkara ini mesti kita cari jalan. Saya hendak mencadangkan kepada rakyat Malaysia tidak kira apa kaum, kita kena berfikir dengan secara waras kerana negara ini adalah negara Malaysia. Kalau bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, belajarlah Bahasa Melayu. Tidak bermakna negara China sekarang merupakan satu *economic power*, kita mewajibkan bahasa Cina dan mengetepikan Bahasa Melayu dan mewajibkan pendidikan Cina, tidak memahami dan menghormati pendidikan kebangsaan. Kalau begitu, kenapa negara Thailand, Korea, Jepun tidak mewajibkan bahasa Cina? Saya pun tidak tahu kenapa kita sahaja yang kena.

Maksud saya Yang Berhormat, saya bercakap daripada segi keikhlasan. Saya sebagai seorang bapa dan telah mempunyai lima orang cucu. Saya ingin melihat cucu saya ini, anak-anak saya ini hidup aman makmur. Saya ingin melihat anak saya ini berkawan, cucu saya ini berkawan dengan orang Cina dan orang India. Saya ingin melihat mereka duduk di bawah satu bumbung kerana saya tahu mereka akan hidup selama-lamanya. Kita akan pergi sebab mereka akan hidup selama-lamanya dan saya tidak rela melihat cucu saya bergaduh dengan cucu orang Cina, bergaduh dengan cucu orang India. Saya

tidak mahu sebab saya menegaskan kita kena rasional. Siapa yang tidak rasional, siapa yang emosional kali ini? Kita bercakap dalam konteks kita rakyat Malaysia. Bagaimana orang Melayu tidak marah kalau sekiranya orang Cina yang telah duduk berapa lama di sini tidak boleh bercakap Melayu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya minta mencelah sedikit?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Bukan kita emosional. Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri kerana memberikan saya peluang untuk bercakap. Saya hanya ingin menanyakan soalan yang sangat terbuka dalam kalbu saya. Tidak dapat saya tanyakan pada pembicara sebelum ini. Akan tetapi masanya sesuai kalau saya tanyakan kepada Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim sekarang. Dalam keghairahan pembicara tadi untuk mengekalkan sekolah vernakular Cina itu, setuju atau tidak dia bahawa sekolah vernakular Cina itu menampung semua kaum mengikut *proportionate* penduduk di negara ini? Satu cara, kalau hendak jugalah. Ini hanya sebagai satu andaian. Kalau okey, hendak teruskan sekolah vernakular Cina tetapi pastikan bahawa sekolah vernakular Cina itu menampung pelajar-pelajar daripada seluruh kaum mengikut *proportion* atau kadar penduduk di negara ini.

Jadi ertinya, sekolah Cina akan dihuni oleh 65% pelajar Melayu, 35% pelajar Cina dan 15% pelajar India, lebih kurang begitu. Saya timbulkan perkara ini kerana Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim tadi menyebut tentang hidup di bawah satu bumbung. Bagaimana kalau mereka hidup satu bumbung dengan dominan dan adakah ini satu solusi menang-menang? Kehendak mereka tercapai, perpaduan dan kehidupan dalam satu bumbung tercapai. *Just* sebagai satu andaian sahaja. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa memang cantik cadangan itu, bahkan apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat sebelum saya tadi, beliau mencadangkan supaya tempat-tempat di perkhidmatan awam pun ia mesti diberi sama ikut *proportion* rakyat. Kalau begitu, kalau kita bersetuju andaiannya, *why not* kita bersetuju? Semua sektor, tidak kira sekolah, tidak kira sekolah Cina, tidak kira universiti, tidak kira *private sector*, *public sector*, kita ikut *proportion* 68% Melayu, yang lain itu bukan Melayu. Kalau itu jadi, *alhamdulillah* saya sokong sepenuhnya. Itu pada pandangan saya tetapi ini tidak akan diterima kalau perkara ini dibincangkan secara emosi.

Bila bercakap fasal 1Malaysia, mereka hendak semua yang Melayu punya tetapi yang dia punya tidak mahu beri kepada Melayu. Minta maaf cakap itu 1Malaysia. Ini saya bukan emosional Yang Berhormat. Itu realiti yang buat kita kecil hati. *You must understand our feelings*. Apa yang saya hendak katakan tadi kita tidak mahu bergaduh. *This is our country. You are supposed to be together*. Mesti faham. Ini yang saya harapkan tetapi itu yang saya katakan tadi, saya tidak mahu mengungkit sekolah vernakular, saya tidak mahu. Itu hak masing-masing. Saya cuba unguatkan kalau perkara ini tidak boleh difikirkan oleh kita yang sudah berumur ini dan keras kepala otak ini, otak kita. *[Ketawa]*

Saya mengharapkan anak-anak kita esok boleh berfikir, cucu kita boleh berfikir. Kita harap satu hari, *all Malaysians are equal*. Itu harapan saya satu hari kelak tetapi mesti berteraskan pada prinsip-prinsip tertentu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bukan sahaja... *[Disampuk] Thank you*, terima kasih Yang Berhormat. Saya diberi buku... *[Memegang sebuah buku]* Oleh Yang Berhormat Dato' Sri Shahidan, "*The Colour of Inequality*". *Thank you Sir*. Saya minta maaf ya, saya agak- ini bukan emosi tetapi saya rasa tadi inilah. Saya hendak berkait dengan sekolah-sekolah vernakular tadi. Minta maaf. Saya bukan marah, tidak. Saya mengatakan tadi apabila Yang Berhormat bertanya UEC. UEC ini adalah untuk mengiktiraf lulusan-lulusan sekolah Cina. Apa yang kita persoalkan, untuk pengetahuan rakan-rakan semua. Ada beberapa sekolah Cina yang *private*, SMP(C). Mereka menggunakan kurikulum, silibus 70%, bahkan *more than that, very Chinese*. Mereka mengambil contoh-contoh sejarah dan lain-lain juga, *very Chinese*. Adakala kita *check* dalam itu *insult* orang Melayu dan Islam *and we do not like it*. *You must understand our feelings, because this is our country. We are together, we are Malaysians*. Apa perasaan kita? Itu sebab kita jadi macam ini. Bukan pasal kita hendak cari gaduh, tidak. *We want to be with you*.

■1640

Saya baru-baru ini di Terengganu, saya makan di *Chinese Restaurant* saya nampak ada dua gadis Cina pakai baju kurung dan saya terdengar mereka cakap Melayu. Di sini lahirnya cinta. Saya dengar dia cakap Melayu, saya terus jatuh cinta. Bukan jatuh cinta hendak kahwin, takkan dia hendak saya pun. Dia tidak hendak pun. Akan tetapi sebab saya tengok dia cakap Melayu pakai pula baju kurung, ya Allah kalau aku ini muda lagi aku petik, "*Amoi, please marry me, wo ai ni.*" *[Ketawa]* Akan tetapi tidak ada *chance*, memang dia tendangnya saya kalau saya cakap macam itu. Maksudnya perasaan itu, kita hendak tidak kisah kita bangsa apa, kita sepatut- kita sama, kita abang adik yang sebenarnya. Akan tetapi kita mesti mengikut prinsip-prinsip Perlembagaan. Itu yang penting yang mesti difahami semua rakyat Malaysia pada hari ini.

Apakah perasaan saya apabila kita bercakap tentang patriotisme, ada pula masyarakat tertentu dalam Malaysia ini ingin mengeluarkan buku sejarahnya sendiri. Pada buku sejarah ini juga banyak ditulis oleh rakan-rakan kita kaum Cina dan India yang asli, yang asal dan autentik. Khoo Kay Kim salah seorangnya. Buku sejarah Tanah Melayu ini banyak ditulis oleh Orang-Orang Putih dan orang Melayu tidak pernah pengaruh mereka. Itu buku sejarah patut kita pakai.

Mengapa pada hari ini hendak diputarbelitkan buku sejarah? Apa perasaan orang Melayu? Ini kerana telah terkena di negara *Singapore*. Kita tahu apa akan berlaku di buku sejarah yang baru ini. Kita *diprovoked* lagi. Sampai bila perkara ini kita hendak *stop? Stop it*. Saya mengharapkan kerajaan dan pihak yang berwajib tegas dalam perkara ini. Jangan benarkan sama sekali, untuk kepentingan negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan, kerajaan akan melaksanakan seperti yang tercatat dalam buku bajet, program Transformasi Vokasional dan Teknikal. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, bidang kemahiran cukup penting di dalam memastikan sebuah negara itu boleh menjadi negara maju

ataupun tidak. *Singapore* contohnya, sektor kemahiran ialah 52.8% dalam bahagian sektor kemahiran, *graduate* mereka. Di Malaysia kita hanya 28%. Kita cukup rendah. Akan tetapi saya rasa polisi kerajaan kena diperkukuhkan untuk mengatakan bahawa kita benar-benar meletakkan bidang ini sebagai bidang yang sama tarafnya dengan bidang akademik.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahkan saya merayu pihak kementerian dan kerajaan mempercepatkan penubuhan *Malaysian Board of Technologies* (MBoT), telah dipohon beberapa tahun hingga ke hari ini tidak ada jawapan. Ini penting kerana kita di Malaysia kita telah mewujudkan empat *universities technologies*. Akan tetapi malangnya, anak-anak kita yang membuat kursus *engineering* di empat universiti ini tidak diiktiraf sama setaraf dengan *graduate engineering* daripada universiti akademik. Padahal mereka punya kelulusan sama, kelayakan yang sama. Disebabkan mereka tidak diiktiraf oleh *Institute of Engineers*.

Maka kita mengharapkan permohonan kepada kerajaan telah dibuat begitu lama, ya kita mengharapkan kelulusan penubuhan MBoT ini dapat diteruskan, dibuat dengan cepat. Ini kerana MBoT ini juga akan memastikan kedudukan institusi-institusi vokasional dan teknikal seperti politeknik, IKM, kolej komuniti dapat diperkukuhkan lagi. Maka anak-anak yang belajar di tempat-tempat ini termasuk di *community college* akan dapat melanjutkan pelajaran di peringkat universiti...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mohon mencelah sedikit? Tuan Yang di-Pertua boleh? Saya tertarik dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim tadi tentang pengiktirafan MBoT itu. Boleh tidak saya tahu, bila atau sudah berapa lama cadangan untuk pengiktirafan itu dikemukakan? Apa jawapan yang Yang Berhormat terima setakat ini?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya diberitahu perkara ini telah pun dibawa beberapa tahun. Pihak JPA telah meluluskan tetapi pihak badan profesional mempunyai masalah. Dikatakan tidak selari dengan beberapa akta tertentu. Pada saya ia tidak ada masalah. Ini perkara kecil.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua minit lagi, gulungkan ya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey. Macam mana dua minit ini. Okey, saya akan laju. Okey itu MBoT saya merayu supaya dipercepatkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada pihak kerajaan, Kementerian Pendidikan kerana baru-baru ini telah mewujudkan satu *centre*, pusat *Accounting Professional* di UiTM. Seperti yang kita ketahui, bidang profesional ini cukup penting dalam pembangunan negara dan malahan pada hari ini kalau kita lihat contohnya bidang *Professional Accountancy, the registered profession accountant*, orang Melayu hanya 8%. Saya pun merasa hairan dikatakan 8% - diharapkan pada tahun 2020 ia akan mencapai ke tahap 25%. Sebagai visi UiTM selama ini, saya rasa ia tidak akan dapat tercapai jika sekiranya kita tidak buat langkah-langkah yang lebih agresif.

Pertama, mencadangkan lebih banyak pusat ini didirikan di Malaysia ini. Kedua, kalau boleh berikan biasiswa kepada pelajar-pelajar ini. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar

yang membuat *accountancy* di UiTM contohnya adalah pelajar-pelajar yang cukup baik. Di peringkat SPM tidak kurang daripada 5A, bukan lima kredit ya, 5A, 8A *very common*. Di peringkat CGPA tidak kurang daripada 3.5. Jadi apa salahnya kita memberi biasiswa dan ini juga adalah tidak lari daripada Perlembagaan negara kita, ia untuk memberi peluang kepada golongan yang terkebelakang ini dalam bidang ini. Ia untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat profesional seperti ACCA, MICPA, CPA dan lain-lain.

Keduanya saya mencadangkan pastikan kelulusan ataupun *entry requirement* hanya mereka yang layak masuk universiti sahaja masuk universiti. Saya dapat berita banyak budak-budak yang tidak layak dengan tiga kredit, *maths* tidak ada kredit, *English* tidak ada kredit masuk universiti. Budak 6A, 7A tidak dapat masuk universiti. Ini satu langkah yang cukup tidak bijak. Ini kerana budak-budak yang tiga kredit tadi, yang tidak ada *maths*, tidak ada *English* bagaimana mungkin mereka dapat berjaya. Akan tetapi budak-budak macam ini yang sepatutnya kita bantu dan sokong.

Keduanya, saya juga- tadi saya kata *professional accountancy*, saya terima kasih. Baru-baru ini saya melihat Program MDAB atau Mengubah Destini Anak Bangsa UiTM. Saya merasa terkilan kerana program ini saya anggap telah menurunkan standard UiTM. Persepsi negatif terhadap UiTM dan kualiti produk UiTM kelak. Ini kerana kemasukan *entry requirement* cukup rendah. Walhal kita mempunyai pemohon-pemohon yang 6A, 7A. Dengan itu, saya ingin bertanya beberapa soalan. Pertama, apakah syarat minimum untuk membolehkan seorang pelajar menyertai Program Mengubah Destini Anak Bangsa yang dianjurkan oleh UiTM? Berapa ramaikah pelajar yang telah terlibat? Berapakah kos yang terlibat bermula dari penubuhannya sehingga sekarang?

Kedua, berapa ramai dan *percentage* pelajar-pelajar dari Program Mengubah Destini Anak Bangsa ini berjaya meneruskan ke program diploma dan saya hendak melihat *figure* dari semester satu sampai semester enam kejayaan mereka, dari segi jumlah dan *percentage* tiap-tiap semester daripada tiap-tiap kampus cawangan. Ketiga, berapa ramaikah pelajar dan *percentagenya* yang telah berjaya mencapai kelulusan cemerlang di peringkat diploma? Berapa ramaikah yang telah melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda? Saya bertanya demikian kerana saya hendak tahu. Kalau kos yang terlampau tinggi telah pun diberikan tetapi *outcomenya* tidak *compensate* dengan kos yang diberikan, maka kita kena lihat kembali. Sewajarnya budak-budak yang kurang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta kerjasama Yang Berhormat untuk menggulung. Sudah melebihi had masa yang diberi pada Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat gulungkan?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey. Maka saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat *conclusion* sahaja. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Belum lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, sebab bila sudah, saya ini menggelabah sebab masa tidak cukup. Saya takut tidak sampai apa yang saya nak katakan.

■1650

Pertama saya hendak katakan tadi dari segi anak bangsa ini, cuma bukan saya hendak kata – tetapi salurkan pelajar-pelajar ke tempat yang lebih sesuai. Dimasukkan ke kolej, IKM, politeknik, bukan masuk universiti. Itu yang saya hendak katakan. *I'm not against it* tetapi salurkan agar jangan membazir kerana saya dapati dari segi kelulusan sampai ke *degree* dan diploma adalah cukup rendah, *I can prove it*.

Seterusnya *conclusion* saya Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang kita hadapi di Malaysia ini, saya rasa ialah masalah sikap dan minda kita keseluruhannya. Kalau daripada segi falsafah politik, kita selalu bercakap daripada segi pentingnya revolusi kognitif, Senu Abdul Rahman dengan revolusi minda, kita mengatakan revolusi kognitif dan kita juga mengatakan *the thinkers are architect of society*. *Thinkers*, pemikir, *they are architect of society*

Pemikir bagaimana? Ini kerana orang gila pun boleh berfikir. Saya maksudkan berfikir dengan waras berteraskan kepada dunia yang dipijak berlandaskan kepada ilmu pengetahuan, berlandaskan kepada fakta yang benar, bukan berlandaskan kepada emosi. Kalau itu dapat kita terapkan dan kita berjaya sebagai pemikir, *architect of society*, saya percaya semua rakyat Malaysia akan dapat duduk bersama, berfikir sama-sama untuk memastikan negara kita ini akan terus maju. Tadi saya katakan, kita salah satu negara yang cukup maju, kita hendak majukan lagi. Kita hendak mencapai negara maju 2020 tetapi kita kena berfikir dengan betul. *We are the architect of society irrespective* kita ini bangsa Melayu ataupun bukan Melayu. *We are Malaysian, we are together*.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sekian, terima kasih. Saya dengan ini mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim dan selepas itu diminta Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan untuk bersedia. Silakan.

4.52 ptg.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan Yang Terutama ya, Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Harap mulut masin, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh jadi itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya menyejukkan sedikit keadaan. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan ucapan Bajet 2015 yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat, 10 Oktober baru-baru ini dan diulas oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pagi tadi.

Bajet 2015 ini seiring dengan tahun berakhir Rancangan Malaysia Kesepuluh yang berkuat kuasa dari tahun 2011 hingga tahun 2015. Bajet ini juga merupakan landasan kepada RMKe-11 yang bermula pada tahun 2016 sehingga tahun 2020 yakni tahun keramat bagi Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

Secara amnya, ekonomi negara sekarang berada di landasan yang betul. Saya melihat *success story* ini dengan izin daripada lima aspek iaitu:

- (i) pertumbuhan KDNK kita masih berterusan dengan pertumbuhan daripada 4.7 peratus pada tahun 2013 kepada 6.1 peratus bagi tiga suku pertama tahun 2014 iaitu yang tertinggi di antara negara-negara ASEAN;
- (ii) pendapatan purata isi rumah telah meningkat kepada RM5,900 sebulan pada tahun 2014 dengan pertumbuhan sebanyak 7.9 peratus setahun daripada RM4,025 sebulan pada tahun 2009;
- (iii) harga terkini pada 14 November 2014 menunjukkan rizab antarabangsa kita sebanyak RM414.5 bilion di mana paras ini boleh membiayai 8.7 bulan import tertanggung yang merupakan satu paras yang sihat;
- (iv) paras pelaburan langsung asing atau FDI sebanyak RM38.8 bilion pada tahun 2013 bersamaan peningkatan 25 peratus daripada tahun sebelumnya dan jika dibandingkan dengan 10 tahun dahulu, angka ini mencecah lebih empat kali ganda; dan
- (v) indeks komposit Bursa Saham Malaysia sekarang telah melepasi paras 1,800 mata.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib atas pencapaian yang kita semua banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat akan turut membahaskan Bajet 2015. Oleh sebab itu, saya ingin memberikan pandangan mengenai impak isu semasa sahaja yang bersangkutan paut dengan Bajet 2015.

Pertama, isu GST. Sewaktu membentangkan Bajet 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan supaya GST akan dilaksanakan pada 1 April 2015. GST akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan dan bertujuan menjadikan sistem percukaian negara lebih efektif, efisien, telus dan mesra perniagaan. Dalam usaha yang berterusan untuk mengurangkan defisit fiskal negara daripada 3.5% KDNK pada tahun 2014, GST akan memainkan peranan penting dalam memastikan Malaysia mencapai belanjawan seimbang menjelang tahun 2020. GST adalah salah satu cara utama dalam mengukuhkan kemampuan status kewangan negara.

Daripada ucapan Bajet 2015 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, saya amat menyokong dengan keprihatinan kerajaan untuk memperluaskan skop barangan yang tidak dikenakan GST seperti ke atas semua jenis buah-buahan import dan tempatan, roti putih dan roti *wholemeal*, serbuk teh, kopi dan koko, mi dan kuey teow, 2,900 ubatan penting nasional dan bahan bacaan seperti surat khabar. Di samping itu, GST juga tidak dikenakan bagi 300 unit elektrik pertama,

dinaikkan daripada 200 unit pertama yang dicadangkan dahulu iaitu yang akan memanfaatkan 70% daripada isu rumah Malaysia.

Walaupun sistem cukai GST ini adalah satu sistem yang lebih baik dan adil berbanding dengan sistem cukai sedia ada, masih ramai tidak memahami kebaikan dan kepentingan GST terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Sistem GST ini adalah satu sistem percukaian progresif yang boleh membantu kita memperluaskan pendapatan negara di samping membantu rakyat untuk mengurangkan kos perniagaan, meningkatkan pemantauan pentadbiran cukai, memberikan kesaksamaan dan menjadikan harga lebih berpatutan kepada penggunaannya.

Tidak perlulah bagi saya untuk mengupas faedah-faedah GST yang sudah kita maklum melalui saluran-saluran media dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan agensi-agensi yang lain. Akan tetapi ingin saya sarankan bahawa dengan pelbagai usaha dan publisiti mengenai GST, masih ramai lagi yang keliru dan tidak faham. Tambahan pula, dengan tindakan sesetengah pihak yang memutar belitkan dan menanam kebencian terhadap kerajaan ekoran pelaksanaan sistem tersebut semata-mata untuk mendapat kepentingan politik. Ini adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Saya sedih dengan keadaan ini kerana hakikatnya kerajaan sentiasa berusaha bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Izinkan saya mencadangkan mungkin kita perlu satu pendidikan yang lebih efektif untuk memberikan maklumat yang memuaskan hati rakyat agar mereka faham betul-betul sistem GST dan memberi keyakinan bahawa GST tidak akan membebankan mereka terutamanya kepada golongan luar bandar yang kurang mendapat pendedahan sewajarnya sebelum ini.

Saya diberitahu di peringkat akar umbi bahawa *roadshow* yang selalu diadakan adalah di kawasan-kawasan bandar dan kurang diadakan di kawasan-kawasan kampung.

■1700

Bukan sahaja itu, mungkin pendekatan untuk menyampaikan maklumat patut diubahsuai mengikut kesesuaian penduduk setempat. Contohnya janganlah pergi ke kampung saya Salor di Kelantan dan cakap pasal GST dan kesannya kepada harga komputer atau harga kos bangunan teknologi hijau. Cakaplah pasal harga baja atau mesin pajak atau mesin industri SME yang lebih relevan kepada kerja seharian penduduk di situ. Saya yakin jika pendekatan yang lebih efektif dilaksanakan, rakyat akan lebih berkeyakinan dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan GST bagi kebaikan kita semua. Tidak hairanlah mengapa 90% daripada negara di seluruh dunia telah mengguna pakai sistem GST ini dan telah terbukti berjaya serta diterima dengan baik oleh rakyat negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah isu perumahan. Tahniah diucapkan kepada kerajaan atas usaha yang berterusan untuk meningkatkan kebolehan rakyat memiliki rumah untuk didiami dengan selesa bersama dengan infrastruktur yang lengkap. Bajet 2015 melihatkan pelbagai program pemilikan rumah diteruskan dan diperkukuh dengan peruntukan yang diberi melalui agensi-agensi kerajaan seperti:

- (i) RM1.3 bilion untuk pembinaan 80 unit perumahan oleh PR1MA;

- (ii) RM644 juta untuk Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh Jabatan Perumahan Negara;
- (iii) 12,000 unit Rumah Mesra Rakyat dan 5,000 unit Rumah Idaman Rakyat serta 20,000 unit Rumah Aspirasi Rakyat oleh SPNB.

Kesemua ini adalah usaha kerajaan untuk mencapai sasaran 1 juta unit rumah dibina oleh sektor awam dan sektor swasta sehingga tahun 2016 untuk dimiliki oleh rakyat Malaysia. Dua skim baru juga diperkenalkan iaitu Skim Pembiayaan Sewa Beli atau *rent to own* untuk mereka yang tidak berupaya untuk mendapat pinjaman bank.

Kedua Skim Perumahan Belia diumumkan secara perkongsian di antara kerajaan Bank Simpanan Nasional, KWSP dan Cagamas untuk belia berkahwin berumur 25 tahun hingga 40 tahun dengan pendapatan isi rumah maksimum RM10,000 untuk membeli rumah sehingga RM500,000 di mana RM200 sebulan akan diberikan untuk meningkat beban selama dua tahun.

Di samping itu, syarat-syarat kelayakan pendapatan isi rumah juga dinaikkan daripada RM8,000 pendapatan maksimum sebulan kepada RM10,000 dan kebanyakan harga siling bagi program perumahan ialah dinaikkan daripada RM400,000 kepada RM500,000 bagi membolehkan lebih ramai lagi rakyat memiliki rumah yang selesa dan berada dalam kawasan yang lebih strategik. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib di atas usaha-usaha kerajaan tersebut. Cuma saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Adam tadi. Masalah perumahan ini kawal seliaan kurang baiklah. Kita ada Yang Berhormat Menteri Perumahan, tetapi macam-macam kementerian yang diberi peranan untuk perumahan ini. Misalnya SPNB di bawah Menteri Kewangan, PR1MA di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pasal apakah masalah perumahan tidak diberi kerjanya kepada satu kementerian iaitu kepada Kementerian Perumahan supaya ia dapat dikawal selia dan dijalankan dengan secara keseluruhan.

Izinkan saya membuat- saya akan tapi kita harus maklum isi perumahan rumah masih berleluasa dan semakin lama semakin ramai rakyat yang jatuh ke dalam jurang *affordability guard* iaitu kemampuan belian ini. Izinkan saya membuat beberapa congakan mengenai bilangan rumah yang kita perlukan untuk negara kita. Jabatan Perangkaan menganggarkan jumlah populasi pada tahun 2014 ialah 30,261,700 orang dan jika dibahagikan dengan purata 4.5 juta orang bagi setiap isi rumah, kira kita menganggarkan pada 6,724,822 bilangan isi rumah di negara kita sekarang. Jabatan Pengenaln dan Perkhidmatan Harta pula menganggarkan ada sejumlah 4,729,328 buah rumah di seluruh negara iaitu tidak termasuk rumah kampung, rumah setinggan atau rumah sementara. Ini bermakna kita kekurangan sebanyak hampir 1.96 juta buah rumah.

Ada perbezaan bilangan sebanyak hampir 1 juta rumah di antara bilangan rumah yang diperuntukkan dan rumah yang disasarkan buat masa sekarang dan bilangan ini akan menjadi semakin besar. Semalam saya berkesempatan menghadiri majlis *Khazanah Global Lectures 2014* bersama dengan *Mayor London*. Semua kata di London katanya sementara kerajaan terus membina Rumah Mampu Milik melalui *Council Housing*, pihak swasta juga memberi sumbangan yang banyak menampung pembinaan Rumah Mampu Milik. Dalam negara kita untuk merapatkan jurang perbezaan

permintaan perumahan dan penawaran rumah, saya mengesyorkan bahawa kerajaan harus melihat kembali polisi-polisi dan syarat-syarat pemaju perumahan supaya kita tidak sahaja tertumpu membina rumah-rumah kos rendah tetapi membanyakkan juga peruntukkan untuk pembinaan Rumah Mampu Milik di dalam kemajuan-kemajuan perumahan yang baru.

Dasar yang lazimnya dikenakan kepada pemaju perumahan adalah 30% daripada jumlah unit rumah mesti dibina sebagai rumah kos rendah. Dasar ini telah berjaya walaupun tidak sepenuhnya memberi peluang kepada rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah. Masalah yang dihadapi sekarang ialah untuk memenuhi permintaan rumah kos sederhana murah dan kos sederhana di antara RM150,000 hingga RM500,000 untuk mereka yang berpendapatan di antara RM2,500 hingga RM10,000 sebulan. Sudah ada beberapa negeri yang telah pun menukar polisi tersebut kepada 20% kos rendah, 20% kos sederhana rendah, 10% kos sederhana dan ada sehingga 10% kos rendah dan 40% kos sederhana dan mampu milik. Saya menyokong penuh perubahan polisi dan syarat pemajuan perumahan seperti ini yang menitik beratkan bilangan rumah kos sederhana dan rumah mampu milik.

Saya sedar akan perihal pentadbiran hartanah jatuh kepada urus tadbir sesebuah negeri. Cuma yang saya ingin mencadangkan melalui Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin instrumen-instrumen khas boleh diwujudkan untuk menyelaras syarat-syarat bilangan rumah kos rendah, kos sederhana rendah, kos sederhana dan rumah mampu milik mengikut negeri-negeri atau kawasan-kawasan tertentu sebagai satu panduan yang relevan bagi pasaran dan permintaan kawasan-kawasan tertentu.

Juga saya sokong penuh saranan Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan supaya kerajaan negeri tidak lagi mengguna peraturan yang memberi peluang kepada pemaju hartanah membayar penalti sekiranya gagal memenuhi kuota rumah kos rendah dan kos sederhana murah seperti ditetapkan dalam setiap projek perumahan yang dilaksanakan.

Sekiranya fenomena ini dibiarkan berterusan semakin sedikitlah rumah sederhana murah dan mampu milik dibina. Lebih membimbangkan apabila masih ada peraturan yang memberi kelonggaran kepada pemaju untuk membina rumah kos tinggi sebelum membina rumah kos rendah dan sederhana rendah. Ada pemaju yang mengambil kesempatan ini untuk melengahkan pembinaan rumah kos rendah setelah meraih untung besar dengan membina rumah kos tinggi.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, dalam strategi keempat Bajet 2015, untuk memperkasa agenda bumiputera, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan bahawa semua perancangan serta dasar ekonomi Melayu dan bumiputera oleh kerajaan telah digubal berasaskan perhitungan komposisi masyarakat dan telah lama diterima pakai sebagai kontrak sosial oleh semua rakyat Malaysia, dilindungi dan dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, agenda ekonomi bumiputera merapatkan jurang ketidaksamaan adalah agenda nasional. Apatah lagi menjelang 2020, bilangan Melayu dan bumiputera akan mencecah lebih 70% daripada rakyat Malaysia. Dasar Ekonomi Baru yang telah diperkenalkan selepas tragedi 1969, telah menyasarkan pemilikan

ekuiti bumiputera sebanyak 30% sekurang-kurangnya. Namun begitu 24 tahun selepas pelaksanaan DEB berakhir, kita kembali kepada mendengar keluh-kesah dan gundah-gulana masyarakat Melayu, kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Pada hari ini dalam kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah, 75.5% adalah bumiputera. Dalam ucapan Bajet 2015 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut *effective control* oleh bumiputera ke atas syarikat korporat hanya pada sekadar 10%.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya hanya hendak minta pandangan Yang Berhormat sebab-sebab kegagalan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang berfalsafahkan membasmi kemiskinan dan menstrukturkan kembali masyarakat itu, apa agaknya menyebabkan sasaran itu tidak tercapai. Banyak orang mengatakan antaranya Dasar Ekonomi Baru telah melahirkan di kalangan orang Melayu, Si Tanggang-Si Tanggang baru, orang-orang Melayu tidak bersyukur atas apa yang mereka terima, itu satu.

Kemudian di pihak lain pula, satu golongan yang cuba menghalang pelaksanaan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru itu yang tidak mahu merubah status quo dan seorang penulis berbangsa Cina menyebut dan menamakan mereka ini sebagai kiasu. Jadi pada pandangan Yang Berhormat sebagai seorang yang mahir di dalam bidang hartanah, apa agaknya yang menyebabkan termasuk barangkali kerana peranan yang diubah, peranan-peranan UDA yang diubah atau yang dimansuhkan atau sebab-sebab yang lain. Oleh sebab saya rasa dalam memperkasakan bumiputera seperti satu agenda di dalam bajet ini, kita harus mempelajari sebab-musabab kegagalan Dasar Ekonomi Baru tahun 70-an itu. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Sebelum saya menjawab Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan ketibaan rombongan delegasi seramai 20 orang yang sedang mengikuti Persidangan Dewan ketika ini. Mereka terdiri daripada Pergerakan Pemuda Kimma Malaysia mewakili suara orang muda. Selamat datang saya ucapkan kepada ahli-ahli rombongan ke Dewan Negara pada hari ini. *[Tepuk]*

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, terima kasihlah Yang Berhormat Profesor, yang sebenarnya jawapannya sekejap lagi. Saya akan bagi ulasan berhubung dengan jawapan itu. Terima kasih. Saya izin meneruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat. Saya cuma ingin mengingatkan Yang Berhormat ada empat minit lagi. Yang Berhormat ada empat minit lagi.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Empat minit, sekejap lagi, Tuan Yang di-Pertua. Bolehlah saya ingat empat campur lima. Dalam ucapan Bajet 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut *effective control* oleh bumiputera ke atas syarikat-syarikat korporat hanya di sekitar 10%. Oleh yang demikian, empat tindakan yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu meningkat pemilikan ekuiti bumiputera, memantapkan keusahawanan

bumiputera, membangunkan modal insan dan menambah tabung untuk PSK bumiputera amatlah dialukan.

Walau bagaimanapun saya ingin membuat peneguran sedikit untuk menambah baik apa yang dirancang sekarang. Izinkan saya mencadangkan tiga perkara. Pertama dasar. Apabila satu-satu dasar digubal, saya harap ianya tidak di benar di gelincir daripada hasrat asal dasar itu, yang klasik *exemplenya* ialah apabila kita tubuh UDA dalam tahun 1971 dahulu, matlamatnya ialah untuk menambah pemilikan harta bumiputera termasuk hartanah perdagangan istimewa pula dalam bandar-bandar besar. Maka apabila UDA ditubuhkan kemudahan dengan kemudahan yang diberi termasuk tanah-tanah kerajaan, UDA telah menjadi satu entiti yang mendapat banyak keuntungan. Tiba-tiba UDA Holdings di *privatize* dan telah disenaraikan di Bursa Saham. Jadi terkuburlah matlamat asalnya.

Hari ini pemilihan hartanah perdagangan bumiputera hanya 7.58% sahaja dan hartanah industri bumiputera hanya 2.37%. *Alhamdulillah*, UDA sekarang sudah di *listed* tetapi saya tidak tahulah berapa lama UDA mengambil masa untuk mencapai sasaran matlamat asalnya. Saya percaya pengurusan UDA sekarang yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Datuk Johari, jika diberi peluang dan mandat yang sewajarnya serta modal yang penuh dan mencukupi akan dapat menjayakan agenda nasional ini.

Kedua sumber kewangan. Kepada setiap ahli perniagaan perkara yang menjadi nombor satu untuk memulakan satu atau membesarkan satu-satu perniagaan ialah sumber kewangan, kita sedar dan kita terima. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang telah membuat beberapa inisiatif memperuntukkan bermillion-million bahkan berbilion-bilion ringgit dana-dana khas melalui TERAJU, Ekuinas serta beberapa bank perdagangan untuk bumiputera. Akan tetapi saya tidak yakin ianya dapat betul-betul memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga bumiputera secara besar-besaran. Ini kerana dalam pengalaman saya, apabila kita *approach* bank-bank ini proses untuk pinjaman adalah sama, *viability*, cagaran dan pengalaman.

Kalau ketiga-tiga kriteria ini dipenuhi tidak payahlah kita hendak mendapat kemudahan daripada dana-dana yang disediakan. Kita pergi ke mana-mana bank pun pasti kita dapat pinjaman. Apa yang saya hendak utarakan dalam hal ini ialah sekitar kira-kira 40-50 tahun dahulu hasil dari kongres bumiputera kita telah tubuhkan satu bank iaitu Bank Bumiputera. Kepada saya Bank Bumiputera telah mendapat kejayaan dari segi memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga bumiputera dan melatih dan *produce many, many, many*, dengan izin, *Malay bankers*.

Bukan itu sahaja ianya telah dapat membuka cawangan sehingga ke New York, London dan sebagainya. Saya faham bahawa semasa kita membuat bank *merges* dalam tahun 70-an, Bank Bumiputera telah disatukan dengan bank lain, tetapi yang menyedihkan bank yang telah banyak berjasa kepada peniaga bumiputera dihapuskan dan saya juga faham sebab utamanya ialah Bank Bumiputera pada masa itu mempunyai beberapa masalah.

Akan tetapi kalau bank terbesar seperti Merrill Lynch dan Citibank bahkan *Malayan Banking* sendiri pun mengalami masalah, bukankah masalah ini boleh diatasi dengan penukaran pengurusan dan *restructuring*. Dengan peredaran masa dan kepentingan hari ini saya minta hidupkanlah kembali Bank Bumiputera supaya dana-dana diperuntukkan di salur melalui bank ini [*Tepuk*] Dengan

pengurusan yang cekap dan yang dapat memenuhi salah satu daripada strategi Bajet 2015 iaitu memperkasakan agenda bumiputera.

■1720

Masalah ketiga ialah masalah kawal seliaan. Sementara kita semua berterima kasih di atas segala inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan untuk memperkasa ekonomi bumiputera, saya masih ragu setakat mana efektifnya kawal seliaan untuk memastikan semua perancangan di agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang bertanggungjawab memenuhi kehendak dan matlamat murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita misalnya kepada siapakah peniaga-peniaga bumiputera hendak mengadu untuk mendapat pertolongan? Tidakkah sudah sampai masanya untuk kita memikir supaya seorang Menteri dilantik dengan tugas-tugas khas khusus untuk memastikan agenda ialah iaitu satu agenda yang telah diakui menjadi agenda nasional dapat direalisasikan. Menteri yang dilantik inilah yang boleh menjadi tempat rujuk kepada peniaga-peniaga bumiputera.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat izinkan saya akan potonglah masa Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Sedikit sahaja. Penting, penting. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya pun nak habis dah ini, lima minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat, masa Yang Berhormat berbahas nanti Yang Berhormat boleh masukkan ya dalam perbahasan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Sekejap sahaja. Ini berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan pasal bumiputera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi, apakah kiranya Tan Sri boleh bangkitkan dalam persoalan Tan Sri kepada pihak kerajaan kerana soal kepentingan bumiputera ini dalam konteks bank sepatutnya tidak timbul kerana lima buah bank dalam konteks negara kita ini dimiliki oleh GLC yang sepatutnya membawa kepentingan bumiputera. Contohnya, CIMB, Khazanah, RHB, EPF, Bank Islam, Tabung Haji dan dua lagi Affin Bank dan LTAT. Jadi, ini semua sepatutnya membawa aspirasi bumiputera. Apa pandangan Tan Sri berkenaan ini? Apakah kita perlu wujudkan bank lain pula?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawab secara ringkas Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ya secara ringkas tetapi bagi saya lima minit lagi untuk gulung?

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Dua minit sahaja? Kalau saya nak jawab ini dah satu minit. Seperti yang saya kata tadi, kita bagi bank-bank ini spesifik tabung tetapi seperti yang saya kata, pergi kepada bank sana, kriteria dia sama. Saya tahulah, saya orang meniaga. Saya pergi ke RHB yang mempunyai- saya ingat RM700 juta untuk ini, adakah dia kata saya bagi syarikat saya, saya ini kononnya konsultan hartanah dan nak bagi tahulah syarikat saya, saya fikir salah satu daripada yang termaju dan sehingga sekarang 40 tahun masih 100% bumiputera. *[Tepuk]*

Akan tetapi apabila saya kata sana, “*Saya nak bagi, lembaga pengarahnya saya sendiri*”. Oh! Dia kata, “*Kita tak boleh consider sebab Dato’ tidak mempunyai pengalaman dalam pembinaan rumah*”. Padahal saya yang memberi *advice* kepada pemaju-pemaju lain.

Jadi, saya pun pergi ke Public Bank. Public Bank bagi pinjam kepada saya dalam masa dua minggu sahaja. Jadi, tak gunalah ada peruntukan seumpamanya ini kalaulah orang yang menguruskan bank itu tidak mempunyai hasrat untuk memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga bumiputera yang asalnya tabung itu diberi. Itu yang saya nak katakan. Jadi Bank Bumiputera dulu, saya nak cerita, bolehlah sedikit. Mintalah izin sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tan Sri Dato’ Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya nak cerita Bank Bumiputera dulu. Apabila Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah nak jadi *Finance Minister*, saya pun buat keputusan nak berniaga sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Akan tetapi kalau teruskan, tengoklah sebelah sini.

Tan Sri Dato’ Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih, terima kasih. Minta maaf. Jadi, saya kata saya nak berniaga. Tengku Razaleigh kata, “*Ada duit kah Rahim?*” Saya kata “*Orang muda adalah RM10,000*”. Mana RM10,000 nak boleh berniaga. Oleh sebab itu *on the spot* dia bagi saya *overdraft* RM30,000 tanpa cagaran dan saya dah bayar balik pun sebab *viability* nya ada tetapi kalau bank sekarang ini, kalau pun *viability* itu ada, cagaran tak ada, tak boleh. Jadi tidak adalah perkiraan ataupun perbezaan di antara pergi dekat bank-bank yang dapat tabung yang begitu banyak ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit Yang Berhormat.

Tan Sri Dato’ Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Dua minit, okey dua minit tetapi Yang Berhormat Menteri pun suruh saya bawa satu perkara lain lagi... [*Disampuk*] Okey, Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya, akhir sekali. Saya nak menyentuh sedikit tentang masalah rasuah, masalah pendatang haram dan masalah tanggungjawab ahli-ahli politik dan penjawat perkhidmatan awam kepada rakyat. Di bawah topik penambahbaikan perkhidmatan awam.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan akan menambahbaikkan lagi 252 skim perkhidmatan sedia ada untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Sementara kita semua berterima kasih kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam, saya ingin mengingatkan kita semua tragedi yang berlaku di Cameron Highlands baru-baru ini.

Cameron Highlands ditawan. Mereka bebas melakukan apa sahaja, segala pekerjaan. Mereka lakukan seolah-olah negara kita tiada undang-undang bagi mengawal pendatang haram. *The worst is yet to come, warns environmentalist*, dengan izin. Inilah di antara paparan di dalam surat khabar berhubung dengan apa yang telah terjadi, sedang terjadi dan akan terus terjadi kalau kita tidak bertindak tegas di satu kawasan yang tersohor sebagai satu tempat percutian yang dapat rakyat Malaysia berbangga semenjak pemerintahan British dan semasa kita di bangku sekolah dahulu.

Akhbar *Utusan Malaysia* melaporkan jumlah warga asing di tanah tinggi itu mencecah 30,000 orang yang termasuk 15,000 pendatang tanpa izin. Fenomena ini amatlah menyedihkan kita semua dan keseluruhannya Ahli Dewan Negara hendak mempersoalkan apakah agensi-agensi dan pegawai-pegawai yang terlibat tidak mengetahui perkara ini? Adakah mereka hanya sedar apabila rakyat kita kehilangan nyawa baru mereka sedar? Undang-undang manakah yang digunakan bagi menghalalkan warganegara asing berniaga? Apakah peraturan yang membolehkan mereka memiliki kebun?

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat, gulung.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Nak gulung dah. Bolehkah Ahli-ahli Dewan Negara nak sentuh, bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara, patik mengambil kesempatan merafakkan sembah.

Beberapa Ahli: Patik? Patik?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Dengar dahulu. Merafakkan sembah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang kerana telah mencemar duli melawat kawasan yang terlibat dan mengarahkan pihak dan agensi yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang telah menyalahgunakan kuasa. Memastikan Cameron Highlands tidak lagi dikuasai oleh pendatang-pendatang haram serta kerja-kerja pemulihan dimulakan dengan segera. Saya tinggal satu *paragraph*, saya nak bawa satu perkara lagi.

Baru-baru ini Dewan Rakyat telah tidak meluluskan usul untuk menambah elaun kita dan sekarang dia... [*Disampuk*] Teruslah boleh? Sekarang dia kata kita *look back*, kita berbincang kembali. Sepatutnya sebelum bawa ke Dewan Rakyat, bincanglah dulu dan kita semua ini adalah mereka yang terlibat. [*Tepuk*] Dulu ada jawatankuasa yang telah dibuat. Saya masuk jawatankuasa itu tetapi dengan semena-mena jawatankuasa itu Yang Berhormat Menteri, tak ada dah. Tak ada mesyuarat, tak ada apa. Tiba-tiba dia bawa sahaja ke Dewan Rakyat. Dahlah macam itu, mereka nak tolak pula.

Seorang Ahli: Pengerusi ialah Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Itulah susah tetapi saya haraplah sebelum dia bawa dalam bulan Mac ini, panggillah kita semua, bincanglah. Tubuhlah jawatankuasa, tentukan apa. Kita bukan nak banyak, hanya yang berpatutan sahaja bukan?

Beberapa Ahli: Betul!

Seorang Ahli: Berapa, berapa nak?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya tak boleh bagilah tahu berapa hendak itu. Ini terpulanglah. *Maybe* sebelah sana nak banyak sedikit, sebelah sini nak sedikit. Saya tak tahulah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, *thank you for your indulgence*, dengan izin. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya kita masih ada satu minit lagi. Tuan Chandra Mohan.

5.30 ptg.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Masa dah cukup, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Ini, sempat cakap terima kasih dululah dan sambung esok ya. Akan tetapi dalam rekod dia akan pergi saya ucap sepanjang dua hari ya.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Jadi, saya akan sambung esok ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Saya akan ikut contoh Yang Berhormat Tan Sri Rahim. Mungkin fokus kepada empat isu sahaja, *main issue* yang I rasa tertinggallah, tak perlu perhatian. Akan tapi sebelum itu, ada satu minit. Cuma nak komen pasal tidak keseimbangan antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan. *Operating* dengan *development*.

Timbalan Yang di-Pertua: Esok boleh Yang Berhormat bahaskan ya secara lebih meluas. Baiklah Yang Berhormat, persidangan kita hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 4 Disember 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.]